

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Laporan Tahunan

2020

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ISSN 2600-7681



9 772600 768000

Laporan Tahunan

2020

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Hak cipta PKK UMK, 2021

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor.

Tajuk: Laporan Tahunan Universiti Malaysia Kelantan Tahun 2020
No. ISSN: 2600-7681

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penerbitan,
Pusat Komunikasi Korporat,
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok,
Kelantan

Dengan kerjasama:

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Lot 13 A-D Kawasan Industri MARA Fasa 3
16100 Kota Bharu
Kelantan



KANDUNGAN

ALU-ALUAN Pengerusi LPU	007
LAPORAN Naib Canselor	009
LATAR BELAKANG Penubuhan Universiti	019
MAKLUMAT Lembaga Pengarah	025
LAPORAN Tadbir Urus Korporat	037
LAPORAN Pencapaian UMK	069
LAPORAN Analisis Kewangan	189
PENYATA Kewangan Yang Telah Diaudit	215



“Kita juga perlu
sentiasa bersatu hati
meneruskan usaha
dan mengamalkan nilai
integriti yang tinggi agar
dapat bersama- sama
mendepani segala
cabaran mendatang
dengan jayanya.”

Dato' (Dr.)
Hussamuddin bin Haji Yaacob
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Kelantan



ALU-ALUAN PENGERUSI LPU

Bismillahirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan Inayah-Nya kita dapat mengharungi Tahun 2020 dengan jayanya walaupun ketika ini, dunia dilanda Pandemik Covid-19. Saya amat berbangga dengan kerjasama dan usaha gigih yang dipamerkan oleh semua pihak melalui barisan kepimpinan UMK yang diterajui oleh barisan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Ahli Senat Universiti dan khususnya kepada semua warga UMK yang disayangi dalam mencapai kejayaan demi kejayaan melalui aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

Justeru, saya merakamkan penghargaan atas segala komitmen dan usaha gigih yang diberikan oleh warga UMK dalam menjayakan pelbagai program yang dapat diabadikan dalam Buku Laporan Tahunan ini. Semoga segala usaha dan komitmen kita selama menjalankan tugas yang diamanahkan mendapat keredaan Allah SWT. Kita juga perlu sentiasa bersatu hati meneruskan usaha dan mengamalkan nilai integriti yang tinggi agar dapat bersama-sama mendepani segala cabaran mendatang dengan jayanya.

Usaha-usaha bekerja dalam satu pasukan antara semua pihak dengan sokongan pelbagai pihak berkepentingan wajar diterus dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar mendapat keberhasilan yang optimum seterusnya memberikan manfaat untuk kemaslahatan ummah.

Justeru, penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pengamalan ciri-ciri peribadi yang positif bersesuaian dengan tuntutan perubahan persekitaran kerja yang berlaku perlu sentiasa menjadi nilai amalan seluruh warga kerja UMK.

Semoga penerbitan Buku Laporan Tahunan 2020 ini dapat memberi gambaran jelas tentang pencapaian Universiti Malaysia Kelantan secara keseluruhannya. Semoga kita semua sentiasa berusaha mendukung aspirasi kecemerlangan selari dengan hasrat Kerajaan bagi memenuhi perkembangan semasa. Semoga terus maju jaya dengan pelbagai usaha baik ke arah kelestarian bersama.

Sekian, terima kasih.



“Meskipun laluan menuju kejayaan ini berliku dan penuh pancaroba, namun iltizam dan semangat juang yang tinggi dalam kalangan warganya telah berjaya mengukuhkan jenama UMK sebagai eksklusif, tersendiri dan disegani”

Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan

LAPORAN NAIB CANSOLOR


Bismillahirrahmanirahim,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kini telah mencapai usianya 15 tahun, UMK tidak berpaling lagi dan terus bergaya mengorak langkah lebih proaktif dan inovatif dalam melakar kejayaan sebagai Universiti Keusahawanan nombor satu di Malaysia 2023, Asean 2026 dan Asia 2030. Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Penerbitan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan Tahun 2020 kerana berjaya menyediakan laporan yang sangat komprehensif dengan kehendak dan keperluan bagi pembentangan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan Parlimen Malaysia.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mewarnai tahun 2020 dengan pelbagai kisah kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Meskipun laluan menuju kejayaan ini berliku dan penuh pancaroba, namun iltizam dan semangat juang yang tinggi dalam kalangan warganya telah berjaya mengukuhkan jenama UMK sebagai eksklusif, tersendiri dan disegani. Kejayaan UMK pada hari ini adalah berkat dorongan dan sokongan tidak berbelah bahagi pihak-pihak berkepentingan seperti Kerajaan, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Pengarah Universiti, barisan Pengurusan Universiti, staf dan pelajar serta pihak industri dan majikan.

Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2016-2020 yang digarap berpaksikan visi dan misi serta berteraskan nilai murni, menjadi rujukan asas kepada halatuju UMK sehingga tahun 2020. Selain itu, dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UMK telah menggariskan empat (4) KPI Minister Performance Index (MPI), empat (4) KPI Keusahawanan dan sebelas (11) KPI Outcome Based Budget (OBB) untuk memacu institusi ini mencapai sasarannya.


MINISTER PERFORMANCE INDICATORS (MPI)



Minister Performance Indicators (MPI) adalah berkaitan dengan pencapaian yang menjuruskan kepada peratusan kebolehpasaran graduan, peratusan penjanaan pendapatan sendiri berbanding perbelanjaan operasi, nisbah (jumlah) kumulatif sitasi dan bilangan (peratusan) pelajar antarabangsa.

UMK telah menunjukkan kejayaan dalam kebolehpasaran graduan (Graduate Employability - GE) pada tahun 2020 iaitu sebanyak 90.6%. Ini menunjukkan bahawa graduan UMK sentiasa memenuhi kehendak pemain industri di negara ini selain kemampuan mewujudkan peluang pekerjaan secara sendiri.

Selain itu, penjanaan pendapatan UMK menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 sebanyak 30.84% berbanding tahun 2019 sebanyak 23%. UMK telah mempelbagaikan penjanaan pendapatan iaitu dengan mengoptimumkan enrolmen pelajar, pendapatan melalui anak syarikat, aktiviti latihan, pengkemersialan, keusahawanan, perundingan, pelaburan, zakat, wakf dan endowmen.



Pada tahun 2020, jumlah enrolmen pelajar ke UMK menunjukkan peningkatan daripada sebanyak 94% berbanding pada tahun 2019 sebanyak 67%. Peningkatan ini menunjukkan kepercayaan pelajar yang diberikan kepada UMK sebagai Universiti Keusahawanan di negara ini. Selain itu, enrolmen bagi pelajar antarabangsa mencatatkan peningkatan sebanyak 69% iaitu 137 orang pelajar pada tahun 2020 berbanding 19% iaitu 38 orang pelajar pada tahun 2019.

Seterusnya, nisbah (jumlah) kumulatif sitasi bagi UMK pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 11.2 (3,778) berbanding dengan tahun 2019 sebanyak 6.8 (2,463). Secara keseluruhannya, peningkatan nisbah penerbitan telah membantu dalam menambahkan kumulatif sitasi tersebut.



OUTCOME BASED BUDGETING (OBB)

Pelaksanaan Outcome Based Budgeting (OBB) di UMK adalah salah satu manifestasi peralihan daripada penilaian prestasi berasaskan output kepada penilaian prestasi yang berasaskan kepada keberhasilan. Dalam hal ini, UMK telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan sistem OBB. Oleh itu, antara OBB yang telah dilaksanakan oleh UMK adalah usahawan graduan, produk penyelidikan dikomersialkan, peratus penyelidik utama, jumlah pingat yang diperolehi, penerbitan WOS/Scopus, MyOBE peringkat sarjana muda, IGOT peringkat sarjana muda, program work based learning (WBL), keciciran pelajar peringkat sarjana muda, staf akademik berkelayakan profesional atau pengalaman

industri dan staf akademik yang diiktiraf sebagai pakar rujuk.


UMK bermatlamat untuk menghasilkan usahawan graduan yang mempunyai atribut keusahawanan, pengetahuan dan kemahiran pengurusan serta atribut sendiri untuk berdaya saing dalam menempuh alam keusahawanan. Saban tahun UMK akan berusaha untuk meningkatkan bilangan usahawan graduan. Tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 14.80% berbanding tahun 2019 berbanding sebanyak 12.97%. Selain itu, KPT juga giat menjalin kerjasama strategik dengan kerajaan negeri melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP@State untuk memberi peluang kepada mahasiswa serta graduan meningkatkan kemahiran dan mendapat penempatan pekerjaan atau pembiayaan kewangan perniagaan setelah tamat pengajian.

Pada tahun 2020 juga menyaksikan UMK telah mengkomersialkan produk penyelidikan sebanyak enam (6) produk iaitu melalui makanan sejuk beku, jus, pes, ike bekok, UMK-VISS, cuka rambutan, kambing baka kacuk dan UMK care kits (face shield, PPE Suit, Incubator box).

Bagi memastikan UMK terus aktif dalam menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi, pendanaan amat diutamakan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh warga UMK untuk meningkatkan geran penyelidikan. Pada tahun 2020, geran penyelidikan yang diterima dari dalam dan luar negara sebanyak RM8,156,080.00 berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM7,409,370.00. Selain itu, peratus penyelidik utama juga menunjukkan peningkatan yang membanggakan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 79.6% berbanding tahun 2019 sebanyak 65.7%.

Tahun 2020 jumlah pingat pingat emas dan khas dalam pertandingan inovasi menunjukkan peningkatan sebanyak 57 pingat emas dan khas berbanding tahun 2019 sebanyak 37 pingat emas dan khas. Pingat ini diraih melalui pelbagai pertandingan seperti MTE, ITEX, PECIPTA, BIF, RISE, UMS, NICERS dan lain-lain. Seterusnya, UMK turut menunjukkan peningkatan dalam penerbitan WOS/Scopus pada tahun 2020 iaitu sebanyak 459 berbanding 410 bagi tahun 2019.


Selain itu, UMK telah mencapai lima (5) program "Work Based Learning" iaitu melalui Program Sarjana Muda Keusahawanan, Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti), Sarjana Muda Keusahawanan (Kesejahteraan), Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dan Sarjana Muda Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris. Oleh itu, UMK juga menunjukkan peningkatan dalam IGOT peringkat sarjana muda iaitu sebanyak 88% pada tahun 2020.



KEUSAHAWANAN

UMK merupakan sebuah universiti yang berteraskan keusahawanan. Oleh itu, sebanyak 100% pelajar mendapat pendedahan berkaitan keusahawanan. Tahun 2020 menunjukkan peningkatan seramai 1,424 orang usahawan pelajar dan 776 syarikat pelajar telah di daftarkan di bawah Suruhajaya Syarikat Universiti (SSU) berbanding tahun 2019 seramai 511 orang usahawan pelajar dan 278 syarikat pelajar telah di daftarkan di bawah SSU. Selain itu, kepakaran tenaga pengajar bidang keusahawanan juga menunjukkan peningkatan sebanyak 26.2% tahun 2020 berbanding tahun 2019 sebanyak 15.7%.

Dalam memperkasakan keusahawanan pelajar, UMK telah menubuhkan GIG Economy Lab untuk membangunkan usahawan pelajar dalam melaksanakan perniagaan. Selain itu, UMK juga telah memperkenalkan Jeli Food Farm Valley dan Jeli Cottage Complex.



Tahun Pengajian & Pelajar

- Tahun 1: 60 orang
- Tahun 2: 133 orang
- Tahun 3: 288 orang
- Tahun 4: 28 orang
- Tahun 5: 2 orang

Tahun Pengajian & Pelajar

- Tahun 1: 439 orang
- Tahun 2: 328 orang
- Tahun 3: 285 orang
- Tahun 4: 339 orang
- Tahun 5: 33 orang



Sumber: Institut Keusahawanan UMK (UMKEI)

LAIN-LAIN PENCAPAIAN DAN INISIATIF

Tahun 2020 UMK telah meraih empat (4) bintang dalam penilaian penyelidikan MyRA berbanding tahun sebelumnya hanya tiga (3) bintang. Selain itu, penarafan bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) yang dikira tiga (3) tahun sekali menunjukkan peningkatan sebanyak empat (4) bintang tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya hanya tiga (3) bintang.

UMK juga telah meraih kejayaan dalam mengekalkan persijilan MS ISO 9001 : 2015 oleh SIRIM melalui Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu. Selain itu, UMK juga menubuhkan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) dalam menangani isu integriti, tadbir urus dan antirasuah di organisasi masing-masing. UMK juga telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengajian tinggi dalam menaiktarafkan Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah kepada Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan.



Selain itu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengungguli kategori ‘Student-Driven Sustainability Project of the Year Award’ di Majlis Penganugerahan Asia-Pacific Triple E Awards on Entrepreneurship and Engagement Excellence in Higher Education (ACEEU) 2020, di India. Pencapaian ini merupakan manifestasi hasil kerja keras dan iltizam warga kerjanya dalam menzahirkan kecemerlangan institusi ini di persada antarabangsa.

KEWANGAN

Pada tahun 2020, UMK telah menunjukkan peningkatan dalam kutipan dan agihan zakat iaitu terimaan yang diperolehi sebanyak RM1, 259,107.00 berbanding tahun 2019 sebanyak RM530,532.00. Manakala agihan bagi tahun 2020 juga menunjukkan peningkat sebanyak RM740,730.00 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak RM558,563.00.



PEMBANGUNAN AKADEMIK

Dalam pembangunan akademik UMK telah memperkenalkan system E-Learning iaitu LMS UMK (eCampus) yang menjadi platform utama meneraju pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan mengambil kira situasi PKP Covid-19. Selain itu, pada sesi 2020/2021, pembelajaran teradun (blended learning) telah mencapai 95% dari keseluruhan kursus yang ditawarkan. Tahun 2020 UMK juga telah beralih ke platform

Massive Open Online Courses (MOOC) untuk pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. UMK telah menawarkan kursus secara terbuka untuk semua (education for all) dan penawaran kursus untuk pelaksanaan Credit Transfer MOOC (CTM) & Micro-credential (McR) tetapi tidak ditawarkan bagi kursus-kursus yang perlu diakreditasi oleh Badan Profesional.



PEMBANGUNAN PELAJAR

Pada tahun 2020 UMK meneruskan inisiatif starting, Pre-Finishing dan Finishing School bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi meningkatkan pembangunan kerjaya dan alumni pelajar antaranya seperti CIMB Career Day@UMK, Graduates Preparatory Workshop@Zoom, Career Toolbox for Job Search Strategy, e-Karnival PENJANA PERKESO dan MyCareer@MOHE 2020 Zon Timur dan sebagainya.



PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

Sebagai pelengkap kepada ekosistem keusahawanan, tahun 2020 UMK telah menjadi universiti pertama di Malaysia menempatkan Pejabat Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Kerjasama strategik UMK-NIOSH berkonsepkan industri dalam universiti yang memperlihatkan kekuatan dan kepakaran UMK dalam membangun industri dan masyarakat. Sebagai pengupayaan pembangunan sosioekonomi tempatan, UMK sentiasa komited untuk mentransformasi masyarakat melalui teknologi dan literasi pengetahuan iaitu melalui kerjasama UMK dan kerajaan negeri Kelantan yang dipanggil Lembah Barakah Kelantan-UMK. Inisiatif strategik hub keberkatan sosioekonomi negeri Kelantan melalui kolaborasi antara kerajaan negeri Kelantan dan kepakaran UMK untuk merealisasikan Pelan Strategik Kelantan Melangkah ke Hadapan 2016-2025.




PEMBANGUNAN STAF

UMK juga telah memperkasakan pembangunan staf melalui pembangunan bakat bersasar pentadbir iaitu dengan memperkasakan pengurusan bakat, pembinaan kapasiti kepimpinan dan memperkasakan kumpulan bakat. Dalam merealisasikan objektif ini, UMK melaksanakan pelbagai program seperti Tell and Search Team on Data Analysis, Organisational Diagnosis Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian dan sebagainya. Seterusnya UMK juga memperkenalkan UMK Rising Star bagi melonjakkan bidang penyelidikan, inovasi dan penerbitan berimpak tinggi yang melibatkan pensyarah muda.

PENUTUP

Kejayaan UMK pada hari ini merupakan kerjasama semua pihak yang berkepentingan. Justeru itu, saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada YB. Menteri Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti, warga Universiti, mahasiswa dan rakan industri yang memberi sokongan tidak berbelah bahagi terhadap usaha dan inisiatif Universiti untuk terus kekal terbilang dan cemerlang.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		PENCAPAIAN		
		TAHUN 2018	TAHUN 2019	TAHUN 2020
MINISTER PERFORMANCE INDEX (MPI)				
1.	Peratusan kebolehpasaran graduan	70%	91.9%	90.6%
2.	Peratusan penjanaan pendapatan berbanding perbelanjaan operasi	22%	23%	30.9%
3.	Bilangan (Peratusan) pelajar antarabangsa	73%	50%	69%
4.	Nisbah (jumlah) kumulatif sitasi	4.3%	6.8	11.0
OUTCOME BASED BUDGET				
1.	Peratusan graduan yang bekerja sendiri	2.82%	9.8%	14.8%
2.	Bilangan produk penyelidikan dikomersialkan	0	5	6
3.	Peratusan (Bilangan) Penyelidik Utama (PI) dalam geran penyelidikan	54%	65.7%	79.6%
4.	Bilangan pingat emas/khas dimenangi dalam pertandingan inovasi	4	30	55
5.	Bilangan penerbitan artikel dalam jurnal dan prosiding berindeks WoS/SCOPUS	211	280	450
6.	Peratus MyOBE peringkat Sarjana Muda	100%	100%	100%
7.	Bilangan program 'Work Based Learning' baharu	1	2	5
8.	Peratusan iGOT peringkat Sarjana Muda	85.4%	90%	88%
9.	Peratusan keciciran pelajar peringkat Sarjana Muda	9.4%	6%	6.8%
10.	Peratusan staf akademik diiktiraf sebagai pakar rujuk	33.6%	34.4%	40%
11.	Peratusan staf akademik berkelayakan profesional atau pengalaman industri (sekurang-kurangnya 6 tahun secara kumulatif)	25.2%	33.2%	65%



Universiti Malaysia Kelantan

LATAR BELAKANG PENUBUHAN UMK

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan penubuhan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006. UMK merupakan satu-satunya universiti penuh yang ditempatkan di negeri Kelantan Darul Naim. Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (entrepreneurship education). Oleh itu, frasa rangsangan "Entrepreneurship is Our Thrust" digunakan dengan meluas.



Bagi jangka masa pendek dan sederhana, empat (4) kelompok bidang teras diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, agro industri dan sumber asli, teknologi kreatif dan warisan, dan perubatan veterinar. Pada masa yang sama, penekanan juga diberi kepada kemahiran bahasa dan pembangunan insaniah. Program-program ini diwujudkan bagi

melahirkan insan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat untuk kesejahteraan global. Perhatian diberi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (Capability and Capacity Building of SMEs) dengan teknologi sebagai pengupaya dalam menggerakkan kejayaan.



VISI

Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

MISI

Kami menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial.

SLOGAN

- Keusahawanan Teras Kami
- Transformative * Entrepreneurial * Excellent

OBJEKTIF

- Sumber Manusia;
Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, berintegriti, berkualiti dan profesional.
- Kewangan;
Menjana pendapatan dan mengoptimalkan perbelanjaan yang dapat menyokong kelestarian universiti.
- Akademik dan Antarabangsa;
Membangun program pengajian serta aktiviti akademik universiti yang lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global.
- Penyelidikan dan Inovasi;
Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang mampu memberi impak kepada masyarakat melalui libatsama universiti, kerajaan, industri dan komuniti.
- Keusahawanan dan Sosioekonomi;
Menerapkan budaya keusahawanan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, persekitaran dan industri.
- Tadbir Urus dan Transformasi Penyampaian;
Memperteguh tadbir urus yang efisien dan sistematik serta membangun infostruktur bagi menyokong persekitaran kondusif.
- Penjenamaan;
Mencipta imej dan identiti tersendiri yang menggambarkan reputasi sesebuah organisasi melalui petunjuk yang ketara.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

LOGO UNIVERSITI UNIVERSITY LOGO



LANGKAH 1: MUAT TURUN
Muat turun aplikasi "AR UMK" di Google Play Store atau Apple App Store

STEP 1: DOWNLOAD
Download "AR UMK" application in the Google Play Store or Apple App Store



LANGKAH 2: IMBAS
Imbas gambar LOGO UNIVERSITI dengan aplikasi "AR UMK"

STEP 2: SCAN
Scan the LOGO UNIVERSITY image by "AR UMK" application



LANGKAH 3: VIDEO DIPAPARKAN
Video akan terpapar di skrin telefon pintar

STEP 3: VIDEO POP-UP
Video will pop-up on the smartphone screen



TERAS STRATEGI PEMBANGUNAN UMK

- Membangunkan dan mengantarabangsakan program pengajian serta akademik universiti;
- Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan;
- Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
- Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan; dan
- Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.

NILAI TERAS ORGANISASI

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendokong teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti universiti. Tiga (3) nilai teras UMK adalah seperti berikut:

- Kreatif dan inovatif;
- Kesediaan untuk membuat dan menerima perubahan; serta
- Bersikap profesional dalam segala tindakan.

Kreatif dan Inovatif

Warga UMK harus sentiasa mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambah baik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna. Seterusnya, warga UMK juga perlu memperkenalkan produk, kaedah atau pendekatan baharu dalam penawaran perkhimatan pendidikan keusahawanan dengan mengambil kira penyesuaian kepada perubahan persekitaran.

Kreativiti harus digunakan dalam penyelesaian masalah yang rumit walaupun dengan sumber terhad tetapi kehendak pengguna dapat dipenuhi seperti yang diharapkan. Di samping itu, warga UMK wajar bersedia meneroka kepelbagaian kemungkinan dengan memperkenalkan idea baharu dan unik bagi mencipta peluang-peluang baharu.

Kesediaan Untuk Membuat dan Menerima Perubahan

Warga UMK perlu bersedia untuk mempelajari dan meneroka ilmu baharu untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab. Mereka juga harus mengambil sikap positif kepada teguran yang membina sebagai proses pemantapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu yang fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Seterusnya, warga UMK wajar bersedia menyesuaikan diri mengikut kehendak perubahan persekitaran kerja dan tanggungjawab.

Profesional

Warga UMK harus berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab. Mereka perlu mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab dengan memainkan peranan secara efisien dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran. Warga universiti sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Visi UMK dengan mengamalkan sikap mesra dan endah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, bertanggungjawab dan komited serta bersyukur dan redha. Akhirnya, warga universiti wajar bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama serta sokongan apabila dipimpin semasa melaksanakan tugasan.



MAKLUMAT LEMBAGA PENGARAH



ANGUN





CANSELOR

**YANG TERAMAT MULIA
DR. TENGGU MUHAMMAD FA-IZ PETRA IBNI ALMARHUM
SULTAN ISMAIL PETRA**

D.K., S.P.M.K, D.M.K. (KEDAH), Ph.D (UCL)

TENGGU MAHKOTA KELANTAN





PRO-CANSELOR

**YANG BERTHORMAT MULIA
TENGGU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM BIN TENGGU
ABDUL AZIZ**

D.K. (KELANTAN), P.S.M., S.P.M.K., S.J.M.K., P.A.T.

TENGGU TEMENGGONG KELANTAN



**DATO' (DR.)
HUSSAMUDDIN HAJI
YAACUB**
PENGERUSI



**PROF. DATO' DR. NOOR
AZIZI ISMAIL**
AHLI



**DR. MOHD ZABRI
YUSOFF**
AHLI



**DR. WAN FARISAN
WAN SULAIMAN**
AHLI



**DATUK DR. CHE
MUHAYA HAJI
MOHAMAD**
AHLI



**PROF. DR. KHAIRIL
WAHIDIN AWANG**
AHLI

AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**DATIN PADUKA
KARTINI HAJI ABDUL
MANAF**
AHLI



**TAN SRI CHE MOHD
HASHIM ABDULLAH**
AHLI



**DATO' HAJI NAZRAN
MUHAMMAD**
AHLI



**DATUK SR. HAJI
MD ALWI HAJI CHE
AHMAD**
AHLI



**PUAN NORMALIA
IBRAHIM**
AHLI SILIH GANTI



**PUAN HASIFAH
MOHD MURTADZA**
AHLI SILIH GANTI



**PROF. DATO' DR.
NOOR AZIZI ISMAIL**
NAIB CANSOLOR



**PROF. DR. MOHD RAFI
YAACOB**
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)



**PROF. TS. DR.
ZALIMAN SAULI**
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR
DAN ALUMNI)



**PROF. TS. DR. ARHAM
ABDULLAH**
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN
INOVASI)

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI



**PUAN MAZULA
SABUDIN**
PENDAFTAR



**PUAN JUNAIDAH
BADAR**
BENDAHARI



**ENCIK AZMAN
HASHIM**
KETUA PUSTAKAWAN



**PUAN NURHAYATI
ISMAL**
PENASIHAT
UNDANG-UNDANG

PENGERUSI (NAIB CANSOLOR)

Seksyen 22(1)(a) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. DATO' DR. NOOR AZIZI ISMAIL

Naib Canselor

TIMBALAN NAIB CANSOLOR

Seksyen 22(1)(B) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. DR. MOHD RAFI YAACOB

Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

PROF. TS. DR. ZALIMAN SAULI

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROF. TS. DR. ARHAM ABDULLAH

Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

DEKAN FAKULTI DAN SEMUA KETUA KAMPUS CAWANGAN, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT, UNIVERSITI

Seksyen 22(1)(c) Perlembagaan Universiti Malaysia
Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. DR. RAZLI CHE RAZAK

Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

PROF. DR. ROSELINA AHMAD SAUFI

Dekan
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

DR. HANISA HASSAN

Dekan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

PROF. DR. MOHD AZAM KHAN GORIMAN KHAN

Dekan
Fakulti Perubatan Veterinar

PROF. DR. NIK MARZUKI SIDIK

Dekan
Fakulti Industri Asas Tani

PROF. MADYA TS. DR. MOHAMAD FAIZ MOHD AMIN

Dekan
Fakulti Sains Bumi

PROF. DR. KHAIRIL WAHIDIN AWANG

Dekan
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan Dan
Kesejahteraan

PROF. MADYA DR. SHARDY ABDULLAH

Dekan
Fakulti Seni Bina dan Ekistik

PROF. MADYA DR. NOOR AZLINA IBRAHIM

Dekan
Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi

DR. BURHAN CHE DAUD

Dekan
Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan
Insan

AHLI SENAT

PROF. MADYA TS. DR. ZURAIMI ABDUL AZIZ

Pengarah
Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE)

PROF. DR. SURIA BABA

Pengarah
Pusat Kecemerlangan & Pembangunan Akademik

PROF. DR. NIK MAHERAN NIK MUHAMMAD

Pengarah Kanan
Institut Keusahawanan UMK

TS. DR. MUHAMAD SAUFI CHE RUSULI

Pengarah
Pusat Ko-Kurikulum

PROFESOR

Seksyen 22(1)(d) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. DR. MOHD ROSLI MOHAMAD

Profesor
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

PROF. DR. MOHD SABERI TAN AH CHIK@ MOHAMAD

Profesor
Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi

PROF. IR. TS. DR. AHMAD ZIAD SULAIMAN

Profesor
Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi

PROF. DR. JASNI SABRI

Profesor
Fakulti Perubatan Veterinar

PROF. IR. TS. DR. AHMAD RASDAN BIN ISMAIL

Profesor
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

PROF. DR. SITI ZAITON MOHD HASHIM

Profesor
Jabatan Sains Data

AHLI YANG DIKO-OPT OLEH NAIB CANSOLOR

Seksyen 22(1)(e) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

PROF. MADYA DR. NOOR HASMINI ABD GHANI

Pengarah
Pusat Pengurusan Kualiti Universiti

Ts. WAN AZLEE BIN HJ. WAN ABDULLAH

Pengarah
Pusat Komputeran dan Informatik

EX-OFFICIO

Seksyen 22(4) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

MAZULA SABUDIN

Pendaftar

JUNAIDAH BADAR

Bendahari

AZMAN HASHIM

Ketua Pustakawan

NURHAYATI ISMAIL

Penasihat Undang-undang

AHLI TURUT HADIR

Seksyen 22(2) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A)462/ 2010]

AHMAD HURAIRAH MOHD NOOR

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Pelajar Sesi 2019/ 2020
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

UMMI SALIMA KASIM@KASMI

S/U Agong Perwakilan Pelajar Sesi 2019/ 2020
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

SETIAUSAHA

5 (2) Statut Universiti Malaysia Kelantan (Senat) 2018

ASLINA ABDULLAH

Timbalan Pendaftar
Bahagian Pentadbiran Akademik



LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan
1.	Dato' (Dr.) Hussamuddin Haji Yaacub	Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkrak Sdn. Bhd	01/11/2018 - 31/10/2021
2.	Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail	Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan	07/01/2019 - 06/01/2022
3.	Prof. Dr. Khairil Wahidin bin Awang	Profesor UMK (Wakil Senat)	01/10/2019 - 30/09/2022
4.	YB Dato' Haji Nazran Muhammad	Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Wakil Berpengalaman & Berpengalaman)	01/10/2018 - 30/09/2021
5.	Dr. Mohd Zabri bin Yusoff	Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengajian Tinggi	01/06/2020 - 31/05/2023
6.	Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman	Ketua Seksyen Seksyen Economics Modelling dan Kajian Polisi Awam, Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia (Wakil Kementerian Kewangan Malaysia)	17/07/2018 - 16/07/2022 (Lantikan Pertama) 09/08/2021 - 08/08/2023 (Lantikan kedua)
7.	Datuk Dr. Che Muhaya Haji Mohamad	Pengarah dan Pakar Mata Prof. Muhaya Eye & Lasik Centre (Wakil Swasta)	15/10/2018 - 14/10/2021

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan
8.	YB. Datuk Sr. Haji Md Alwi bin Haji Che Ahmad	Wakil Swasta	26/07/2020 - 25/07/2023 Dipendekkan tempoh sehingga 01 Mei 2021
9.	Datin Paduka Kartini Hj. Abdul Manaf	(Wakil Swasta)	15/11/2017 - 14/11/2020
10.	Tan Sri Che Mohd Hashim bin Abdullah	Wakil Masyarakat	25/06/2020 - 24/06/2023
11.	Normalia binti Ibrahim	Timbalan Setiausaha Bahagian Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar, Kementerian Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi	15/12/2018 - 14/12/2021
12.	Norhaslinda binti Mat Isa	Pegawai Ekonomi Kanan Seksyen Sektor Perkhidmatan, Bhg. Ekonomi Kementerian Kewangan	16/02/2021 – 15 /02/2024

TARIKH MESYUARAT LPU

Bil.	Tarikh Mesyuarat	Bilangan Mesyuarat
1.	17 Februari 2020 (Isnin)	Bil.1/2020 (Kali ke-53)
2.	28 Jun 2020 (Ahad)	Bil.2/2020 (Kali ke-54)
3.	23 Ogos 2020 (Ahad)	Bil.3/2020 (Kali ke-55)
4.	22 September 2020 (Selasa)	LPU Khas Bil.1/2020
5.	25 Oktober 2020 (Ahad)	Bil.4/2020 (Kali ke-56)

SENARAI JAWATANKUASA

Bil.	Tarikh Mesyuarat
1.	Jawatankuasa Tetap Kewangan
2.	Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
3.	Jawatankuasa Audit (JKA)
4.	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JPRU)
5.	Jawatankuasa Pembangunan Universiti
6.	Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti (JIPU)
7.	Majlis Action Group For Entrepreneurship (AGE) Universiti Malaysia Kelantan
8.	Jawatankuasa Pemilih Universiti Malaysia Kelantan : a. Jawatankuasa Pemilih Jawatan Akademik Bagi Jawatan Kursi, Profesor Kanan dan Profesor b. Jawatankuasa Pemilih Jawatan Bukan Akademik Bagi Jawatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang
9.	Jawatankuasa Tatatertib Universiti Malaysia Kelantan a. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Universiti Malaysia Kelantan b. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar Universiti Malaysia Kelantan
10.	Lembaga UMK Business Venture
11.	Lembaga Perolehan Universiti

SENARAI FUNGSI DAN BIDANG KUASA JAWATANKUASA

1. Jawatankuasa Tetap Kewangan	
Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memperakukan permohonan bajet mengurus Universiti sebelum dikemukakan kepada MOF. ▪ Memperakukan permohonan bajet pembangunan Universiti sebelum dikemukakan kepada KPM setiap 5 tahun sekali selaras dengan permohonan projek di bawah Rancangan Malaysia. ▪ Memperakukan Penyata Kewangan dan Laporan Kewangan Universiti sebelum dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara ▪ Memperakukan kepada LPU untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan/JPA atau pekeliling lain yang mana pelaksanaannya akan menimbulkan implikasi kewangan atau lain yang berkaitan ▪ Memperakukan prosedur atau peraturan pengurusan kewangan, perolehan dan yang berkaitan bagi tujuan mengawasi semua urusan kewangan dan akaun Universiti ▪ Mengatur serta mengawal apa-apa sistem kewangan dan akaun Universiti yang diarahkan oleh LPU dari masa ke semasa
Ahli- ahli Jawatankuasa	<p>Pengerusi : Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman</p> <p>Ahli : Datin Paduka Kartini binti Hj Abdul Manaf</p> <p>: Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail</p> <p>: Dato' Hj Nazran bin Muhammad</p> <p>Urusetia : Pejabat Bendahari</p>
Bil. dan tarikh mesyuarat	Empat (4) kali setahun

2. Jawatankuasa Kebajikan Pelajar

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan pelajar ▪ Mencadangkan dan memperakukan polisi berkaitan kebajikan pelajar merangkumi aspek berikut; <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembangunan sahsiah pelajar ▪ Persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif ▪ Kemudahan penginapan, pengangkutan dan perhubungan ▪ Kesihatan dan keselamatan ▪ Rekreasi dan riadah ▪ Memperakukan polisi berkaitan bantuan kewangan pelajar Universiti ▪ Memperakukan penubuhan tabung amanah kebajikan dan pembangunan pelajar 															
Ahli- ahli Jawatankuasa	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 30%;">Pengerusi</td> <td style="width: 10%;">:</td> <td>Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail</td> </tr> <tr> <td>Ahli</td> <td>:</td> <td>Prof. Dr. Khairil Wahidin bin Awang</td> </tr> <tr> <td></td> <td>:</td> <td>Datuk Prof. Dr. Che Muhaya Haji Mohamad</td> </tr> <tr> <td></td> <td>:</td> <td>Unit Kebajikan dan Tatatertib Pelajar</td> </tr> <tr> <td>Urusetia</td> <td>:</td> <td>Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni</td> </tr> </table>	Pengerusi	:	Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail	Ahli	:	Prof. Dr. Khairil Wahidin bin Awang		:	Datuk Prof. Dr. Che Muhaya Haji Mohamad		:	Unit Kebajikan dan Tatatertib Pelajar	Urusetia	:	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Pengerusi	:	Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail														
Ahli	:	Prof. Dr. Khairil Wahidin bin Awang														
	:	Datuk Prof. Dr. Che Muhaya Haji Mohamad														
	:	Unit Kebajikan dan Tatatertib Pelajar														
Urusetia	:	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni														
Bil. dan tarikh mesyuarat	Empat (4) kali setahun															

3. Jawatankuasa Audit

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa

- Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Luar;
- Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman Universiti dan mencadang dan menasihat Lembaga berhubung dengannya;
- Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan-tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga dengan mengemukakan laporan kepada Lembaga setiap suku tahun;
- Mengkaji dan menasihat Lembaga berhubung denganMemperakukan prosedur atau peraturan pengurusan kewangan, perolehan dan yang berkaitan bagi tujuan mengawasi semua urusan kewangan dan akaun universiti, Laporan Audit dan laporan – laporan Jawatankuasa yang lain yang dikeluarkan;
- Mengkaji dan menasihat Lembaga berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada Audit, dan perkara-perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga;
- Mengkaji semula bersama-sama dengan pihak pengurusan, juruaudit luar dan sekiranya perlu penasihat undang-undang mengenai sebarang litigasi, tuntutan dan lain-lain tanggungan luar jangka yang boleh memberi kesan terhadap kedudukan kewangan atau hasil universiti dan cara-cara perkara tersebut didedahkan dalam penyata kewangan;
- Mengesan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga serta tatakelakuan staf dan boleh menyiasat sebarang ketidakaturan yang berlaku dalam Universiti;
- Menentukan skop dan arah pengurusan audit Universiti;
- Memastikan bahawa Universiti sentiasa mengemaskini pelaksanaan kerja selaras dengan peraturan semasa;
- Melaksanakan fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- Mengatur serta mengawal apa-apa sistem kewangan dan akaun Universiti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa

3. Jawatankuasa Audit

Ahli- ahli Jawatankuasa	Pengerusi	: Tan Sri Mohd Hashim bin Abdullah (Wakil Masyarakat)
	Ahli	: Norhaslinda binti Mat Isa : Normalia binti Ibrahim
	Urusetia	: Unit Audit Dalam
Bil. dan tarikh mesyuarat	Empat (4) kali setahun	

4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyelia pengurusan risiko melalui penerimaan laporan berkala berkaitan pelaksanaan pengurusan risiko daripada Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko. ▪ Mencadangkan strategi dan tindakan susulan bagi pengurusan risiko. ▪ Menasihati Universiti dalam pengurusan mana-mana aktiviti/projek yang berisiko tinggi. ▪ Menyediakan maklumat mengenai perkembangan pengurusan risiko Universiti kepada Lembaga Pengarah. ▪ Mengkaji dan mengesyorkan Polisi Pengurusan Risiko yang menentukan dasar-dasar dan garis panduan utama untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah. ▪ Menyemak semula profil risiko dan daftar risiko bagi memastikan risiko Universiti diuruskan dengan baik. ▪ Melaksanakan sebarang tugas-tugas tambahan yang diminta oleh Lembaga pengarah Universiti bagi tujuan penambahbaikan pengurusan risiko Universiti. 	
Ahli- ahli Jawatankuasa	Pengerusi	: Dr. Mohd Zabri bin Yusoff
	Ahli	: Norhaslinda binti Mat Isa : Normalia binti Ibrahim
	Urusetia	: Unit Pengurusan Risiko Pusat Strategik Universiti
Bil. dan tarikh mesyuarat	Dua (2) kali setahun	

5. Jawatankuasa Pembangunan Universiti

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membincangkan isu-isu pembangunan Universiti dan mendapat maklum balas berhubung kemajuan pembangunan di semua kampus ▪ Antara agenda pembentangan adalah seperti berikut; <ul style="list-style-type: none"> ▪ Status pelan pembangunan ▪ Perkhidmatan komunikasi talian telefon dan internet ▪ Pengurusan persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan ▪ Kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jalan dan perparitan ▪ Bekalan air, elektrik dan mekanikal ▪ Menyediakan laporan status pembangunan universiti untuk pembentangan mesyuarat LPU ▪ Membincangkan saranan pembangunan daripada Mesyuarat LPU 	
Ahli- ahli Jawatankuasa	Pengerusi	: Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail
	Ahli	: Dr. Mohd Zabri bin Yusoff
		: Dato' Hj. Nazran bin Muhammad
		: Pengarah Pusat Pengurusan & Pembangunan Infrastruktur
	Urusetia	: Pusat Pembangunan & Pengurusan Infrastrukturi
Bil. dan tarikh mesyuarat	Empat (4) kali setahun	

6. Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mencadangkan kepada LPU berkenaan dasar pelaburan ▪ Melabur wang lebihan Universiti dari Kumpulan Wang Universiti yang tidak berpunca dari Kerajaan ▪ Memantau prestasi pelaburan ▪ Memperakukan pelantikan pengurus dana atau firma pengurus dana atau mengadakan jawatankuasa khas ▪ Menerima dan meneliti laporan dari pengurus dana tentang strategi pelaburan dan kedudukan semasa ▪ Membuat laporan berkala kepada LPU ▪ Mencadangkan kepada LPU berkenaan agihan keuntungan daripada pelaburan ▪ Mengemukakan cadangan untuk pelaburan baru dan penjualan saham kepada LPU 										
Ahli- ahli Jawatankuasa	<table border="0"> <tr> <td style="padding-right: 10px;">Pengerusi</td> <td>: Datin Paduka Kartini binti Haji Abdul Manaf</td> </tr> <tr> <td style="padding-right: 10px;">Ahli</td> <td>: Prof. Dr. Noor Azizi bin Ismail</td> </tr> <tr> <td></td> <td>: Tan Sri Mohd Hashim bin Abdullah</td> </tr> <tr> <td></td> <td>: Pengarah (Wakil Masyarakat) Pengarah Pusat Pengurusan & Pembangunan Infrastruktur</td> </tr> <tr> <td style="padding-right: 10px;">Urusetia</td> <td>: Pusat Pembangunan & Pengurusan Infrastrukturi</td> </tr> </table>	Pengerusi	: Datin Paduka Kartini binti Haji Abdul Manaf	Ahli	: Prof. Dr. Noor Azizi bin Ismail		: Tan Sri Mohd Hashim bin Abdullah		: Pengarah (Wakil Masyarakat) Pengarah Pusat Pengurusan & Pembangunan Infrastruktur	Urusetia	: Pusat Pembangunan & Pengurusan Infrastrukturi
Pengerusi	: Datin Paduka Kartini binti Haji Abdul Manaf										
Ahli	: Prof. Dr. Noor Azizi bin Ismail										
	: Tan Sri Mohd Hashim bin Abdullah										
	: Pengarah (Wakil Masyarakat) Pengarah Pusat Pengurusan & Pembangunan Infrastruktur										
Urusetia	: Pusat Pembangunan & Pengurusan Infrastrukturi										
Bil. dan tarikh mesyuarat	Empat (4) kali setahun										

7. Majlis Action Group For Entrepreneurship UMK (AGE)

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa

1. Kreativiti, Inovasi dan Komersialan
 - a. Menjalankan penyelidikan secara bersama, sama ada penyelidikan kontrak atau penyelidikan yang mengukuhkan penyelidikan di industri atau di UMK.
 - b. Menyediakan geran penyelidikan untuk tajuk/bidang yang telah dikenalpasti.
 - c. Menjalankan usaha inovasi dan komersialan melalui penyelidikan bersama.
2. Memperkasakan Modal Insan
 - a. Memberi peluang kepada staf akademik UMK untuk terlibat dalam tugas perundingan dengan industri mengikut kesesuaian bidang dan kepakaran.
 - b. Menasihati dalam meningkatkan peluang pekerjaan graduan, selain daripada menyediakan pelajar berketerampilan, industri disyorkan untuk mencadangkan kaedah untuk memberi peluang pekerjaan kepada graduan.
 - c. Menjalankan kursus/bengkel termasuk secara bersama dengan UMK, dalam usaha membantu meningkatkan peluang pekerjaan graduan.
 - d. Menyediakan peluang untuk membolehkan staf dan pelajar menjalankan program sangkutan atau latihan industri / internship.
 - e. Penawaran program peringkat ijazah dengan kerjasama pihak industri / syarikat seperti program 3+1 atau 2+2 yang pembelajaran dan pengajaran berlaku di universiti dan di syarikat untuk tempoh yang ditetapkan.
 - f. Penyediaan peluang dan ruang untuk pelajar menjalani Latihan Industri, Program Sangkutan bagi staf dan Program PhD Industri.
 - g. Strategi jalinan kerjasama dalam berkembang bakat melalui peluang pekerjaan kepada bakal graduan Universiti Malaysia Kelantan. Dengan cara ini, Syarikat juga membantu dalam meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran graduan

7. Majlis Action Group For Entrepreneurship UMK (AGE)

Fungsi dan Bidang Kuasa
Jawatankuasa

3. Kelestarian Ilmu

- a) Terlibat dalam pembangunan kurikulum akademik serta penambahbaikan program akademik agar menepati keperluan industri bagi tujuan penyediaan sumber tenaga kerja yang sesuai dan tepat.
- LAMPIRAN A
- b) Menyusun strategi untuk membolehkan perkongsian kepakaran dan pengalaman antara UMK dan industri, serta menjadi penghubung antara pihak industri dan Universiti khususnya dalam peningkatan ilmu pengetahuan, pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar.
- c) Penglibatan serta pembabitan dalam aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran khususnya dalam pembangunan kurikulum, pengajaran, penyeliaan dan penasihat akademik.

4. Penjanaan Pendapatan

- a. Menjadi sumber rujukan dalam bidang keusahawanan yang berkaitan dengan industri serta membantu memperkasakan Pusat Kecemerlangan (CoE) UMK.
- b. Memikirkan strategi untuk memastikan proses pemindahan teknologi berlaku antara UMK dengan industri yang berkaitan hasil dapatan daripada penyelidikan UMK.
- c. Memberi nasihat kepada UMK dalam aspek komersialisasi produk atau hasil daripada penyelidikan bidang utama Universiti.
- d. Mengadakan atau berusaha ke arah mewujudkan bentuk pembiayaan pengajian pelajar, program dan aktiviti Universiti.
- e. Melaksanakan secara bersama program atau aktiviti terhadap masyarakat sebagai usaha tanggung jawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility, CSR) industri meliputi aktiviti dalam bidang akademik, kebudayaan, kesukanan dan sebagainya bagi memperkukuhkan nilai keusahawanan sosial di kalangan warga Universiti.

7. Majlis Action Group For Entrepreneurship UMK (AGE)

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<p>f. Aktiviti perundingan untuk industri menggunakan kepakaran yang terdapat di Universiti Malaysia Kelantan, sama ada melalui perkongsian kepakaran serta pengalaman, menyampaikan seminar atau syarahan bersiri tentang tajuk yang berkaitan Pendidikan Keusahawanan.</p> <p>g. Syarikat / agensi boleh terlibat dalam aktiviti keusahawanan sosial sebagai tanggungjawab sosial kepada komuniti. Aktiviti ini boleh dijalankan secara bersama dengan Universiti .</p> <p>h. Membantu dalam menjayakan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan dalam mewujudkan spin-off companies.</p> <p>▪ (*Tidak terhad dan boleh diubah dari semasa ke semasa)</p>
Ahli- ahli Jawatankuasa	<p>Pengerusi : Dato' (Dr.) Hussamuddin bin Yaacob</p> <p>Ahli : Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail : Prof. Dr. Khairil Wahidin bin Awang</p> <p>Urusetia : UMKEI Pej. Timb. Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)</p>
Bil. dan tarikh mesyuarat	Empat (4) kali setahun

**8(a). Jawatankuasa Pemilih Universiti Malaysia Kelantan
Jawatan Akademik Bagi Jawatan Kursi, Prof. Kanan Dan Profesor**

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjalankan temu duga dan memperakukan keputusan temu duga kepada Majlis Pembangunan Sumber Manusia bagi mendapatkan kelulusan bagi mana- mana keputusan kenaikan pangkat. ▪ Memperakukan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk mendapatkan kelulusan kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Gred Khas C dan ke atas. 	
Ahli- ahli Jawatankuasa	Pengerusi	: Dato' (Dr.) Hussamuddin bin Yaacub
	Ahli	: Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail : Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman : Dr. Mohd Zabri bin Yusoff : Datuk Prof. Dr. Che Muhaya Haji Mohamad
	Urusetia	: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (HRM), Pejabat Pendaftar
Bil. dan tarikh mesyuarat		

**8(b). Jawatankuasa Pemilih Universiti Malaysia Kelantan
Jawatan Bukan Akademik Bagi Jawatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan Dan Penasihat Undang-Undang**

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) adalah bagi maksud mempertimbangkan pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti 	
Ahli- ahli Jawatankuasa	Pengerusi	: Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail
	Ahli	: Datin Paduka Kartini binti Abdul Manaf : YBhg. Tan Sri Mohd Hashim bin Abdullah (Wakil Masyarakat) : Dato' Haji Nazran bin Muhammad
	Urusetia	: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (HRM), Pejabat Pendaftar
Bil. dan tarikh mesyuarat	Mengikut Keperluan	

9 a. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Universiti Malaysia Kelantan

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Rayuan Tatatertib mempunyai kuasa untuk menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai terhadap keputusan sesuatu Jawatankuasa Tatatertib 										
Ahli- ahli Jawatankuasa	<table border="0"> <tr> <td>Pengerusi</td> <td>: Menteri/KSU/Naib Canselor</td> </tr> <tr> <td>Ahli</td> <td>: Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman</td> </tr> <tr> <td></td> <td>: Datuk Prof. Dr. Che Muhaya binti Mohamad</td> </tr> <tr> <td></td> <td>: Dato' Haji Nazran bin Muhammad</td> </tr> <tr> <td>Urusetia</td> <td>:Pejabat Penasihat Undang-Undang</td> </tr> </table>	Pengerusi	: Menteri/KSU/Naib Canselor	Ahli	: Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman		: Datuk Prof. Dr. Che Muhaya binti Mohamad		: Dato' Haji Nazran bin Muhammad	Urusetia	:Pejabat Penasihat Undang-Undang
Pengerusi	: Menteri/KSU/Naib Canselor										
Ahli	: Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman										
	: Datuk Prof. Dr. Che Muhaya binti Mohamad										
	: Dato' Haji Nazran bin Muhammad										
Urusetia	:Pejabat Penasihat Undang-Undang										
Bil. dan tarikh mesyuarat	Mengikut Keperluan										

9b. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar Universiti Malaysia Kelantan

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Rayuan Tatatertib mempunyai kuasa untuk menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai terhadap keputusan sesuatu Jawatankuasa Tatatertib 								
Ahli- ahli Jawatankuasa	<table border="0"> <tr> <td>Pengerusi</td> <td>: Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail</td> </tr> <tr> <td>Ahli</td> <td>: YB. Datuk Sr. Haji Md Alwi bin Haji Che Ahmad (Wakil Swasta)</td> </tr> <tr> <td></td> <td>: Datuk Prof. Dr. Che Muhaya binti Mohamad</td> </tr> <tr> <td>Urusetia</td> <td>: Bahagian Pentadbiran Akademik Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni</td> </tr> </table>	Pengerusi	: Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail	Ahli	: YB. Datuk Sr. Haji Md Alwi bin Haji Che Ahmad (Wakil Swasta)		: Datuk Prof. Dr. Che Muhaya binti Mohamad	Urusetia	: Bahagian Pentadbiran Akademik Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Pengerusi	: Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail								
Ahli	: YB. Datuk Sr. Haji Md Alwi bin Haji Che Ahmad (Wakil Swasta)								
	: Datuk Prof. Dr. Che Muhaya binti Mohamad								
Urusetia	: Bahagian Pentadbiran Akademik Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni								
Bil. dan tarikh mesyuarat	Mengikut Keperluan								

10. UMK Business Venture Sdn. Bhd.

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa	1) Laporan ringkas kes pelajar yang melanggar peraturan peperiksaan 2) Surat maklumat keputusan mesyuarat Senat mengenai kes tata tertib 3) Perbicaraan 4) Keputusan	
Ahli- ahli Jawatankuasa	Pengerusi	: En. Mohd Nazri bin Mat Noor
	Ahli	: Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (HRM), Pejabat Pendaftar
	Urusetia	: UMK Business Venture Sdn. Bhd
Bil. dan tarikh mesyuarat		

11. Lembaga Perolehan Universiti

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa

- i. Memeriksa dan meneliti pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkaitan), iklan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (jika perlu), jadual tender yang disediakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan laporan penilaian kewangan dan lain-lain;
- ii. Memastikan semua pelawaan tender mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuat kuasa. Bagi tender bekalan, pelawaan hendaklah di kalangan pembuat tempatan sahaja dan jika tiada pembuat tempatan, tender hendaklah dipelawa di kalangan pembekal. Tender tidak boleh dipelawa bersekali di kalangan pembuat tempatan dan pembekal;
- iii. Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender;
- iv. Mempertimbang dan memutuskan tender yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan;
- v. Memutuskan untuk menender semula atau mengesyorkan kaedah perolehan yang lain, jika Lembaga Perolehan mendapati tatacara perolehan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mengesyaki perkara luar aturan berlaku;
- vi. Mempertimbang dan menyetujui terima tender dengan syarat keputusan hendaklah sebulat suara dan selaras dengan had nilai yang ditetapkan;⁴⁴
- vii. Mempertimbang dan menyetujui terima mana-mana sebut harga yang diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang melebihi had nilai sebut harga;
- viii. Sekiranya ahli Lembaga Perolehan masih memerlukan maklumat lanjut daripada pretender mengenai sesuatu perkara semasa mesyuarat bersidang, Lembaga Perolehan boleh meminta Urus Setia Tender mendapatkan maklumat berkenaan;

11. Lembaga Perolehan Universiti

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa

- ix. Mana-mana ahli Lembaga Perolehan yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu tender itu, ahli tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri daripada perbincangan dan keputusan tender berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan;
- x. Ahli Lembaga Perolehan hendaklah bersikap neutral dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu tender serta bebas dari pengaruh luar; dan
- xi. Memastikan ahli Lembaga Perolehan berserta Urus Setia mesyuarat sahaja berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan tender hendak dibuat. Manamana pihak yang bukan ahli Lembaga Perolehan tidak dibenarkan berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan dibuat dan Pengerusi Lembaga Perolehan hendaklah memastikan peraturan ini dipatuh.
 - a. Pengerusi Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab memastikan Agenda Mesyuarat turut merangkumi pengesahan minit mesyuarat, perancangan tender, laporan kemajuan tender/perunding sebelum membincangkan kertas pertimbangan tender. Bagi tujuan penyelenggaraan rekod, kesemua perkara tersebut hendaklah diminitkan dengan jelas bagi memudahkan rujukan. Bagi kertas pertimbangan tender, perkara-perkara yang dibincangkan termasuk alasan penolakan dan pemilihan syarikat yang berjaya hendaklah dimasukkan dalam minit mesyuarat.
 - b. Pengerusi Lembaga Perolehan diberi kuasa untuk melanjutkan tempoh sah laku tender. Pelanjutan tempoh 45 tersebut dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat.
 - c. Sekiranya ahli Lembaga Perolehan masih memerlukan maklumat lanjut daripada petender mengenai sesuatu perkara setelah menerima kertas taklimat tender dan dokumen berkaitan sebelum mesyuarat bersidang, kelulusan bertulis daripada Pengerusi Lembaga Perolehan berkenaan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

11. Lembaga Perolehan Universiti

Fungsi dan Bidang Kuasa Jawatankuasa

- d. Keputusan tender hendaklah dibuat dalam tempoh sah laku tender. Keputusan
- e. Lembaga Perolehan hendaklah ditandatangani oleh ahli-ahli Lembaga Perolehan sebaik sahaja keputusan dibuat semasa mesyuarat bersidang.
- f. Lembaga Perolehan hendaklah kerap bersidang bagi memastikan keputusan perolehan dapat dibuat dengan cepat.
- g. PTj boleh melaksanakan perolehan secara pembelian terus/sebut harga sementara menunggu proses sebut harga/tender selesai untuk tempoh interim sahaja hanya setelah mendapat kebenaran daripada Pejabat Bendahari. Pejabat Bendahari perlu mengambil kira faktor Kesegeraan Atas Kepentingan Awam dalam membuat keputusan.
- h. Lembaga Perolehan Universiti hanya boleh mempertimbang dan menyetujui terima tender dengan syarat keputusan yang dibuat adalah sebulat suara dan tidak melebihi had nilai dan kuasa yang ditetapkan. Keputusan yang tidak sebulat suara dan/atau melebihi had nilai dan kuasa Lembaga Perolehan Universiti hendaklah dikemukakan ke Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad (Lembaga Pengarah Universiti bagi Dana Dalaman Universiti).
- i. Keputusan Lembaga Pengarah Universiti yang tidak selaras dengan keputusan Lembaga Perolehan Universiti hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.
- j. Dalam keadaan di mana Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada petender yang berjaya dipilih dan petender berkenaan menolak tawaran atau tidak 46 mengembalikan SST dalam tempoh yang ditetapkan, maka perkara ini hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan Universiti untuk memilih petender lain dalam tempoh sah laku tender.

11. Lembaga Perolehan Universiti

Ahli- ahli Jawatankuasa	Pengerusi : Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail
	Ahli : Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman
	: Prof. Khairil Wahidin
	Urusetia : Pejabat Bendahari
Bil. dan tarikh mesyuarat	4 Kali setahun

Bil.	Tarikh	Tempat	Aktiviti
1.	17 Februari 2020 (Isnin)	Bilik Mesyuarat Melati, Impiana KLCC Hotel, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.1/2020 (Kali ke-53)
2.	28 Jun 2020 (Ahad)	Holiday Villa Hotel & Conference Centre Subang	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.2/2020 (Kali ke-54)
3.	23 Ogos 2020 (Ahad)	Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 4, Bangunan Canseleri, UMK Bachok	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2020 (Kali ke-55)
4.	22 September 2020 (Selasa)	Topas Room, The Saujana Hotel, Kuala Lumpur	Mesyuarat Khas LPU Bil.1/2020
5.	25 Oktober 2020 (Ahad)	The Everly Putrajaya	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.4/2020 (Kali ke-56)

KOMITMEN KE ARAH DASAR ANTI RASUAH

Berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), setiap kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri perlu mewujudkan dan membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) berkuat kuasa daripada tarikh NACP dan Arahan tersebut dikeluarkan. OACP merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governan, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Pembangunan OACP merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah "Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam" di dalam NACP.

Merujuk kepada perenggan 6.2 (6.2.1) Arahan tersebut, dalam membangunkan OACP, setiap kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri perlulah mengambil kira langkah-langkah berikut:

- a. Melantik jawatankuasa khusus yang bertanggungjawab dalam pembangunan OACP dan diurus setiakan oleh Unit Integriti (UI) kementerian, jabatan atau agensi (jika ada) atau mana-mana bahagian, cawangan atau unit yang mengendalikan aspek governan, integriti atau antirasuah. Jawatankuasa berkenaan hendaklah dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi Organisasi;
- b. Jawatankuasa berkenaan hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya pegawai kanan yang berpengalaman dalam governan, integriti dan antirasuah;
- c. Jawatankuasa berkenaan hendaklah berkolaborasi dengan UI agensi serta bertanggungjawab terus kepada Pengurusan Tertinggi Organisasi. Pelaporan perkembangan pembangunan OACP kepada Pengurusan Tertinggi organisasi hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sebulan sekali;
- d. Bagi memastikan Jawatankuasa dapat melaksanakan fungsi dengan berkesan, Pengurusan Tertinggi hendaklah memperuntukkan sumber (kewangan, tenaga dan logistik) dan memberi autoriti kepada Jawatankuasa berkenaan untuk melaksanakan keterlibatan, perbincangan, semakan, kajian dan penelitian terhadap kelemahan governan, integriti dan antirasuah dalam organisasi; dan
- e. Jawatankuasa berkenaan hendaklah diberi tempoh yang mencukupi bagi membangunkan OACP dan hendaklah tidak kurang daripada enam bulan dan tidak lebih daripada satu tahun.



Sebelum OACP dibangunkan, setiap organisasi perlu menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang merupakan alat pengurusan yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah (telah, sedang atau mungkin berlaku) dalam organisasi. CRM merupakan satu proses pengurusan untuk membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko and penyelesaiannya yang melibatkan semua pekerja, serta menerap elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap. CRM berperanan penting dalam inisiatif pencegahan rasuah.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bilangan 8 Tahun 2020 (Kali Ke-221) yang bersidang pada 16 Ogos 2020 telah meluluskan pemakaian Arahan tersebut di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah UMK dan terma rujukan jawatankuasa serta penganjuran bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Pelan Antirasuah di UMK.



Objektif pemakaian Arahan tersebut di UMK ialah untuk memastikan pengurusan pentadbiran UMK bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Objektif penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah UMK ialah sebagai jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam pembangunan OACP di UMK. Terma rujukan bagi jawatankuasa ialah sebagaimana berikut:



- a. Merancang dan membincangkan pelaksanaan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang merangkumi aspek governan, integriti dan antirasuah serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.
- b. Bertanggungjawab dalam membuat penyelarasan pembangunan OACP dengan Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab bersama-sama dengan Unit Integriti. Justeru, Jawatankuasa bertindak sebagai sekretariat penyelarasan OACP yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP kepada Pengurusan Tertinggi UMK sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- c. Jawatankuasa mempunyai autoriti dengan keizinan Pengurusan Tertinggi UMK untuk melaksanakan keterlibatan, perbincangan, semakan, kajian dan penelitian terhadap kelemahan governan, integriti dan antirasuah dalam organisasi.
- d. Jawatankuasa hendaklah melaksanakan pembangunan OACP UMK dalam tempoh yang mencukupi iaitu hendaklah tidak kurang daripada enam (6) bulan dan tidak lebih daripada satu (1) tahun.
- e. Jawatankuasa hendaklah memastikan Pusat Tanggungjawab melaksanakan analisis persekitaran semasa pembangunan OACP.

- f. Menganalisis data sebenar yang diambil bagi tempoh lima (5) tahun ke belakang berkaitan permasalahan / isu rasuah, integriti dan governan di organisasi sebelum bengkel dilaksanakan. Antara sumber data adalah daripada:
 - i. Statistik aduan salahlaku kakitangan organisasi berkaitan (sumber dalaman dan luaran);
 - ii. Laporan salahlaku / tatatertib kakitangan organisasi berkaitan.
 - iii. Laporan Ketua Audit Negara (melibatkan organisasi)
 - iv. Laporan Tahunan Organisasi
 - v. Pelan Strategik Organisasi
 - vi. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah
 - vii. Sistem Pengurusan Audit Nilai
 - viii. Kajian-kajian melibatkan keberkesanan perkhidmatan organisasi
 - ix. Kajian-kajian ilmiah berkaitan organisasi
 - x. Hasil kaji selidik
 - xi. Lain-lain data yang bersesuaian.
- g. Menetapkan halatuju dan merangka OACP.
- h. Mengenalpasti bidang keutamaan yang perlu diberi tumpuan berdasarkan hasil analisis persekitaran dan corak aktiviti organisasi.
- i. Melaksanakan sesi brainstorming bersama Ketua-ketua PTj bagi membincangkan halatuju dan sasaran (visi, misi dan matlamat) OACP berdasarkan penemuan analisis persekitaran yang telah dilaksanakan. Justeru, halatuju dan sasaran OACP hendaklah mendukung visi, misi dan matlamat NACP.
- j. Membangunkan kerangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).
- k. Mengenalpasti strategi, objektif strategik dan pelan tindakan yang bersesuaian bagi menangani isu dan permasalahan berbangkit.
- l. Mengenalpasti peneraju yang akan bertanggungjawab dalam melaksanakan setiap strategi dan pelan tindakan yang dirangka.
- m. Mengenalpasti tempoh masa bagi pelaksanaan strategi dan pelan tindakan OACP.
- n. Menetapkan indikator bagi mengukur pencapaian OACP untuk setiap strategi dan pelan tindakan.
- o. Membentangkan draf OACP dan mendapatkan pandangan dan penelitian daripada semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab dalam tempoh dua (2) minggu sebelum deraf OACP dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi UMK untuk Pengesahan dan Pesetujuan.
- p. Mendokumenkan OACP yang telah dipersetujui dan diedarkan kepada warga UMK untuk rujukan dan panduan pelaksanaan.
- q. Membuat sesi penerangan OACP secara langsung dan dilaksanakan disemua peringkat PTj.
- r. Membuat penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP pada setiap tahun sekali bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.
- s. Melaksanakan tindakan pembaharuan OACP pada akhir tempoh pelan (3 tahun) dan hendaklah dikeluarkan pada tahun berikutnya.

BAHAGIAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)

AKTIVITI KE ARAH PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001: 2015

Pada tahun 2020, pelbagai aktiviti giat dilaksanakan bertujuan ke arah pensijilan SPK MS ISO 9001: 2015 untuk keseluruhan UMK. SPK UMK menerusi gunapakai standard/piawaian antarabangsa ini merupakan keputusan strategik UMK bagi membantu meningkatkan prestasi secara menyeluruh (total) termasuk pengukuhan dan pemantapan sistem jaminan kualiti akademik UMK. Jangkaan dapatan pensijilan ISO 9001 bagi UMK adalah pada tahun 2021, iaitu sekitar April 2020. Di antara aktiviti-aktiviti yang dilibatkan ke arah pensijilan ini termasuklah:

- a. Road Tour Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ) 2020 telah diadakan pada 02, 03 dan 08 September 2020.
- b. Gerak Kerja SPK MS ISO 9001:2015 Bersama PPQ, Perunding, Pelaksana Utama dan Ahli (JQJ) telah diadakan pada 13 September 2020.
- c. Bengkel SPK MS ISO 9001:2015 Understanding Requirements and Risk Based Thinking telah diadakan pada 20 – 22 September 2020.
- d. Gerak Kerja MS ISO 9001:2015 (Bil.5) telah diadakan pada 19 – 20 Oktober 2020.
- e. Bengkel Latihan Auditor Kualiti Dalam (Akademik & Pentadbiran) telah diadakan pada 25 – 27 Oktober 2020.
- f. Bengkel Pemahaman Klausula MS ISO 9001:2015 (Secara Atas Talian) bagi Tujuan Pengauditan Audit Kualiti Dalam (AKD) telah diadakan pada 05 – 08 November 2020.
- g. Bengkel Penyediaan Objektif, Proses Kerja Akademik dan Pentadbiran telah diadakan pada 15 Disember 2020.
- h. Bengkel Penyediaan Analisa Risiko dan Peluang telah diadakan pada 16 Disember 2020.



AUDIT KUALITI DALAMAN (AKADEMIK DAN PENTADBIRAN)

Aktiviti Kualiti Dalam (AKD) UMK yang melibatkan pengauditan Pusat Tanggungjawab (PTj) akademik dan bukan akademik dilaksanakan merupakan aktiviti tahunan yang bertujuan untuk memastikan keberkesanan dan penambahbaikan kualiti yang berterusan (CQI) dan keperluan penting di dalam memenuhi kriteria persediaan terhadap pensijilan ISO 9001:2015. AKD peringkat universiti ini dilaksanakan pada 9 November 2020 - 10 Disember 2020. Bagi tujuan ini, seramai 64 auditor AKD peringkat universiti telah dilantik bagi menjayakan pengauditan.



AUDIT PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

Audit persekitaran berkualiti 5S diperkenalkan pelaksanaannya pada tahun 2020 bagi sokongan kepada Audit Kualiti Dalaman (AKD) dan keperluan penting bagi menjayakan perancangan UMK terhadap dapatan pensijilan ISO 9001:2015. Aktiviti pengauditan ini telah diadakan pada 13 Disember 2020 sehingga 24 Disember 2020. Bagi tujuan ini, seramai 36 auditor 5S peringkat universiti telah dilantik bagi menjayakan pengauditan.

MESYUARAT JAMINAN KUALITI

Mesyuarat yang berfokus kepada kajian semula pengurusan peringkat UMK dan Jabatan@ PTj ini mula diperkenalkan pada tahun 2020, pada dasarnya bertujuan untuk memenuhi kriteria persediaan terhadap pensijilan ISO 9001:2015. Ianya terdiri daripada mesyuarat Majlis Kualiti Universiti (MKU) peringkat UMK dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Jabatan (JQJ) peringkat PTj yang dilaksanakan mengikut sukuan pada tahun, bermula tahun 2020:

i. Mesyuarat Majlis Kualiti Universiti (MKU).

Secara ringkasnya, mesyuarat ini dijalankan 4x setahun dan dipengerusikan oleh Naib Canselor UMK. MKU adalah platform utama yang bertindak sebagai kajian semula pengurusan [Management Review (MR)] dari segi bidang kuasanya seperti berikut:

- pemantau pelaksanaan perancangan strategik peringkat Universiti dan Fakulti/Pusat Pengajian/Pusat Tanggungjawab Akademik dan Pusat Tanggungjawab Bukan Akademik bagi memastikan kejayaan perancangan.
- memastikan Sistem Pengurusan Kualiti yang mampan menerusi pengekalan pensijilan ISO 9001:2015.
- memandu ke arah kejayaan mencapai Sistem Jaminan Kualiti Akademik yang mantap.

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Jabatan (JQJ).

Secara ringkasnya, mesyuarat ini dijalankan 4x setahun dan dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ). Ahli Jawatankuasa Kualiti Jabatan (JQJ) ini dilantik oleh Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ) bertujuan untuk memantau pengurusan dan pelaksanaan aktiviti pengurusan kualiti di peringkat jabatan@PTj akademik dan bukan akademik (pentadbiran).

PROGRAM AKADEMIK

Sehingga tahun 2020, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menawarkan sebanyak 46 program dengan keperincian seperti berikut:

Selain daripada itu, pada tahun 2020 juga, pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) juga telah meluluskan dua (2) program iaitu Program Asasi Sains dan Program Pra Ijazah Sains yang ditawarkan di UMK Kampus Jeli.

BIL.	JENIS PROGRAM	BILANGAN PROGRAM
1.	Prasiswazah	25 Program (23 program telah mendapat Akreditasi Penuh)
2.	Pascasiswazah (Mod kerja Kursus)	6 Program (4 Program telah mendapat Akreditasi Penuh)
	Pascasiswazah (Mod Penyelidikan)	13 Program (12 program telah mendapat Akreditasi Penuh)
Jumlah		43 Program Akademik

LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH MQA DAN BADAN PROFESIONAL

Pada tahun 2020, pihak UMK juga telah menerima enam (6) lawatan penilaian akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan professional seperti berikut:

- Program Doktor Pentadbiran Perniagaan telah diadakan pada 02 - 03 Mac 2020
- Program Sarjana Muda Sains Gunaan (Jaminan Makanan) dengan Keujian telah diadakan pada 03 - 04 Ogos 2020
- Program Sarjana Muda Keusahawanan dengan Keujian telah diadakan pada 12 - 13 Ogos 2020
- Program Sarjana Muda Sains Senibina dengan Keujian telah diadakan pada 05 - 06 Oktober 2020 [Lawatan penilaian oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)]
- Program Sarjana Kewangan Islam telah diadakan pada 09 - 10 November 2020
- Program Sarjana Keusahawanan telah diadakan pada 02 - 03 Disember 2020





SEMAKAN KURIKULUM

Dalam menjamin kualiti dan kelestarian program akademik, aktiviti semakan kurikulum giat dilaksanakan di peringkat Fakulti. Pada tahun 2020, pihak JPT telah meluluskan Semakan Kurikulum bagi tiga (3) program di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan iaitu Sarjana Muda Keusahawanan (Kesejahteraan) dengan Kepujian (dahulunya dikenali sebagai Sarjana Muda Keusahawanan (Keusahawanan Kesihatan) dengan Kepujian, Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian dan Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian.

KELULUSAN PENUBUHAN FAKULTI


Pihak JPT dalam Surat bertarikh 26 November 2020 telah bersetuju terhadap cadangan pihak UMK untuk menaik taraf Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan kepada Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan. Ini menjadikan Fakulti ini adalah Fakulti ke-9 yang ditubuhkan di UMK.



PENGURUSAN RISIKO

Pada tahun 2020 pihak pengurusan UMK telah meluluskan penjenamaan semula Pusat Strategik Universiti (PSU) kepada Pusat Strategik dan Risiko (PSR). Penjenamaan ini adalah selaras dengan pengemaskinian unit baharu di PSR iaitu Unit Pengurusan Risiko. Objektif dan peranan Unit Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> a. Membangunkan dasar dan garis panduan pengurusan Universiti serta dokumen berkaitan pengurusan risiko Universiti; b. Memperincikan pelaksanaan kerangka pengurusan risiko di peringkat Universiti; c. Menjadi pemudahcara proses pelaksanaan pengurusan risiko Universiti; d. Membuat pelaporan pengurusan risiko Universiti kepada pihak pengurusan dan lembaga pengarah; e. Menjadi sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JPRU). | <p>UMK komited dalam memastikan pelaksanaan fungsi pengurusan risiko melalui pengemaskinian dan pelaksanaan polisi pengurusan risiko UMK. Polisi Pengurusan Risiko UMK diwujudkan sebagai sebahagian dokumen kawalan dalaman bagi membantu Universiti ke arah pencapaian objektif, visi dan misi. Ini dapat dilaksanakan melalui tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memastikan wujudnya proses dan amalan pengurusan risiko yang bersesuaian dalam Universiti bagi mencapai objektif strategik dan operasi; b. Membuat analisis dan semakan berterusan terhadap pendekatan pengurusan risiko Universiti dalam melindungi aset, sumber, kepentingan dan reputasi Universiti; c. Mewujudkan kesedaran dan rasa tanggungjawab di kalangan semua warga Universiti terhadap pengurusan risiko Universiti. |
|---|--|



Struktur tadbir urus pengurusan risiko UMK adalah seperti berikut:



Fungsi pengurusan risiko UMK dibahagikan kepada tiga (3) iaitu:

- Pengurusan Risiko Strategik;
- Pengurusan Risiko Operasi; dan
- Pengurusan Risiko Aktiviti/Projek.

Pada tahun 2020, fungsi pengurusan risiko telah digerakkan secara pro aktif dengan penglibatan 32 orang pegawai risiko yang dilantik iaitu 26 pegawai risiko PTJ bagi risiko operasi dan 6 pegawai risiko strategik mewakili 6 teras strategik berdasarkan Pelan Strategik UMK.

KAWALAN DALAMAN

LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam (UAD) UMK telah ditubuhkan pada 8 April 2012 selaras dengan keperluan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998. UAD merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman UMK yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Audit (JKA) manakala dari aspek pentadbirannya UAD bertanggungjawab secara terus kepada Naib Canselor. UAD juga merupakan ahli korporat The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM) sejak tahun 2016. Fungsi utama UAD adalah menjalankan pengauditan serta khidmat rundingan secara bebas dan berobjektif. UAD menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi menilai dan menambahbaik keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus Universiti.

JAWATANKUASA AUDIT (JKA)



**DATIN PADUKA KARTINI
HAJI ABDUL MANAF**
AHLI
PENGERUSI SEHINGGA
OGOS 2020



**TAN SRI CHE MOHD
HASHIM ABDULLAH**
AHLI
PENGERUSI BERMULA
SEPTEMBER 2020



**PUAN NORMALIA
IBRAHIM**
AHLI GANTI LPU
KEMENTERIAN
PENGAJIAN TINGGI

AHLI



**PUAN HASIFAH
MOHD MURTADZA**
AHLI GANTI LPU
KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA

AHLI



**PROF. DATO' DR. NOOR
AZIZI ISMAIL**
NAIB CANSOLOR

AHLI TURUT HADIR



**PUAN MAZULA
SABUDIN**
PENDAFTAR

AHLI TURUT HADIR



**PUAN JUNAIDAH
BADAR**
BENDAHARI


AHLI TURUT HADIR



**PUAN WAN NOOR
AZIMAH BINTI WAN
MUHAMMAD**
KETUA AUDIT DALAM
SETIAUSAHA

LAPORAN PENCAPAIAN PENGAUDITAN TAHUN 2020

Secara keseluruhannya UAD telah berjaya melaksanakan pengauditan seperti yang telah ditetapkan dalam Rancangan Audit Tahun 2020 (RAT2020) dan semakan RAT2020 yang telah diluluskan oleh JKA. Semakan semula RAT2020 dibuat dengan mengambilkira situasi Pandemik COVID-19 yang melanda Negara. Perincian pencapaian aktiviti pengauditan adalah seperti berikut:





LAPORAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA STAF UMK TAHUN 2020

Jumlah staf UMK pada 31 Disember 2020 ialah seramai 1,258 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 523 orang adalah staf akademik manakala selebihnya iaitu 735 orang adalah staf pentadbiran.

Staf akademik aktif pada 31 Disember 2020 ialah seramai 401 orang manakala selebihnya 122 staf sedang bercuti belajar, cuti sabbatical, post doktoral, dipinjamkan ke agensi lain dan cuti tanpa gaji.

Status	2018		2019		2020	
	Staf Akademik	Staf Pentadbiran	Staf Akademik	Staf Pentadbiran	Staf Akademik	Staf Pentadbiran
Tetap	371	465	384	468	391	468
Pinjaman	2	2	3	3	3	1
Kontrak	112	223	92	251	103	266
Sementara	56	0	35	0	26	0
Jumlah	541	690	514	722	523	735
Jumlah Keseluruhan	1,231		1,236		1,258	

Jadual: Pecahan Staf Akademik dan Pentadbiran mengikut status bagi tahun 2018 hingga 2020

Pecahan Staf	2018		2019		2020	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Staf Akademik	235	306	216	298	220	303
Staf Pentadbiran	368	322	378	344	384	351
Jumlah	603	628	594	662	604	654
Peratus (%)	49.98%	51.02%	48.06%	51.94%	48.01%	51.99%

Jadual: Jumlah staf UMK mengikut jantina bagi tahun 2018 hingga 2020

PENSYARAH MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK

UMK meletakkan sasaran Pensyarah berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) pada tahun 2020 sebanyak 60% daripada keseluruhan Pensyarah. Pada 31 Disember 2020, jumlah Pensyarah termasuk Felo Utama dan Felo Kanan adalah seramai 465 orang staf. Daripada jumlah tersebut 60% atau 279 orang Pensyarah mempunyai

kelayakan Ph.D. Sasaran yang ditetapkan tersebut dapat dicapai melalui pelaksanaan strategi pengambilan staf yang memfokuskan kepada calon berkelayakan Ph.D di samping usaha-usaha pemantauan berterusan bagi staf yang melanjutkan pengajian.



Bil.	Kelayakan Akademik	Jumlah
1.	Ijazah Doktor Falsafah	279
2.	Ijazah Sarjana	186
	Jumlah	465

Jadual: Bilangan Pensyarah mengikut kelayakan akademik pada tahun 2020

Perkara	Tahun		
	2018	2019	2020
Bilangan Pensyarah Berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)	231	247	279
Jumlah Pensyarah	459	449	465
Peratus (%)	50.33%	55.01%	60%

Jadual: Perbandingan Pensyarah yang berkelayakan Ph.D daripada tahun 2018 hingga 2020

STAF AKADEMIK ANTARABANGSA

Pelantikan staf akademik antarabangsa merupakan satu inisiatif yang diambil bertujuan untuk mengantarabangsakan institusi serta mendapatkan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Sasaran staf akademik antarabangsa tahun 2020 adalah sebanyak 10% daripada jumlah staf akademik aktif. Pada 31 Disember

2020 jumlah staf akademik antarabangsa UMK adalah seramai 25 orang dari 11 negara atau 6.23% daripada jumlah staf akademik aktif (401 orang). Walaupun penularan pandemik COVID-19 menjadi cabaran utama, peratusan staf akademik antarabangsa dapat ditingkatkan sebanyak 0.91% berbanding tahun 2019.

Perkara	2018		2019		2020	
	Jumlah	Peratus %	Jumlah	Peratus %	Jumlah	Peratus %
Staf Akademik Antarabangsa	31	7.71%	21	5.32%	25	6.23%

Jadual: Perbandingan staf akademik antarabangsa UMK pada tahun 2018 hingga 2020



Bil.	Negara	Jumlah
1	Indonesia	5
2	Thailand	4
3	Bangladesh	3
4	Nigeria	3
5	Japan	2
6	India	2
7	Yemen	2
8	China	1
9	Ethiopian	1
10	Ghana	1
11	Pakistan	1
Jumlah		25

Jadual: Taburan staf akademik antarabangsa mengikut negara

PERUNTUKAN CUTI BELAJAR/ PENAJAAN KEMENTERIAN

Bagi tahun 2020 pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperuntukkan sebanyak sembilan (9) kuota kepada UMK bagi Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)/ Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dengan pecahan tujuh (7) kuota bagi Dalam Negara dan dua (2) kuota Luar Negara. Manakala satu (1) kuota Pasca Doktorat turut diperuntukkan kepada UMK pada tahun 2020. Namun begitu, hanya dua (2) kuota yang dipenuhi bagi

tahun 2020 kerana penularan pandemik COVID-19. Sehingga 31 Disember 2020 seramai 121 orang staf sedang cuti belajar dengan pecahan 117 staf akademik dan empat (4) staf pentadbiran. Seramai dua (2) staf pentadbiran menggunakan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang ditawarkan oleh KPT dan dua (2) staf pentadbiran menggunakan Hadiah Latihan Universiti (HLU).

Fakulti	Dalam Negara			Luar Negara	
	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	Ph.D	Sarjana	Ph.D
FKP	-	-	27	-	4
FTKW	-	-	23	-	-
FPV	-	-	1	-	-
FIAT	-	-	7	-	5
FSB	-	-	8	-	1
FHPK	-	-	14	-	2
FSE	-	-	2	-	1
FBKT	-	-	3	-	-
FBI	-	-	15	-	4
Pentadbiran	1	3	-	-	-
Jumlah	1	3	100	-	17
Jumlah Keseluruhan	121				

Jadual: Statistik Staf Sedang Cuti Belajar

ZAMALAH MELANJUTKAN PENGAJIAN



Selain daripada Staf Akademik dan Pentadbiran, UMK juga menyediakan Skim Zamalah kepada mana-mana individu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana/ Ph.D. Secara keseluruhannya, UMK mempunyai seramai sembilan (9) Zamalah yang sedang melanjutkan pengajian sepertimana perincian jadual di bawah.

Fakulti	Dalam Negara		Luar Negara		Jumlah Keseluruhan
	Sarjana	Ph.D	Sarjana	Ph.D	
FKP	-	5	-	-	5
FTKW	-	-	-	-	-
FPV	2	1	-	-	3
FIAT	-	-	-	-	-
FSB	-	1	-	-	1
FHPK	-	-	-	-	-
FSE	-	-	-	-	-
PBI	-	-	-	-	-
Jumlah	2	7	-	-	9

Jadual : Statistik Zamalah Sedang Cuti Belajar

LATIHAN STAF

UMK menetapkan staf perlu menghadiri latihan sekurang-kurangnya empat (4) hari atau 24 jam setahun. Penetapan ini bertujuan bagi mengekalkan dan meningkatkan kompetensi staf untuk memastikan objektif dan matlamat Universiti tercapai di samping mempunyai staf yang berkemahiran dan berkepakaran dalam bidang tertentu. Pada tahun 2020, disasarkan sebanyak 85%

daripada keseluruhan staf aktif memenuhi jam latihan yang ditetapkan. Walaupun negara dilanda pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), UMK berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan dengan 93.81% staf memenuhi jam latihan pada tahun 2020. Malah pencapaian tersebut juga adalah lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.


Perkara	2018	2019	2020
Peratusan Staf Penuhi Jam Latihan	73.76%	90.06%	93.81%

Jadual: Perbandingan peratusan staf memenuhi jam latihan bagi tahun 2018 hingga 2020

Bagi memastikan sasaran staf penuhi jam latihan dapat dicapai walaupun berhadapan cabaran pandemik COVID-19, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) telah melaksanakan pelbagai latihan secara dalam talian. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 14 latihan telah dilaksanakan secara dalam talian berbanding latihan secara bersemuka sebanyak 40 latihan.

LATIHAN STAF

Penilaian Keberkesanan Latihan perlu dilengkapkan oleh staf selepas tiga (3) bulan menghadiri kursus yang dianjurkan. Terdapat dua (2) elemen penilaian iaitu penilaian sendiri (staf) dan penilaian oleh Pegawai Penilai Pertama/ Pegawai Penyelia. Skala markah bermula dari 1 (sangat rendah) dan berakhir dengan 5 (sangat tinggi).



Jadual: Perbandingan peratusan staf memenuhi jam latihan bagi tahun 2018 hingga 2020

Berdasarkan laporan penilaian dalam jadual di atas, semua elemen pengukuran keberkesanan latihan menunjukkan pencapaian pada tahap antara tinggi dan sangat tinggi.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

GOOGLE MEET LIVE: SESI PERKONGSIAN ILMU SIRI 3
STREAMING LIVE

Social Media :
LEARN AND INSPIRE

Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Bin Ismail
Naib Canselor UMK
Penerima *100 Most Inspirational LinkedIn Icons in Malaysia 2019 & 2020 by Marketing Asia*
LinkedIn Spotlight Malaysia 2019 by LinkedIn
17 MEI 2020 (AHAD) | 2.00 PETANG

bit.ly/HRDSiriS

Universiti Malaysia Kelantan (Rasmi)

ANJURAN: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD), Pejabat Pendaftar
Tel: 012-959 1247 (En.Affendi) | 013-379 5210 (En.Syafiq) | Email: hrd@umk.edu.my

#OfficialUMK #Entrepreneurship #Kita #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream #BinaLegasiUMK #DudukRamah #NothingIsImpossible

SILA IMBAS

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

f LIVE

Sesi Perkongsian Ilmu Siri 3
**KECERDASAN KEWANGAN
KECEMERLANGAN INDIVIDU**
Oleh YBhg. Ahli Lembaga Pengarah UMK
(Wakil Kementerian Kewangan Malaysia)

28 April 2020 (Selasa)
Jam 09:00 pagi - 10.30 pagi
Live di Facebook: **OfficialUMK**
atau

Sila Imbas untuk ikuti

Bersama YBhg.
**DR. WAN FARISAN
BIN WAN SULAIMAN**
Ketua Sekyen
Bahagian Fiskal dan Ekonomi
Kementerian Kewangan

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD),
Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Kelantan
Tel: En. Affendi (012 959 1247) & En. Syafiq (013 379 5210)
Email: hrd@umk.edu.my

ANJURAN

Entrepreneurship Our Thrust #BinaLegasiUMK #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream #NothingIsImpossible

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

f LIVE

Sesi Perkongsian Ilmu Siri 4
**COVID19: HOW TO BOOST THE
ENTREPRENEURIAL SPIRIT**
Bersama
YBrs. Prof. Dr. Nik Maheeran Nik Muhammad
Pengaruh Kanan, Institut Keusahawanan UMK

30 April 2020 (Khamis)
Jam 10:30 pagi - 12:00 tengah hari
Facebook: **OfficialUMK**
atau sila imbas untuk ikuti

Sila Imbas

ANJURAN
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD),
Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Kelantan
Tel: En. Affendi (012 959 1247)
En. Syafiq (013 379 5210)
Email: hrd@umk.edu.my

Jawab soalan & menang hadiah menarik menanti anda!

Entrepreneurship Our Thrust #BinaLegasiUMK #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream #NothingIsImpossible

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Sesi Perkongsian Ilmu Siri 11

PROTOKOL & ETIKET SOSIAL
Bersama
Encik Mohd Adzwan Bin Kamaruzaman
Pengaruh, Pusat Komunikasi Korporat

Pada 02 Disember 2020 (Rabu)
Jam 10.00 pagi - 12.00 tengah hari
Di aplikasi: Microsoft Team
Pautan: bit.ly/UMKpro19

Sila Imbas

ANJURAN:
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD)
Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Kelantan
Tel: 09 779 7600 | Email: hrd@umk.edu.my

Entrepreneurship Our Thrust #BinaLegasiUMK #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream #NothingIsImpossible



PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN UNIVERSITI

UMK telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2019 pada 23 Ogos 2020. Majlis APC pada kali ini turut menampilkan penyampaian anugerah yang baru diwujudkan iaitu Anugerah Cemerlang Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

UMK. Anugerah ini diberi kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) yang paling cemerlang dalam aspek Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Bilangan penerima mengikut kategori anugerah adalah seperti jadual di bawah:

Nama Anugerah	Bilangan Penerima
Nama Anugerah	Bilangan Penerima
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	99 Orang
Anugerah Gemilang Universiti (AGU)	37 Orang
Anugerah Jasa Bakti (AJB)	2 Orang
Anugerah Jasa Setia (AJS)	4 Orang
Anugerah Kualiti Naib Canselor	2 PTj
Anugerah Cemerlang Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMK	1 PTj

Jadual: Bilangan Penerima Anugerah



PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT

Seorang staf Universiti Malaysia Kelantan telah dikurniakan Darjah Kebesaran Persekutuan Tahun 2020. Maklumat penganugerahan adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Nama	Darjah Kebesaran / Pingat
1	Pn. Mazula binti Sabudin	Pengurniaan Bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N)

Jadual: Penerima Darjah Kebesaran dan Pingat

PEMERKASAAN BAKAT

Proses pemerksaan bakat staf UMK dengan berteraskan Model kompetensi (Competency Based Talent Management-CBTM) telah dimulakan pada tahun 2019 iaitu menerusi penubuhan Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat di bawah Pejabat Pendaftar. Proses mentransformasikan pengurusan sumber manusia UMK secara keseluruhannya menerusi pelaksanaan kaedah penilaian berasaskan model ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Pengurusan Sumber Manusia (MPSM) Bilangan 1/2020 (Kali

ke-38). Pelaksanaan pembangunan kompetensi di UMK banyak mendapat sokongan dari pihak Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) KPT yang mana telah memperuntukkan tiga (3) projek utama seperti berikut:


Strategic Leadership Coaching for University Leaders dengan dana projek RM 70,000.00. Melalui projek ini, beberapa platform dan indikator bagi tujuan penilaian berteraskan kompetensi telah berjaya dibangunkan di UMK iaitu:

Bil.	Platform/ Indikator yang berjaya disediakan
1	Set Kompetensi bagi Kumpulan Staf Pelaksana UMK
2	Set Kompetensi Kepimpinan UMK
3	Set Kompetensi bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) UMK
4	Pembangunan Rubrik, Skala dan Wajaran bagi tujuan Penilaian Berteraskan Kompetensi
5	Jurang Analisis (Analysis Gap) komponen kompetensi bagi setiap staf dapat disediakan
6	Training Need Analysis (TNA) bagi setiap staf dapat disediakan.
7	Penyediaan Buku Garis Panduan bagi Behavioral Event Interview (BEI) UMK
8	Sistem CBTM e-Bakat telah dibangunkan berteraskan kepada Penilaian Kompetensi sepenuhnya termasuk dalam konteks: (a) Penyediaan Data secara Analitik (b) Dapatan Hasil Laporan Berteraskan Set (c) Penilaian secara 360 Darjah (d) Plot secara 16 Box Matrix
9	Penyediaan Kumpulan Bakat (Talent Pool) UMK
10	Penyediaan Successor (Pelan Penggantian) UMK

Capacity Building in Leadership (CapaBLE) dengan dana projek RM 74,400.00. Tiga (3) aktiviti telah dilaksanakan menerusi dana projek iaitu:

Bil.	Aktiviti	Peruntukan (RM)
1	Pembangunan Modul Latihan berteraskan CBTM di UMK (Modul Komunikasi dan Perkhidmatan Pelanggan)	30,600.00
2	Pembangunan Modul Khas bagi Program Bimbingan (Coaching) dan Pementoran (Mentoring) untuk Kumpulan Bakat dan Successor Pelan Penggantian UMK	27,000.00
3	Pembangunan Set Kompetensi Domain Nilai Teras Kepimpinan UMK	16,800.00

Intellectual Discourse (ID) dengan dana projek RM 15,000.00. Peruntukan yang diperolehi dari pihak AKEPT pula bagi projek ini telah digunakan bagi Pembangunan Set Kompetensi bagi Jawatan Pendaftar UMK.




Sesi Town Hall staf akademik UMK - Bersama AKEPT dan Kumpulan Magnetic secara dalam talian.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DAN PERJANJIAN BERSAMA AGENSI

UMK telah mengorak langkah untuk menjalin hubungan bilateral bagi menjayakan hasrat Universiti dalam rangka kerjasama terutamanya dalam bidang akademik, penyelidikan dan kerjasama strategik dalam aspek pendidikan. Sepanjang tahun 2020, 13 memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh UMK dengan institusi/ agensi/ industri.

Disamping itu, UMK juga turut menandatangani 22 perjanjian dengan institusi/ agensi/ industri yang melibatkan pelbagai bentuk perjanjian termasuk pelaksanaan program, akademik, penyelidikan, penyewaan, pembekalan peralatan dan perkhidmatan bagi mempertingkatkan peranan Universiti sebagai institusi pendidikan tinggi negara.



Perbandingan Bilangan Surat Niat, Memorandum Persefahaman dan Perjanjian dari tahun 2018, 2019 dan 2020

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DAN PERJANJIAN BERSAMA AGENSI

Pejabat Penasihat Undang-Undang terlibat dalam penggubalan statut, kaedah, peraturan, polisi dan dokumen perundangan untuk UMK. Ianya perlu disediakan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi mematuhi skop dan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U. (A) 462] dan peraturan lain yang berkaitan demi mencapai visi dan misi Universiti.

SENARAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat Tanggungjawab
1.	Malaysia	National Institutes of Occupational Safety and Health (No. Pendaftaran Syarikat : 243042-U)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan Mula: 19 Januari 2020 Tamat: 18 Januari 2023 Tempoh: Tiga tahun	Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
2.	Malaysia	Geo Solution Resources (No. Pendaftaran Syarikat : 001348219-T)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang geosains Mula: 04 Februari 2020 Tamat: 03 Februari 2026 Tempoh: Enam tahun	Fakulti Sains Bumi
3.	Indonesia	Universitas Hasanuddin	Menjalinkan kerjasama dalam akademik dan penyelidikan Mula: 01 April 2020 Tamat: 31 Mac 2025 Tempoh: Lima tahun	Fakulti Sains Bumi
4.	Malaysia	Albukhary International University	Menjalinkan kerjasama dalam bidang penyelidikan, pengurusan kemiskinan, perusahaan dan keusahawanan social Mula: 09 Julai 2020 Tamat: 08 Julai 2022 Tempoh: Dua tahun	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat Tanggungjawab
5.	Malaysia	Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)	Menjalinkan kerjasama dalam perakaunan sebagai laluan ACCA menjalani latihan industri di 'Approved Employers' Mula: 16 Julai 2020 Tamat: 15 Julai 2023 Tempoh: Tiga tahun	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
6.	Malaysia	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad	Menjalinkan kerjasama dalam bidang Cooperative Business and Entrepreneurship Mula: 17 Julai 2020 Tamat: 16 Julai 2023 Tempoh: Tiga tahun	Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan
7.	Indonesia	Universitas Padjadjaran	Menjalinkan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan Mula: 31 Ogos 2020 Tamat: 30 Ogos 2025 Tempoh: Lima tahun	Fakulti Sains Bumi
8.	Malaysia	Kerajaan Malaysia (Kementerian Perpaduan Negara)	Menjalinkan kerjasama dalam aktiviti perpaduan dan integrasi nasional Mula: 06 September 2020 Tamat: 05 September 2025 Tempoh: Lima tahun	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
9.	Malaysia	Lunca Emas Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 191757-M)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang keusahawanan dan industri kreatif Mula: 10 September 2020 Tamat: 09 September 2023 Tempoh: Tiga tahun	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat Tanggungjawab
10.	Malaysia	Ain Biomass Industries Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 212289-U)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi Mula: 15 Oktober 2020 Tamat: 14 Oktober 2023 Tempoh: Tiga tahun	Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi
11.	Malaysia	Kerajaan Negeri Kelantan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa)	Menjalinkan kerjasama dalam pengurusan kemiskinan dan keusahawanan Mula: 19 Oktober 2020 Tamat: 18 Oktober 2022 Tempoh: Dua tahun	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan
12.	Malaysia	Natgreen Resources Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 1320907-U)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang perladangan Mula: 18 November 2020 Tamat: 17 November 2023 Tempoh: Tiga tahun	Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi
13.	Malaysia	Agro Rekajeli (No. Pendaftaran Syarikat : SA0542636-A)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang industri pertanian Mula: 02 Disember 2020 Tamat: 01 Disember 2023 Tempoh: Tiga tahun	Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari

SENARAI PERJANJIAN

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat Tanggungjawab
1.	Malaysia	ZS Makmur Properties Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 623471-A)	Perjanjian sewaan bagi lapan (8) unit rumah kedai tiga (3) tingkat yang dibina di atas sebidang tanah yang dikenali sebagai PT 4434, Pecahan Petak 1-8, Seksyen 44, Mukim Panchor Daerah Kemumin, Kota Bharu, Kelantan Mula: 01 Januari 2020 Tamat: 31 Disember 2022 Tempoh: Tiga tahun	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur
2.	Malaysia	Fotostat Seri Murni Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 721913-K)	Perjanjian bagi perkhidmatan penyewaan mesin penyalin "heavy duty" untuk Universiti Malaysia Kelantan Mula: 01 Januari 2020 Tamat: 31 Disember 2022 Tempoh: Tiga tahun	Pusat Komputeran dan Informatik
3.	Malaysia	Century Software (M) Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 445590-U)	Perjanjian bagi perkhidmatan Standard Accounting System for Government Agencies (Saga- Century): Product Maintenance Agreement Mula: 01 April 2020 Tamat: 31 Mac 2021 Tempoh: Satu tahun	Pejabat Bendahari

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat
4.	Malaysia	AD Interact International Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 840580-U)	Perjanjian sewaan iklan (rotational billboard) di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu Mula: 20 Mei 2020 Tamat: 19 Mei 2021 Tempoh: Satu tahun	Pusat Komunikasi Korporat , Pejabat Naib Canselor
5.	Malaysia	National Institutes of Biotechnology Malaysia	Perjanjian bagi projek penghasilan cecair pembasmi kuman (hand sinitizer) untuk mencegah penularan wabak COVID-19 Mula: 01 Jun 2020 Tamat: 16 Julai 2021 Tempoh: Satu tahun, Enam belas hari	Fakulti Sains Bumi
6.	Malaysia	Soulfy Engineering & Security Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 797805-H)	Perjanjian bagi perkhidmatan menyelenggara dan memperbaharui khidmat sokongan bagi perkakasan server aplikasi utama perpustakaan Mula: 17 Jun 2020 Tamat: 16 Jun 2021 Tempoh: Dua tahun	Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu
7.	Malaysia	Tazila Newlife Agro Farm (No. Pendaftaran Syarikat : PG0430612-V)	Perjanjian kerjasama penyelidikan bagi projek Effect of Organic and Inorganic Fertilizers on Pest Population And Yield of Chilli and Bell Pepper Mula: 17 Jun 2020 Tamat: 16 Jun 2022 Tempoh: Dua tahun	Fakulti Industri Asas Tani

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat Tanggungjawab
8.	Malaysia	Alteraxis Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 871480-P)	Perjanjian sebutharga bagi membekal khidmat sokongan dan perkhidmatan penyelenggaraan bagi perkakasan dan perisian pangkalan data di Pusat Data Universiti Malaysia Kelantan Bachok dan di Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Cyberjaya, Universiti Malaysia Kelantan Mula: 17 Jun 2020 Tamat: 16 Jun 2022 Tempoh: Dua tahun	Pusat Komputeran dan Informatik
9.	Thailand	Princess of Naradhiwas University	Perjanjian kerjasama dalam bidang Postgraduate Scholarship Mula: 30 Julai 2020 Tamat: 29 Julai 2023 Tempoh: Tiga tahun	Pusat Antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan
10.	Malaysia	Technova Systems Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 1352179-M)	Perjanjian bagi perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan RFID Library System Mula: 10 Ogos 2020 Tamat: 09 Ogos 2022 Tempoh: Dua tahun	Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu
11.	Malaysia	Alteraxis Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 871480-P)	Perjanjian sebutharga membekal lesen, khidmat sokongan, penyelenggaraan dan penaiktarafan firewall bagi Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana Mula: 10 Ogos 2020 Tamat: 09 Ogos 2023 Tempoh: Tiga tahun	Pusat Komputeran dan Informatik

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat Tanggungjawab
12.	Malaysia	REPSOL Oil & Gas Malaysia Limited (No. Pendaftaran Syarikat : 993565-H)	Perjanjian kerjasama bagi kajian latar sosial Tok Bali dan kawasan Pasir Puteh, Kelantan (Tok Bali and Pasir Puteh Kelantan social baseline study) Mula: 17 Ogos 2020 Tamat: 16 Januari 2021 Tempoh: Enam bulan	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
13.	Malaysia	Solomon Gbene Zaato (No. Passport : G0968854)	Perjanjian bagi International Student Recruitment Agency Mula: 18 Ogos 2020 Tamat: 17 Ogos 2022 Tempoh: Dua tahun	Pusat Antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan
14.	Malaysia	Strategic Alliance Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 866496-K)	Perjanjian bagi sebut harga bagi membekal khidmat sokongan dan penyelenggaraan bagi perkakasan server aplikasi utama Pusat Komputeran dan Informatik Mula: 27 Ogos 2020 Tamat: 26 Ogos 2023 Tempoh: Tiga tahun	Pusat Komputer dan Informatik
15.	Malaysia	Wavelet Resources (M) Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 702276-K)	Perjanjian bagi memperbaharui lesen bagi peralatan Internet Access Management (IAM) di Universiti Malaysia Kelantan Mula: 01 September 2020 Tamat: 31 Ogos 2022 Tempoh: Dua tahun	Pusat Komputer dan Informatik

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat Tanggungjawab
16.	Malaysia	HK Gaosheng Education Consultants Sdn. Bhd.(No. Pendaftaran Syarikat : 1270077-P)	Perjanjian bagi International Student Recruitment Agency Mula: 06 September 2020 Tamat: 05 September 2022 Tempoh: Dua tahun	Pusat Antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan
17.	Malaysia	Q Study Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 1239922-W)	Perjanjian bagi International Student Recruitment Agency Mula: 08 September 2020 Tamat: 07 September 2022 Tempoh: Dua tahun	Pusat Antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan
18.	Malaysia	KRU Entertainment Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 688248-K)	Perjanjian kerjasama bagi Digital Book Distribution Mula: 15 September 2020 Tamat: 14 September 2025 Tempoh: Lima tahun	Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu
19.	Malaysia	Universiti Putra Malaysia	Perjanjian kerjasama penyelidikan bagi projek Molecular Characterization of Colistin Resistant Escherichia Coli (E.Coli) in Poultry Farms, Raw Chicken Meat and Fresh Vegetables Sold at Wet Markets in Kota Bharu, Kelantan Mula: 21 Oktober 2020 Tamat: 20 Oktober 2022 Tempoh: Dua tahun	Fakulti Perubatan Veterinar

Bil.	Negara	Nama Institusi/ Agensi/ Industri	Bidang Kerjasama / Tempoh	Pusat Tanggungjawab
20.	Malaysia	Universiti Sains Malaysia	Perjanjian kerjasama penyelidikan bagi kajian analisis kualiti air bagi sistem saliran Bio-Ekologi (BIOECODS) di Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas, Kelantan Mula: 16 November 2020 Tamat: 15 Julai 2022 Tempoh: Satu tahun, tujuh bulan	Fakulti Sains Bumi
21.	Malaysia	Universitas Islam Bandung	Perjanjian kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan Mula: 16 Disember 2020 Tamat: 15 Disember 2023 Tempoh: Tiga tahun	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
22.	Malaysia	Ferid Abdulhafiz Kemal (No. Passport : EP4984654)	Perjanjian bagi International Student Recruitment Agency Mula: 30 Disember 2020 Tamat: 29 Disember 2022 Tempoh: Dua tahun	Pusat Antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan

PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaedah pembelajaran atas talian merupakan suatu keperluan. Sehubungan itu, bagi memastikan kaedah pembelajaran atas talian yang berkesan. Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT) dilaksanakan dengan merujuk kepada arahan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), garis panduan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta pekeliling akademik di UMK iaitu;

a) Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT)


- i. P&P-DT merupakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar menerusi Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) mengikut masa dan tempat pembelajaran yang lebih fleksibel dan diperibadikan mengikut pelajar bagi mengoptimumkan konsep Self Directedness, Self-Accessed dan Self-Paced (SeDAP).
- ii. P&P-DT juga berdasarkan amalan Penjajaran Konstruktif sebagai bukti P&P menepati Hasil Pembelajaran Kursus-HPK (Course Learning Outcome-CLO) yang dipetakan ke pentaksiran dan aktiviti yang mengambil kira Jam Belajar Pelajar (JBP).
- iii. Kursus yang ditawarkan adalah sepenuhnya dalam talian tanpa bersemuka (non face to face @ full online), iaitu beralih ke Pembelajaran Dalam Talian (rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian: Pembelajaran Dalam Talian, JPT).

b) Platform Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT)

- iv. Semua pensyarah diwajibkan menggunakan pelantar rasmi ePembelajaran UMK, Learning Management System (LMS) eCampus bagi mengendalikan P&P-DT. Namun begitu, dalam keadaan kesukaran liputan, pensyarah juga telah menggunakan platform lain yang bersesuaian.
- v. Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) telah menaik taraf capaian server pelantar eCampus kepada Cloud Server yang mampu menampung bilangan pelajar sehingga 8,000 orang dalam satu masa berbanding hanya 1,600 orang sahaja sebelum ini.
- vi. Ini menunjukkan peningkatan 500% penggunaan LMS eCampus daripada sebelum ini dan dalam masa yang sama merencanakan pelaksanaan keberkesanan ePembelajaran.
- vii. Pihak PKPA juga telah mewujudkan eCampus UMK Youtube Channel untuk perkongsian video latihan berkaitan LMS eCampus dan P&P-DT.



MS eCampus (<https://ecampus.umk.edu.my/>)



Perkembangan LMS eCampus menggunakan Cloud Server



eCampus UMK Youtube Channel (<https://bit.ly/31jkGCR>)



Latihan CPD ePembelajaran UMK 2020 melalui eCampus UMK Youtube Channel



Muka eBook E-Learning: Pengajaran Pembelajaran Dalam Talian UMK

- c) Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT)
- viii. Sebagai panduan dan rujukan kepada warga pensyarah dan pelajar UMK dalam melaksanakan P&P-DT semasa tempoh PKP, pihak PKPA dengan kerjasama Penerbit UMK, Pejabat Perpustakaan & Pengurusan Ilmu telah menerbitkan Garis Panduan P&P-DT bertajuk E-Learning : Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian UMK berbentuk eBook.
 - ix. Garis panduan ini boleh dimuat turun melalui laman web PKPA sebagai bahan rujukan dalam melaksanakan P&P-DT melalui pautan <https://bit.ly/31GZaP4>

- d) Pentaksiran Dalam Talian
- x. Pelaksanaan e P e n t a k s i r a n bersesuaian dengan situasi sebenar melalui kajian kes, Pembelajaran Berasaskan Masalah (Problem Based Project-PoBL), Project Based Learning-PBL), analisis kes dan mana-mana teknik yang bersesuaian dengan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK).
 - xi. EProctoring UMK dilaksanakan menggunakan kaedah pengesanan wajah pelajar sebelum pelajar menduduki peperiksaan dalam talian.

di) Penyelarasan Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT)

- xii. PKPA telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras P&P-DT bagi Semester Februari Sesi 2019/2020 dan Semester September Sesi 2020/2021
- xiii. Laporan pemantauan dan pelaksanaan oleh fakulti telah dihantar kepada PKPA melalui penyelaras ePembelajaran fakulti masing-masing. Segala isu dan permasalahan diteliti oleh pihak PKPA dan mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan pelaksanaan P&P-DT berjalan dengan lancar.
- xiv. Laporan P&P-DT telah memberi ruang kepada pelaksanaan ePentaksiran yang autentik yang memperlihatkan keberhasilan (actualization) pelajar yang ingin menguasai kandungan kursus yang diikuti. Tugasannya berbentuk pentaksiran holistik dan autentik diukur berdasarkan Pentaksiran Formatif dan Sumatif serta dilaksanakan secara pentaksiran berterusan sepanjang PKP.
- xv. Pihak PKPA juga mengadakan kaji selidik pelaksanaan P&P-DT terhadap pelajar dan pensyarah serta pelaksanaan eProctoring bagi melihat keberkesanan pelaksanaan P&P-DT.

INOVASI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

- a) Penganjuran 1st eTeaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (1st eTeLIC) 2020
 - i. Karnival inovasi Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (TeLIC) pada tahun 2018 dan 2019 sebelum ini dilaksanakan secara bersemuka yang mana peserta terlibat mempamerkan produk inovasi mereka secara fizikal untuk pameran dan penjurian.
 - ii. Pada 21 September 2020, PKPA telah berjaya menganjurkan 1st e-Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2020 (1st eTeLIC'20) secara dalam talian sepenuhnya buat pertama kali melalui laman web rasmi 1st eTeLIC'20.
 - iii. Karnival ini telah berlangsung dengan aktiviti pameran dan pertandingan inovasi P&P serta perkongsian berkaitan pembelajaran dalam talian daripada pakar dari dalam dan luar negara.
 - iv. Sambutan yang menggalakkan dengan 140 penyertaan daripada dalam dan luar UMK termasuk Universiti Awam (UA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru (IPG), Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) dan sekolah. Sebagai salah satu medium pengiktirafan projek inovasi P&P, 1st eTeLIC'20 telah menyediakan 7 kategori penyertaan pertandingan untuk disertai.

- v. Pada Majlis Penutup, uaputama telah disempurnakan oleh YBr. Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis, Pengarah Bahagian Kecemerlangan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi dan seterusnya dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Rafi Bin Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). UMK telah meraih 20 Pingat Emas, 24 Pingat Perak dan 31 Pingat Gangsa serta Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor.
- vi. Program ini juga turut mendapat liputan daripada media luar melalui akhbarNew Straits Times <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/10/630493/unique-and-innovative-ebooth>

New Norm: Cultivating Online Learning
TeLiC'20
Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2020

DATE: 21 SEPTEMBER 2020 (MONDAY)

Google Meet
<https://meet.google.com/oxi-yfek-fmk>

Official Room for TeLiC 2020

PLEASE Welcome everyone to our eBOOTH CARNIVAL HALL

Booth for TeLiC 2020
<https://umktelic2020.com>

JOIN US


TENTATIVE	
8.00AM - 9.00AM	Registration and Briefing to Judges & Participants
9.20AM - 9.30AM	Opening Ceremony of 1 st e-TeLiC 2020
9.30AM - 1.00PM	Judging Session
10.30AM - 11.30AM	International Guest Speaker Session
11.30AM - 12.30PM	Industrial Sharing Session (Sponsor)
1.00PM - 2.00PM	Break and Lunch
2.00PM - 3.00PM	National Guest Speaker Session
3.30PM - 5.00PM	Closing and Winners Announcement

ORGANIZED BY
 CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE AND DEVELOPMENT
 Deputy Vice-Chancellor (Academic & International Office, University Malaysia Kelantan)

TeLiC'20 2020

- OFFICIAL ROOM FOR eTeLiC'20**
 OFFICIAL ROOM
 OPENING & CLOSING CEREMONY
 NATIONAL & INTERNATIONAL GUEST SPEAKER
 WINNERS ANNOUNCEMENT
- ASYNCHRONOUS ONLINE LEARNING**
- SYNCHRONOUS ONLINE LEARNING**
- LMS/eCAMPUS INNOVATIVE**
- LOW-BANDWIDTH ONLINE LEARNING**
- eASSESSMENTS INNOVATION**
- NEW IDEAS OF T&L INNOVATION**
- SPECIAL DVCA INNOVATIVE CONTENT**

- vii. Penyertaan daripada pelbagai lapisan daripada Universiti Awam (UA), Institut Pengajian Tinggi (IPTS), Politeknik, Sekolah serta agenda kerajaan memberikan satu gambaran tentang keperluan karnival sebegini kerana ia mampu menghimpunkan idea baharu yang inovatif dan kreatif.
- viii. Penyertaan dalam 1st eTeLIC'20 memberikan ruang yang luas kepada para pensyarah untuk mengemukakan amalan P&P-DT sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Covid-19 2020.
- ix. Hasil daripada pembentangan ini, semua projek akan dibukukan melalui 4 naskah buku iaitu:
 - a. Book 1: Nurturing New Norms in e-Assessment
 - a. Book 2: Synchronous@Real-Time Online Interaction
 - a. Book 3: Embracing New Norms With Asynchronous Online Learning
 - a. Book 4: Eclectic Learning Approach



- a) Penyertaan ke Karnival Inovasi Pengajaran & Pembelajaran
 - ii. 10 daripada Pemenang Pingat Emas bagi 1st eTeLIC 2020 telah dihantar untuk menyertai pertandingan inovasi P&P di Karnival Inovasi@UMT secara
 - iii. dalam talian melalui Bahagian Komersialan dan Harta Intelek (ICD), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - iv. UMK telah berjaya meraih Hadiah Utama Kategori Pentaksiran, 5 Pingat Emas dan 4 Pingat Perak



PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK

LATIHAN DALAMAN STAF AKADEMIK

JANUARI – DISEMBER 2020



a) Pelaksanaan Latihan Dalaman Staf Akademik


Pada tahun 2018, 27 latihan dan pada tahun 2019, 22 latihan telah dilaksanakan secara fizikal dan bersemuka. Manakala pada tahun 2020, sebanyak 76 latihan telah berjaya dilaksanakan secara dalam talian dan bersemuka mengikut norma baharu pandemik Covid-19. Ini sekaligus melonjakkan peratus pelaksanaan latihan dalaman staf akademik sehingga 300%.

Latihan dalaman staf akademik pada tahun 2020 ini dilaksanakan secara bersasar dan terbuka kepada staf akademik dalam meningkatkan kemahiran berkaitan P&P, ePembelajaran, Pembangunan Profesional

Berterusan dan Perkongsian Ilmu daripada Tokoh Akademik yang terkemuka. Kursus Asas Pensijilan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) yang merupakan kursus wajib bagi pengesahan jawatan staf akademik telah dianjurkan pada awal tahun 2020 melibatkan 24 orang staf akademik.

Perancangan latihan 2021 akan menitikberatkan aspek pembangunan modal insan dan profesionalisme mereka kerana penekanan terhadap Continuous Professional Development (CPD) dalam memperkukuh pengetahuan dan kemahiran berkaitan P&P-DT, pedagogical knowledge, serta pengurusan pelajar bagi menjalani P&P maya.

PENERBITAN BUKU PENGAJARAN & PEMBELAJARAN



a) Education 4.0 UMK

Buku Education 4.0 UMK dihasilkan oleh pihak PKPA bersama dengan pakar-pakar Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) di UMK serta kerjasama melalui Penerbit UMK, Pejabat Perpustakaan & Pengurusan

Ilmu. Buku ini diterbitkan untuk membantu para pensyarah memperkukuhkan kemahiran dan kecekapan dalam menggunakan alat pengajaran (teaching tools) Web 2.0 untuk tujuan penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH SEMESTER SEPTEMBER SESI AKADEMIK 2020/2021

DASAR PENGAMBILAN PELAJAR LEPASAN STPM/SETARAF

Pengambilan pelajar ke Universiti Awam (UA) diuruskan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pengajian Tinggi berasaskan prinsip meritokrasi iaitu 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Kaedah pemusatan pengambilan ini bertujuan untuk mewujudkan satu pengkalan data yang berpusat di JPT, KPT. Keputusan pemilihan pelajar ke UA pula adalah melalui Mesyuarat Pemilihan Bersama di antara JPT dan UA.

POPULARITI PILIHAN PROGRAM UMK

Populariti program UMK sesi akademik 2020/2021 yang dipilih daripada pilihan satu (1) hingga empat (4) ialah seramai 4,782. Jumlah ini adalah melebihi daripada populariti program UMK sesi akademik 2019/2020.


Pilihan	Populariti Program		
	2018/2019	2019/2020	2020/2021
1-4	3,503	4,514	4,782
1-12	15,439	19,952	21,086

Jadual menunjukkan perbandingan Populariti Program UMK dari Sesi Akademik 2018/2019 hingga 2020/2021.

PERMOHONAN, PENAWARAN DAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

UMK sebagai Institusi Awam di Malaysia telah melaksanakan proses pemilihan calon lepasan STPM/ Setaraf dan Diploma/ Setaraf ke program-program pengajian peringkat Prasiswazah bagi sesi kemasukan 2020/2021 melalui sistem permohonan berpusat di peringkat BKPA, JPT, KPT. Kemasukan ke UMK adalah melalui tiga (3) saluran iaitu menerusi UPU, luar sistem (termasuk program Dwi Ijazah kerjasama antara UiTM & UMK)

UMK telah mengunjurkan sejumlah 3,750 tempat untuk 25 buah program yang ditawarkan oleh sembilan (9) buah fakulti. Daripada 3,973 tawaran yang dikeluarkan, 3,033 pelajar telah mendaftar dalam dalam tiga (3) sesi pendaftaran iaitu pada 04 Oktober 2020 bagi saluran perdana dan rayuan fasa 1, 26 Oktober 2020 bagi saluran rayuan fasa 2 dan 09 November 2020 bagi saluran rayuan fasa 3.



Statistik Unjuran, Tawar, Daftar, Daftar Berbanding Unjuran dan Daftar Berbanding Tawar Ijazah Sarjana Muda bagi Semester September Sesi Akademik 2018/2019 hingga 2020/2021.



ENROLMEN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH

Jumlah enrolmen pelajar prasiswazah sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak 10,259 orang pelajar melalui penawaran 26 program akademik pada tahun 2020 dan jumlah

Fakulti	Enrolmen Pada 31 Disember					
	2018		2019		2020	
	Prasiswazah	Pascasiswazah	Prasiswazah	Pascasiswazah	Prasiswazah	Pascasiswazah
FKP	3,018	381	3,273	189	3,502	266
FTKW	1,579	136	1,695	75	1,970	88
FPV	228	54	226	18	229	24
FIAT	701	140	776	42	860	44
FSB	463	81	451	36	508	35
FAE	199	4	330	7	382	7
FHPK	1,645	32	1,910	23	2,159	24
FBKT	438	34	485	36	585	62
FBI	-	172	-	99	64	132
MGSEB	-	204	-	60	-	50
Jumlah	8,271	1,238	9,146	585	10,259	732

Jadual Enrolmen Pelajar Prasiswazah & Pascasiswazah Bagi Tahun 2018-2020

Bagi memperkasa dan melonjakkan tahap penyelidikan ke tahap yang lebih tinggi, UMK telah menawarkan 12 Program di peringkat Sarjana dan Kedoktoran secara mod penyelidikan. Manakala, enam (6) lagi program dijalankan secara kerja kursus iaitu program Sarjana Pentadbiran Perniagaan/ Master of Business Administration (MBA), Sarjana

Keusahawanan/ Master of Entrepreneurship, Sarjana Kewangan Islam/ Master of Islamic Finance, Inovasi dan Rekabentuk, Komunikasi Perniagaan dan Doktor Pentadbiran Perniagaan/ Doctor of Business Administration (DBA). Sejumlah 82 bidang penyelidikan ditawarkan di peringkat pascasiswazah semenjak tahun 2008 sehingga 2020.



PELAJAR ANTARABANGSA

Enrolmen pelajar antarabangsa UMK sehingga 31 Disember 2020 adalah seramai 137 orang iaitu 116 orang pelajar pascasiswazah dan 21 orang pelajar prasiswazah. Pecahan pelajar antarabangsa mengikut fakulti dan tahap pengajian ditunjukkan di Jadual dan pecahan mengikut negara di jadual berikut:

Fakulti	Tahap Pengajian				Jumlah
	Sarjana Muda	Sarjana	Ph.D	DBA	
FKP	6	3	48	-	57
FTKW	2	1	2	-	5
FPV	4	2	3	-	9
FIAT	1	3	14	-	18
FSB	1	-	-	-	1
FAE	2	-	7	-	9
FHPK	5	-	2	-	7
FBKT	-	-	8	-	8
FBI	-	2	21	-	23
MGSEB	-	-	-	-	-
Jumlah	21	11	105	-	137

Jadual Enrolmen Pelajar Prasiswazah & Pascasiswazah Bagi Tahun 2018-2020

Negara	Tahap Pengajian					Jumlah
	Sarjana Muda	Sarjana	MBA	Ph.D	DBA	
Indonesia	11	1	-	45	-	57
China	-	7	-	32	-	39
Thailand	2	-	-	11	-	13
Nigeria	1	2	-	3	-	6
Somalia	3	1	-	-	-	4
Bangladesh	-	-	-	4	-	4
India	-	-	-	3	-	3
Maldives	2	-	-	-	-	2
Ethiopian	-	-	-	2	-	2
Cambodia	1	-	-	-	-	1
Brunei	1	-	-	-	-	1
Yemen	-	-	-	1	-	1
Sudan	-	-	-	1	-	1
Senegal	-	-	-	1	-	1
Ghana	-	-	-	1	-	1
Pakistan	-	-	-	1	-	1
Jumlah	21	11	-	105	-	137

Pecahan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara & Tahap Pengajian



PROGRAM MOBILITI PELAJAR ANTARABANGSA

Selaras dengan agenda pengantarabangsaan, pihak Universiti meneruskan program kerjasama dengan Universiti luar negara antaranya melalui program mobiliti seperti Program Pertukaran Budaya, Program Lawatan Akademik, Program Khidmat Masyarakat, Program Penyelidikan, Program Pertukaran Pelajar, Program Pertukaran Kredit, dan Latihan Industri. Program Mobiliti adalah bermanfaat untuk pelajar di mana mereka akan mendapat pendedahan antarabangsa

dan pengkayaan pengalaman yang mana sangat berbeza dengan pembelajaran dalam bilik. Program mobiliti pada tahun 2020 telah melibatkan 12 orang pelajar antarabangsa dan program mobiliti keluar melibatkan 30 orang pelajar UMK menjadikan jumlah keseluruhan ialah 42 orang. Bilangan pelajar yang terlibat di bawah Program Mobiliti (Inbound dan Outbound) bagi tahun 2016 - 2020 adalah sepertimana berikut:

Program Mobiliti	2018	2019	2020
Inbound	64	25	12
Outbound	197	164	30
Jumlah	261	189	42

Catatan:
Program mobiliti adalah aktiviti yang melibatkan pergerakan pelajar dari UMK ke universiti lain atau industri (outbound mobility) atau pelajar dari universiti lain ke UMK (inbound mobility) di peringkat antarabangsa, secara ber kredit atau tidak ber kredit bagi tempoh sekurang-kurangnya lima (5) hari (tidak termasuk tempoh perjalanan) dan tidak lebih daripada dua belas (12) bulan.

KONVOKESYEN DAN PENGANUGERAHAN PELAJAR

Istiadat Konvokesyen Ke-10 UMK telah ditunda ke tahun 2021 berikutan penularan wabak Covid-19 di seluruh negara. Namun begitu, seramai 1,843 graduan peringkat prasiswazah dan 73 graduan peringkat pascasiswazah telah menamatkan pengajian dengan jayanya dan menerima ijazah dalam bidang masing-masing

melalui proses pengeposan dan hadir atau wakil mengambil di UMK. Melalui kaedah ini, graduan tetap menerima ijazah mereka walaupun Istiadat Konvokesyen tidak diadakan pada tahun 2020. Berikut adalah statistik graduan bagi Istiadat Konvokesyen Ke-10 UMK seperti jadual di bawah:

Fakulti	Tahun			
	2017	2018	2019	2020
FKP	758	690	655	676
FTKW	521	883	440	263
FPV	38	38	41	44
FIAT	284	215	151	174
FSB	267	174	157	135
FHPK	438	435	404	383
FSE	-	-	-	36
FBKT	-	183	132	132
Jumlah	2,306	2,618	1,980	1,843

Jadual statistik graduan bagi Prasiswazah 2017-2020

Fakulti	Tahun			
	2017	2018	2019	2020
FKP	9	4	8	11
FTKW	6	-	4	5
FPV	6	3	-	5
FIAT	6	4	-	6
FSB	2	2	-	7
FHPK	-	4	-	2
FSE	-	-	2	2
FBKT	2	-	3	12
MGSEB	130	60	27	23
Jumlah	161	75	44	73

Jadual statistik graduan bagi Pascasiswazah 2017-2020



PENERIMA IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH TAHUN 2020

Bagi tahun 2020, pihak UMK ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan serta terima kasih atas kesudian Yang Berbahagia Dato' Ts Abd Radzak Bin Abd Malek, untuk menerima penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Logistik) dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP).

Yang Berbahagia Dato' Ts Abd Radzak dipilih sebagai penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Logistik) adalah berdasarkan kepada kepakaran dan sumbangannya dalam korpus industri logistik dan pengangkutan sama ada di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Pemilihan beliau adalah sangat bertepatan dengan Dasar Pengangkutan Negara yang didokong oleh visi dan misi program yang ditawarkan di UMK.

Penganugerahan ini juga adalah sejajar dengan agenda utama universiti untuk merealisasikan hasrat menerobos dan mengangkasakan UMK dalam usaha meningkatkan pendidikan tinggi secara berterusan melalui konsep 'Quadruple

Helix' sebagaimana yang ditekankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Beliau telah memainkan peranan sebagai penghubung antara pihak universiti dan industri dalam serta luar negara terutamanya dalam bidang logistik dan pengangkutan. Beliau telah membuka ruang dan peluang kepada kepada para akademik serta mahasiswa UMK untuk berkolaborasi dengan badan profesional yang menjadi tunggak kejayaan kepada kebolehan pasaran graduan yang tinggi.

Beliau amat komited dalam membangunkan program logistik di UMK dimana beliau telah menjadi 'keynoted speaker' dalam Regional Seminar on Management and Supply Chain (ReSOMaC) yang menjadi inspirasi kepada lebih 1000 peserta yang terlibat. Beliau telah memberi mandat dan kelulusan kepada UMK untuk menubuhkan 'Regional Section CILT Kelantan' dalam memastikan kelestarian dan kesinambungan antara badan profesional dan institut pengajian tinggi terus terjalin.

Dengan penubuhan Regional Section CILT Kelantan di UMK, ia telah menaikkan nama UMK di peringkat antarabangsa, di mana pihak UMK melalui Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, boleh menawarkan program profesional kepada pihak ketiga di dalam dan luar negara serta menjadi hub rujukan yang berkaitan logistik dan rantai bekalan.

Beliau juga telah meluluskan sumbangan melalui ahli majlis CILT Malaysia kepada graduan logistik UMK yang telah mendapat keputusan cemerlang dalam konvokesyen

pada tahun 2018. Beliau juga telah melancarkan syarikat pelajar UMK dan menyokong penuh pembangunan syarikat tersebut dengan memberi sumbangan dari segi intelektual dan jaringan industri.

Beliau juga menjadi penasihat kehormat kepada persatuan pelajar logistik iaitu 'Chartered Society of Supply Chain' yang telah mencapai penyertaan di peringkat antarabangsa. Ini mencerminkan ketulusan beliau dalam membangun dan memperkukuhkan program keusahawanan dan logistik di Universiti Malaysia Kelantan.

Nama Penerima	Anugerah	Fakulti	Tahun
Dato' Ts. Abd Radzak Bin Abd Malek	Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Logistik)	FKP	2020

Nama Penerima	Anugerah	Fakulti	Tahun
Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Bin Che Othman	Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Keusahawanan)	FKP	2019

Nama Penerima	Anugerah	Fakulti	Tahun
Tiada	-	-	2018

PENGURUSAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) adalah sebuah jabatan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang mempunyai peranan yang signifikan dalam memastikan kelancaran aspek pengurusan hal ehwal pelajar. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) terlibat secara langsung dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pinjaman / biasiswa, kebajikan, kesihatan, pertubuhan kelab dan persatuan pelajar, tatatertib pelajar, kewangan, sukan dan rekreasi, kebudayaan, penginapan pelajar serta pembangunan pelajar.




KEBOLEHPASARAN GRADUAN / GRADUATE EMPLOYABILITY (GE)

Data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) menunjukkan peningkatan ketara peratus graduan UMK yang mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian dari tahun 2018 sehingga 2020. Pada tahun 2019, lebih 80% graduan UMK mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian berbanding 70% pada tahun 2018. Bagi graduan tahun 2020, seramai 1,916 orang graduan yang terdiri daripada 1,843 orang graduan prasiswazah dan 73 orang graduan pascasiswazah. Data peratusan Kebolehpasaran Graduan ini diperolehi daripada SKPG yang dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

PERATUSAN GE TAHUN 2020

Pada tahun 2020, pencapaian peratus GE UMK ialah sebanyak 90.6% berbanding pencapaian tahun 2019 iaitu 91.9% menurun kepada 1.3%. Penurunan ini disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia. Walau bagaimanapun, pencapaian GE pada tahun 2020 melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 80%. Jadual 1 menunjukkan peratusan GE dari tahun 2018 hingga 2020.




Jadual 1: Peratusan Kebolehpasaran Graduan bagi tahun 2018 - 2020 Analisis SKPG tahun 2020

PERATUSAN GRADUAN USAHAWAN TAHUN 2020

Salah satu KPI yang telah ditetapkan oleh UMK berkaitan dengan GE adalah graduan yang menceburi bidang keusahawanan. Berdasarkan SKPG graduan tahun 2020, sebanyak 14.8% graduan UMK yang telah


menceburi bidang keusahawanan. Peratusan ini telah melebihi sasaran Universiti pada tahun 2020 iaitu sebanyak 10%. Jadual 2 menunjukkan data GE untuk graduan usahawan dari tahun 2018 hingga 2020.



Jadual 2 : Peratusan Kebolehpasaran Graduan Usahawan bagi tahun 2018 - 2020

Pencapaian graduan UMK yang terlibat dengan keusahawanan pada tahun 2020 adalah disebabkan oleh penawaran program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian bermula pada September Sesi 2016/2017. Program pengajian ini menerapkan mod 2U2I iaitu menggabungkan pembelajaran akademik dengan aplikasi perniagaan sebenar. Mod ini membolehkan pelajar mempraktikkan terus pembelajaran berasaskan pengalaman perniagaan melalui sistem sokongan yang disediakan bagi merancang aktiviti keusahawanan pelajar dengan strategi mencipta graduan yang berdaya saing, berkolaboratif serta mampu mencipta peluang pekerjaan untuk orang lain.

PENCAPAIAN GE UMK MENGIKUT "STATUS" GRADUAN DAN PERBANDINGAN PENCAPAIAN GE NASIONAL



Rajah ini menunjukkan pencapaian GE Nasional dan pencapaian GE UMK. Jika dilihat pada "status" iaitu "Bekerja", "Melanjutkan Pengajian", "Meningkatkan Kemahiran" dan "Menunggu Penempatan Pekerjaan" masih di peringkat baik. Manakala peratusan GE "Belum Bekerja" di bawah GE Nasional iaitu 9.4%. Pencapaian GE Nasional telah mencatatkan

84.4% manakala GE UMK telah mencatatkan 90.6%. Berdasarkan kepada Pencapaian GE Nasional, peratusan pencapaian GE UMK menunjukkan kadar peratusan “Bekerja” lebih tinggi daripada pencapaian GE Nasional iaitu 79.9%.

DANA PROGRAM INTERVENSI KEBOLEHPASARAN GRADUAN (GE) TAHUN 2020

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi melahirkan graduan yang berkualiti dan menepati kehendak industri semasa. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah Program Intervensi GE. Antara objektif pelaksanaan program ini adalah:

- Meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan serta bersesuaian dengan keperluan industri.
- Memberi peluang kepada pelajar yang berada di tahun akhir pengajian termasuk yang masih belum menghadiri konvokesyen.
- Membantu pelajar yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.30 dan ke bawah serta bidang pengajian yang kurang mendapat permintaan industri mendapat tempat dalam dunia pekerjaan.

UMK telah menerima dana daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2020 bagi melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE) 2020 dengan nilai keseluruhan berjumlah RM157,200.00.



Tahniah
DI ATAS KEJAYAAN MEMPEROLEHI DANA PROGRAM KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2020 KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

RM73,200.00

Bahagian Pembangunan Kerjaya,
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

DR MUHAMAD AZAHAR BIN ABAS
FAKULTI SAINS BUMI

"Program Certified Environmental Professional In Scheduled Waste Management (CePSWaM)"

RM73,200.00

OfficialUMK umk.edu.my #WeAreUMKFamily #BinaLegasiUMK Kita Bersama #OneUMKOneDream Entrepreneurship Our Thrust



Tahniah
DI ATAS KEJAYAAN MEMPEROLEHI DANA PROGRAM KEBOLEHPASARAN GRADUAN FASA 2 2020 KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

RM84,000.00

Bahagian Pembangunan Kerjaya,
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

CHM. DR. NOOR SYUHADAH BINTI SUBKI
FAKULTI SAINS BUMI

"PROFESSIONAL CERTIFICATION FOR OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH COORDINATOR"

RM84,000.00

OfficialUMK umk.edu.my #WeAreUMKFamily #BinaLegasiUMK Kita Bersama #OneUMKOneDream Entrepreneurship Our Thrust

Pada tahun 2019, UMK telah menerima enam (6) dana Intervensi daripada pihak KPT yang bertujuan membantu graduan dalam memperoleh sijil profesional sebagai nilai tambah bagi mendapatkan peluang pekerjaan kepada mereka. Melalui 6 dana intervensi yang diperoleh, sebanyak RM513, 760.00 disalurkan kepada UMK bagi melatih seramai 174 peserta.

Bil.	Nama Program	Dana Yang Diluluskan Oleh KPT (RM)
1	Program Pemerksaan Kebolehpasaran Graduan UMK bersama Action Group for Entrepreneurship: Industrial Training Programme (Job Seeker)	241,500.00
2	Program Pemerksaan Kebolehpasaran Graduan UMK melalui Agenda Keusahawanan (Job Creator)	71,400.00
3	Program Towards Environmental Expert (TEE)	13,840.00
4	Pembangunan Kerjaya Sebagai Perunding Unit Amanah (PUA di Bawah Agensi Kumpulan 80:20 Empire)	48,150.00
5	Program bagi Melengkapkan Pelajar Dengan Persijilan Professional CSWIP 3.0 Visual Welding Inspector	38,870.00
6	Tour Consultant @ SMART Tourism Programme	100,000.00
Jumlah		513,760.00

PROGRAM INTERVENSI GE 2019 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Jumlah Peruntukan KPT = RM513,760

DANA 2019

Penglibatan peserta program ini melibatkan graduan daripada semua fakulti di UMK dan kesemua program telah selesai dilaksanakan.

DANA PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) CAREER ADVANCEMENT PROGRAMME (CAP), KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Career Advancement Programme (CAP) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi atau dikenali PENJANA KPT-CAP adalah inisiatif kerajaan dalam menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat penularan wabak COVID- 19. Dana sebanyak RM100 juta diperuntukkan sebagai usaha untuk menangani kegusaran berhubung keadaan ekonomi Malaysia, khususnya berkaitan peluang pekerjaan dalam kalangan belia negara. Dana ini baru sahaja diperkenalkan iaitu pada 28 September 2020 yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Antara objektif pelaksanaan program ini adalah:

- Meningkatkan reskilling dan upskilling graduan dalam melahirkan graduan berkejuruan untuk memenuhi pasaran kerja yang bersesuaian. Pada masa yang sama, memastikan golongan yang hilang pekerjaan dalam tempoh pandemik COVID-19 mengekalkan atau meningkatkan kemahiran mereka supaya memanfaatkan peluang ketika ekonomi beransur pulih.
 - Memfokuskan kepada graduan yang telah bergraduat. Graduan yang terpilih mengikuti program di bawah PENJANA KPT-CAP berpeluang untuk meningkatkan kemahiran dan mendapat penempatan pekerjaan atau pembiayaan kewangan perniagaan setelah tamat program. Ini kerana kursus ini direka mengikut kehendak dan keperluan ditetapkan syarikat yang bakal mengambil graduan terbabit sebagai pekerja mereka.
 - Mendapat pekerjaan setelah tamat program di syarikat yang telah dinyatakan oleh Penyedia Perkhidmatan.
- Pada tahun 2020, UMK juga telah menerima 2 kelulusan dana PENJANA seperti berikut:

Bil.	Tajuk Projek	Harga Siling Yang Diluluskan KPT (RM)
1	Kursus Profesional Estetik	RM104,000.00
2	Certificate of Completion in Wellness Operations	RM633,600.00

KEBAJIKAN DAN BANTUAN KEPADA PELAJAR

Universiti sentiasa mengambil berat kebajikan pelajar khususnya pelajar di bawah kategori B40 sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula dikuatkuasakan pada bulan Mac 2020. Pelbagai bantuan telah disalurkan melalui sumber dalaman Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi dan sumbangan pihak luar. Sepanjang tahun 2020 sejumlah RM7,803,613.80 telah diagihkan kepada


pelajar dalam pelbagai bentuk bantuan merangkumi pengurangan yuran berulang, penyediaan makanan semasa tempoh PKP 1.0, Bantuan Khas Pelajar Mengikuti Latihan Industri (BKPLI), bantuan pelan data internet, bantuan makanan food bank dan lain-lain. Infografik berikut menunjukkan pecahan bantuan yang disalurkan kepada pelajar mengikut sumber pada tahun 2020:

Pengurangan Yuran Kepada Pelajar UMK			
Bil.	Perkara	Jumlah Peruntukan	Jumlah Penerima Manfaat
1.	Pengurangan yuran berulang (yuran penginapan pelajar, perkhidmatan dan aktiviti pelajar) sebanyak 15% kepada pelajar prasiswazah tempatan bagi pada Semester Februari Sesi 2019/2020	RM1,054,192.00	9,144 orang
Jumlah		RM1,054,192.00	

Bantuan KPT / UMK Kepada Pelajar UMK			
Bil.	Perkara	Jumlah Peruntukan	Jumlah Penerima Manfaat
1.	Bantuan Sewaan Bas untuk Penghantaran Pulang Pelajar terkandas semasa PKP	RM111,900.00	1,107 orang (pelajar UMK dan UA/IPT lain yang terkandas di Kelantan)
2.	Bantuan Kewangan bagi pembelian pelan data internet sebanyak RM100 seorang kepada pelajar Prasiswazah B40 - Semester Februari Sesi 2019/2020	RM666,700.00	6,667 orang
3.	Bantuan Zakat UMK kepada pelajar asnaf pada tahun 2020	RM570,130.00	1,443 orang
4.	Bantuan khas Pelajar Mengikuti Latihan Industri (BKPLI)	RM631,050.00	1,219 orang
5.	Bantuan Makanan kepada Pelajar daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 1 – PKP3)	RM728,820.00	1,000 orang

Bantuan KPT / UMK Kepada Pelajar UMK			
Bil.	Perkara	Jumlah Peruntukan	Jumlah Penerima Manfaat
6.	Bantuan Prihatin Nasional (RM200.00 seorang)	RM1,828,800.00	9,144 orang
7.	Bantuan makanan percuma kepada pelajar yang dikuarantin di Asrama Sri Kemumin, Pengkalan Chepa sepanjang PKP dan PKPB	RM10,000.00	1,000 orang
8.	Bantuan Kelengkapan - facemask dan penyediaan hand sanitizer	RM19,800.00	5,000 orang
9.	Bantuan Kewangan KPT Prihatin RM50 kepada Semua Pelajar Baharu Sesi 2020/2021	RM151,450.00	3,029 orang
10.	Bantuan Kewangan Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) oleh KPT	RM125,000.00	25 orang
11.	Insentif Bantuan sebanyak RM100 seorang kepada pelajar baharu dari keluarga B40	RM232,200.00	2,320 orang
12.	Bantuan Sokongan Pengajian Siri I dan II	RM400,000.00	900 orang
13.	Bantuan Zakat UMK @ Ramadhan 1441H & COVID-19	RM10,000.00	100 orang
14.	Bantuan Awal Pelajar Baharu Siri I dan II	RM650,100.00	367 orang
15.	Bantuan Data Internet Tambahan	RM25,000.00	250 orang
16.	Bantuan Khas Kecemasan PKP	RM42,900.00	303 orang
17.	Bantuan Saraan Pengajian	RM24,000.00	10 orang
18.	Bantuan Rumah Sewa Teratak Cakna@ PIUMK	RM24,000.00	28 orang
19.	Bantuan Khas Yuran Pengajian	RM5,230.00	2 orang
Jumlah		RM6,257,080.00	

Bantuan Luar Kepada Pelajar Semasa PKP / PKPB			
Bil.	Perkara	Jumlah Peruntukan	Jumlah Penerima Manfaat
1.	Zakat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kepada Penerima Food Bank	RM100,000.00	200 orang
2.	Bantuan Makanan Bermasak Food Bank Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)	RM23,400.00	700 orang
3.	Sumbangan Makanan daripada Food Bank Malaysia	RM60,941.80	2,420 orang
4.	Bantuan Pendidikan Dana Inspirasi Malaysia YAPEIM	RM362,000.00	724 orang
5.	Bantuan Mahasiswa Anak Johor B40	RM65,000.00	325 orang
6.	Sumbangan Makanan daripada JAKEL	RM3,000.00	60 orang
7.	Sumbangan Makanan daripada Pertubuhan Suri Prihatin, Pengkalan Chepa	RM3,000.00	60 orang
Jumlah		RM617,341.80	



Jadual 3 : Bantuan kepada pelajar UMK mengikut sumber bagi tahun 2020



SUMBANGAN MAKANAN DARIPADA FOOD BANK MALAYSIA

Sumbangan Makanan Food Bank Malaysia kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan yang terkandas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sumbangan yang bernilai RM60,941.80 telah memberi manfaat kepada seramai 2420 orang pelajar di ketiga - tiga kampus UMK. Program sumbangan ini adalah kerjasama antara pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UMK Bersama dengan pihak Food Bank Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

SUMBANGAN MAKANAN FOOD BANK YaPEIM KEPADA PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UMK telah menerima sumbangan makanan daripada Food Bank YaPEIM bernilai RM23,400.00 untuk diagihkan kepada 700 Pelajar di ketiga-tiga kampus UMK pada 1 November 2020 bertempat di Dewan Keusahawanan UMK Kampus Kota. Majlis turut dihadiri oleh YB Tuan Haji Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan YBhg.Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail, Naib Canselor UMK.



BANTUAN AWAL PENGAJIAN (BAP) SUMBANGAN YAYASAN BANK RAKYAT BERHAD KEPADA PELAJAR UMK

Seramai 100 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan yang terdiri daripada keluarga golongan B40 menerima Bantuan Awal Pengajian (BAP) bernilai RM100,000.00 sumbangan daripada Yayasan Bank Rakyat (YBR). Majlis penyerahan Bantuan Awal Pengajian (BAP) ini diadakan di Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur. Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan menerima replika cek daripada Pengerusi Yayasan Bank Rakyat, Datuk Nazir Hussain Akhtar Hussin pada majlis tersebut. Majlis juga disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB. Datuk Sri. Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Menteri Pengajian Tinggi, YB. Datuk. Dr. Noraini Ahmad.



PENGURUSAN HAL EHWAL PELAJAR SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



YBhg. Dato' Naib Canselor bertanya khabar pelajar yang akan pulang ke kampung halaman masing-masing.



Proses penghantaran pulang pelajar Sarawak di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan bermula pada 18 Mac 2020 bagi mengekang wabak COVID-19 yang melanda negara. Semasa PKP mula dilaksanakan, seramai hampir 1,000 orang pelajar masih berada di kampus. Oleh yang demikian, UMK telah mengambil langkah segera dengan menyediakan pelbagai bantuan kebajikan bagi memastikan kebajikan pelajar terjamin semasa tempoh PKP. Antaranya adalah penyediaan makanan kepada pelajar berjumlah RM728,820.00.

UMK juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus penghantaran pulang pelajar Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terkandas di Kelantan semasa PKP tersebut. Proses penghantaran tersebut bermula pada 30 April 2020 hingga 20 Mei 2020. Seramai 1,107 orang pelajar yang telah dihantar pulang termasuk 219 orang pelajar dari luar UMK. Penghantaran pulang ini adalah melibatkan 10 fasa yang dibuat secara berperingkat.



Pelepasan Bas oleh YBhg. Prof. Ts. Dr Zaliman bin Sauli, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



Proses sanitasi yang dijalankan oleh Pihak Bomba sebelum pergerakan pulang pelajar



Tinjauan daripada pihak Pengurusan UMK ke tempat penyediaan Face Shield

MINGGU MESRA MAHASISWA (3M) 2020

Minggu Mesra Mahasiswa (3M) pelajar baharu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sesi akademik 2020/2021 telah diadakan bermula pada 4 sehingga 8 Oktober 2020. Sesi 3M kali ini akan dijalankan secara dalam talian ekoran pandemik COVID-19 yang telah melanda negara. Pada hari pertama pendaftaran, seramai 3,192 orang pelajar telah mendaftar secara dalam talian dan 60 orang mendaftar secara fizikal daripada 3,780 orang yang telah ditawarkan pengajian di UMK.

3M telah dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian bagi memastikan pelajar baharu menerima maklumat daripada pihak Universiti seperti lazimnya diamalkan sebelum ini walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Semua aktiviti dalam kampus bagi pelajar baharu secara bersemuka dibatalkan, namun pelajar baharu diberikan pendedahan dan maklumat mengenai perkhidmatan serta fasiliti di UMK menerusi siaran live streaming di Facebook, Instagram Rasmi UMK, youtube UMKTV dan aplikasi Whatsapp.



YBhg. Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Bin Ismail, Naib Canselor UMK menyantuni keluarga pelajar semasa sesi pendaftaran 3M secara drive-thru di Kampus Kota.

PROGRAM BERSAMA ALUMNI APA KHABAR ALUMNI KITA 1.0

Merupakan program bicara santai anjuran Seksyen Alumni, UMK bersama panel jemputan yang terdiri dari Alumni-alumni UMK. Program bicara santai ini merupakan platform terbaru bagi Alumni jemputan khas untuk berkongsi perkembangan terkini, pengalaman serta mengupas isu-isu semasa. Sepanjang bulan Julai hingga

Oktober 2020, seramai 6 orang alumni daripada berbagai latarbelakang tahun konvokesyen telah ditampilkan sebagai tetamu program ini. Rakaman Program boleh diikuti di pautan FB Alumni UMK (Rasmi) - <https://www.facebook.com/AlumniUMK/> & di Youtube HEPA UMK- Pejabat Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni UMK.

APA KHABAR ALUMNI KITA

BICARA SANTAI BERSAMA ALUMNI

MOHD NORHAIZZAT NAIM BIN MOHD MAZLAN
Timbalan Mudir
Pondok Moden Zakat Kedah

ALUMNI SESI 2009/2010 (CONVO 2013)
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)
MASA : 10.30 PAGI

QR Code:

Facebook: LIVE
YouTube:

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI UMK

Entrepreneurship @ Thrust | #DinaLegasiUMK | #OneUMKOneDream | #WeAreUMKFamily

BICARA SANTAI BERSAMA

MUHAMMAD AZFAR BINDOLMAT
GURU MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)
KOTA KINABALU, SABAH

ALUMNI SESI 2008/2009 (CONVO 2012)
FAKULTI KEUSAHAWANAN & PERNIAGAAN

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)
MASA : 02.30 PETANG

QR Code:

Facebook:

YouTube:

PROGRAM KEGIATAN SUKAN DAN KEBUDAYAAN HAL EHWAL PELAJAR

KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1, 2020

Pusat Sukan UMK telah menyertai Karnival Sukan MASUM 2020 anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 1 hingga 6 Februari 2020. Karnival ini mempertandingkan 11 acara sukan dengan menawarkan 63 pingat emas, 63 pingat perak dan 94 pingat gangsa. Seramai 2,500 orang atlet dan pegawai, petugas

teknikal dan para sukarelawan telah berkampung di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis untuk bersama-sama bersaing antara 20 Universiti Awam. Kontinjen UMK telah memenangi satu (1) pingat Perak dalam acara sukan Pencak Silat Putra I dan dua (2) pingat Gangsa dalam acara Pencak Silat Putra G dan Putri E.



Kontinjen UMK di Majlis Perasmian Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2020 - UiTM Perlis. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Kamel Bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPM pada 3 Februari 2020.



Pesilat UMK, Abdul Hafiz Bin Kamarudin memenangi pingat perak dalam acara silat kategori Putera Kelas I.



Majlis pelepasan 'Flag Off' bagi salah satu kategori yang dipertandingkan telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Zaliman Bin Sauli, TNCHEPA

KEJOHANAN BASIKAL JUNIOR CYCLING MALAYSIA 2020

Kejohanan Basikal Junior Cycling Malaysia 2020 anjuran CIMB dengan kerjasama Pusat Sukan telah diadakan pada 01 Mac 2020 bertempat di UMK Bachok bertujuan sebagai persediaan atlet untuk ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Johor 2020 dan mempromosi UMK Bachok serta kawasan sekitar Bachok.

JELAJAH PUSAT SUKAN TUMPUAN (PST) BERBASIKAL KPT TUAH MERDEKA

Program Jelajah Pusat Sukan Tumpuan (PST) Berbasikal Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Tuah Merdeka 2020 diadakan bertujuan menyemarakkan lagi semangat patriotisme dengan kibaran Jalur Gemilang sejauh 1,198 kilometer telah diadakan pada 22 Ogos 2020 di UMK Kampus Kota sebagai salah satu hentian sementara termasuk UteM, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris

(UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang turut diiringi oleh pasukan UMK Riders. Program anjuran KPT itu mendapat kerjasama PST Berbasikal Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan sokongan rakan sukan Let's Play Performance. Acara berbasikal ini diadakan sebagai persediaan atlet bagi menghadapi perlumbaan di peringkat dalaman dan antarabangsa.



Kayuhan jelajah ini telah melibatkan seramai 23 orang atlet berbasikal dari PST Berbasikal UTeM dan staf UniSZA yang bermula di UniSZA Kampus Gong Badak dan menuju di UMK Kampus Kota dengan jarak sejauh 145 kilometer.



Atlet berbasikal menamatkan kayuhan di UMK Kampus Kota iaitu checkpoint penamat bagi Zon Timur.

KEJOHANAN E-SPORT UNI-LEAGUE 2020

Kejohanan E-Sport Uni-League 2020 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bermula 30 Oktober 2020 dan berlangsung selama tiga minggu dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) selaku tuan rumah bagi penganjuran ini. Kesemua acara dipertandingkan secara dalam talian bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mengelak penularan dan jangkitan wabak COVID-19. Antara acara yang dipertandingkan adalah Arena of Valor (AOV), Mobile Legend Bang Bang (MLBB), DOTA 2, Player Unknown Battleground (PUBG Mobile), FIFA2020, PES 2020 dan Honor of King (HOK).



Atlet berbasikal menamatkan kayuhan di UMK Kampus Kota iaitu checkpoint penamat bagi Zon Timur.



FESTIVAL TEATER MALAYSIA PERINGKAT NEGERI

Pementasan ini telah diadakan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan pada 7 Mac 2020 di mana UMK telah berjaya dianugerahkan Johan Festival Teater Malaysia Peringkat Negeri dan berjaya ke Peringkat Zon mewakili Negeri Kelantan bagi pemilihan ke peringkat Kebangsaan. Penglibatan program ini adalah gabungan pelajar dan staf serta jemputan khas aktivis teater bagi mengembangkan lagi teater yang lebih berkualiti.

PENYAMPAIAN SUMBANGAN TRICYCLE KEPADA PELAJAR KELAINAN UPAYA

Pementasan ini telah diadakan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Kelantan pada 7 Mac 2020 di mana UMK telah berjaya dianugerahkan Johan Festival Teater Malaysia Peringkat Negeri dan berjaya ke Peringkat Zon mewakili Negeri Kelantan bagi pemilihan ke peringkat Kebangsaan. Penglibatan program ini adalah gabungan pelajar dan staf serta jemputan khas aktivis teater bagi mengembangkan lagi teater yang lebih berkualiti.



SCHOOL ENHANCEMENT PROGRAMME

School Enhancement Programme merupakan salah satu program khidmat sosial yang dilaksanakan oleh Seksyen Kaunseling dengan penglibatan fasilitator seramai 256 orang. Fasilitator ini terdiri daripada Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMK dan program ini dijalankan dari bulan Januari hingga Mac 2020. School Enhancement Programme merupakan program yang berfokuskan kepimpinan dan motivasi ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 2,241 orang murid dari 17 buah sekolah. Pelaksanaan program ini bukan sahaja mampu

memberikan impak positif dari segi peningkatan keyakinan diri, kemahiran kepimpinan dan tahap motivasi malahan turut membuka ruang jaringan sosial antara Universiti Malaysia Kelantan dengan komuniti khususnya pihak sekolah. Di samping itu, program ini juga mampu meningkatkan kemahiran penyampaian dan komunikasi dalam kalangan mahasiswa UMK dengan masyarakat luar melalui aktiviti yang dijalankan. Maklumat lengkap program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Sekolah	Tarikh	Penglibatan Mahasiswa UMK	Penglibatan Murid Sekolah
1	SK Islah	18-20 Februari 2020	40	400
2	SMK Meranti	17-19 Februari 2020	10	88
3	SK Bendang Pauh	20 Februari 2020	13	83
4	SK Padang Pohon Tanjung	20 Februari 2020	10	92
5	SK Redang PCB	23 Februari 2020	10	160
6	SK Jelawat	24-25 Februari 2020	26	220
7	SK Perupok	26-27 Februari 2020	12	121
8	SK Penambang	29 Februari 2020	10	150
9	SMK Puteri Saadong	29 Februari 2020	15	224
10	SK Chicha Tinggi	01 Mac 2020	12	80
11	SK Beris Kubor Besar	02 Mac 2020	15	113
12	SK Bachok	03 Mac 2020	15	120
13	SK Pangkal Jenereh	03-04 Mac 2020	15	100
14	SMK Kampung Dangar	06-08 Mac 2020	15	110
15	SK Chantum	07 Mac 2020	15	107
16	Sek Ren Islam Aman	07 Mac 2020	8	56
17	SMK Tendong	11-13 Mac 2020	15	97



Modul 'Periuk Api' bersama SK Redang dalam menguji kreativiti dan semangat kerjasama antara murid.



Sesi perkenalan antara barisan fasilitator dan murid-murid SK Redang. Penglibatan seramai 10 pelajar UMK ke sekolah tersebut.



Sebahagian tugas yang perlu dilaksanakan oleh murid dalam modul Explorace di sekitar UMK Bachok.



Perlaksanaan modul 'Warkah Untukmu' bersama SK Jelawat.



Kem Kepimpinan bersama SMK Tendong yang bertempat di UMK Kampus Jeli selama 3 hari 2 malam dengan penglibatan murid seramai 97 orang.



Murid-murid SK Beris Kubor Besar berkerjasama dalam menghasilkan lukisan.



Modul 'Engage The Boulder' dalam memaparkan sikap kreativiti dan semangat kerjasama ahli kumpulan dan mencipta logo dan bendera berdasarkan batu-batuan.



Asas Kawad Kaki yang menekankan aspek semangat setiakawan dan patuh kepada peraturan bersama SMK Kampung Dangar

UNIVERSITY4SOCIETY DI SABAH

Program “University4Society” telah diadakan di Sabah pada 28 Januari – 01 Februari 2020 dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Universiti Malaysia Sabah, melibatkan seramai 60 sukarelawan. Program UNIVERSITY4SOCIETY Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah dan Yayasan Sukarelawan Siswa di Sekolah Kebangsaan Kebagu Menggatal, Sabah.



PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI UMK

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) secara kreatif sedang membangunkan ilmu pengetahuan baharu yang memberi manfaat kepada universiti, masyarakat, industri dan kerajaan serta ekosistem inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan (R.I.C.E).

GERAN PENYELIDIKAN

Pada tahun 2020, B a h a g i a n Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah berjaya memperoleh 163 projek penyelidikan baharu yang memberikan jumlah keseluruhan peruntukan geran sebanyak RM8,156,080.90 berbanding tahun 2019 sebanyak RM7,409,370.00 meningkat kepada 10.08%.



Peningkatan jumlah peruntukan diterima pada setiap tahun bermula tahun 2017 ini adalah didorong oleh inisiatif-inisiatif yang dianjurkan oleh RMD bagi mencapai matlamat seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Projek penyelidikan ini dibahagikan kepada empat kategori pembiayaan iaitu geran kerajaan, geran swasta/ luar, geran dalaman (UMK) dan geran antarabangsa.

Bil.	Geran	Jumlah geran	Jumlah Peruntukan (RM)
1	Geran Kerajaan	41	5,615,225.00
2	Geran Swasta/ Luar	6	188,000.00
3	Geran Dalaman	113	1,657,000.00
4	Geran Antarabangsa	3	695,855.90
Jumlah Keseluruhan			8,156,080.90

Jadual 1: Senarai Keseluruhan Geran Penyelidikan UMK Tahun 2020

Bil.	Geran	Jumlah geran	Jumlah Peruntukan (RM)
Geran Kerajaan			
1	AKEPT ID Research	3	45,000.00
2	CRG-UTM	4	80,000.00
3	DPUB-ECER	1	2,346,000.00
4	PRGS 1/2020	2	262,000.00
5	Exco Pertanian, Kerajaan Negeri Kelantan	1	30,000.00
6	FRGS 2020	23	2,092,475.00
7	LPPKN	1	17,600.00
8	Geran Penyelidikan Khas Pasca Covid-19	1	17,000.00
9	MRUN	1	5,000.00
10	Kementerian Perpaduan Negara	1	530,650.00
11	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	1	25,000.00
12	Kerajaan Negeri Kelantan	1	14,500.00
Geran Swasta/ Luar			
13	Model Community Enabler (HIP6)	1	150,000.00
14	APPGM-SDG	5	128,000.00
15	Repsol Oil & Gas Malaysia	1	60,000.00
Geran Dalaman			
16	UMK-C19SG	10	126,000.00
17	UMK-MATCH	16	406,000.00
18	UMK-SIR	13	265,000.00
19	UMK Rising Star	14	230,000.00
20	UMK-FUND	50	445,000.00
21	UMK-PRO	10	185,000.00

Bil.	Geran	Jumlah geran	Jumlah Peruntukan (RM)
Geran Antarabangsa			
22	Erasmus + Higher Education	1	242,330.00
23	University of Liverpool	1	25,925.90
24	UNESCO UNITWIN Project	1	427,600.00
Jumlah Keseluruhan		163	8,156,080.90

PENCAPAIAN GERAN BERIMPAK

AKEPT LEADERSHIP INTELLECTUAL DISCOURSE (ID) PROJECT

Universiti Malaysia Kelantan menerusi Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah berjaya mendapatkan tiga (3) projek penyelidikan Akept Leadership Intellectual Discourse (ID) daripada Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) daripada enam (6) permohonan yang dihantar. Projek penyelidikan ini merupakan salah satu inisiatif AKEPT untuk

mengenal pasti penyelesaian terbaik dalam menangani isu dan cabaran kepemimpinan pengurusan tertinggi Universiti Awam berdasarkan dapatan projek penyelidikan/ kajian jangka pendek untuk tempoh enam (6) bulan. Projek ini juga memfokuskan kepada kepimpinan pengurusan tertinggi iaitu Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor, Pendaftar dan Bendahari.

Universiti Malaysia
KELANTAN

Tahniah

atas kejayaan memperoleh geran
RM 45,000

**GERAN PROJEK PENYELIDIKAN
KAJIAN JANGKA PENDEK-AKEPT
INTELLECTUAL DISCOURSE (ID)
RESEARCH 2020**

daripada
**AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN
TINGGI (AKEPT), KEMENTERIAN
PENGAJIAN TINGGI**

Daripada
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti,
Ahli Senat dan Seluruh Warga Universiti Malaysia Kelantan

- YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Bin Ismail
Naib Canselor
- YBhg. Puan Mazula Binti Sabudin
Pendaftar
- YBhg. Puan Junaidah Binti Badar
Bendahari

GERAN PENYELIDIKAN KHAS PASCA COVID-19

Kementerian Pengajian Tinggi telah menawarkan Geran Penyelidikan Khas Pasca COVID-19 yang terbuka kepada semua pensyarah Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Penawaran geran penyelidikan ini yang bersifat jangka pendek, adalah usaha KPT dalam menyediakan sumber rujukan kepada Kerajaan terutamanya kepada Kementerian berkaitan sebagai persediaan merangka polisi atau dasar dalam menghadapi senario kehidupan wabak COVID-19. Pihak Universiti Malaysia Kelantan menghantar 10 permohonan bagi geran ini dan daripada jumlah tersebut, hanya satu (1) sahaja projek yang diluluskan

SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) FASA 1 TAHUN 2020

Dengan bimbingan daripada pensyarah- pensyarah ini, saudara Muiz memantapkan lagi perniagaan VCendol ini selain perisa pandan, perisa baru yang telah diperkenalkan termasuklah mangga dan strawberi. Walaupun baru setahun dalam pasaran, saudara Muiz terus menginovasikan cara pembungkusan VCendol dari botol plastik biasa ke tin plastik lut cahaya yang lebih bermutu tinggi, menjadikan ia minuman yang sedia diminum, dibotolkan menggunakan teknologi hot filling yang terjamin bersih dan tahan lama tanpa bahan pengawet. Semenjak PKP, beliau lebih banyak memanfaatkan pemasaran secara online melalui Facebook, dan juga Shopee. Produk VCendol juga diedarkan secara offline oleh ejen-ejen yang di seluruh Malaysia, mini market dan pasaraya di Terengganu serta koperasi sekolah terpilih. VCendol juga boleh didapati di Karya Executive Lounge by UMKEI, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa. Melalui saluran pemasaran ini beliau menjangkakan VCendol mampu menjadi jenama yang terkenal dan menjadi pilihan ramai suatu hari nanti.



Muiz bersama Produk VCendol

KPI KEUSAHAWANAN

CEED bertanggungjawab terhadap pelaporan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Bagi Tahun 2020, KPT telah menetapkan sasaran Key Performance Indicator (KPI) Keusahawanan kepada Empat (4) petunjuk seperti berikut:


Bil.	Petunjuk Prestasi	Sasaran KPT	Pencapaian 2020
1	Bilangan Pelajar IPT mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian	100% (9,146 orang)	100% 10,259 pelajar
2	Bilangan lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	5% (99 orang)	14.8% 279 orang
3	Bilangan Pelajar IPT menjalankan perniagaan semasa pengajian	15% (1,372 orang)	15.6 % (1,424 pelajar)
4	Bilangan tenaga pengajar dalaman dan luaran yang mempunyai kepakaran keusahawanan	40 orang	90 orang

Perbandingan pencapaian dalam KPI Keusahawanan bagi Tahun 2018 sehingga Tahun 2020 dapat dirumuskan seperti berikut:



Bilangan Pelajar Menjalankan Perniagaan Semasa Dalam Pengajian

■ 2018 ■ 2019 ■ 2020



Bilangan Tenaga Pengajar Yang Mempunyai Kepakaran Keusahawanan



KEMUDAHAN BANTUAN KEWANGAN

Institut Keusahawanan UMK juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan awal kepada perniagaan yang ditubuhkan oleh pelajar sebagai salah satu inisiatif bagi membudayakan keusahawanan dan menggalakkan pelajar menubuhkan perniagaan semasa dalam pengajian. Kemudahan yang disediakan adalah berbentuk Skim Pinjaman Mikro tanpa faedah. Skim pinjaman ini menyediakan kemudahan seperti berikut:

Pinjaman	Jumlah	Tempoh Bayaran
Skim Pinjaman Mikro	RM1,000.00 (minimum) – RM5,000.00 (Maksimum)	Maksimum 3 tahun atau sehingga tamat pengajian (mana yang terdahulu)

Sepanjang Tahun 2020, Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah meluluskan pinjaman kepada 14 syarikat siswa universiti dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM38,000.00.

PROGRAM/ AKTIVITI PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Setiap tahun, Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan, Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) akan menganjurkan program/ aktiviti pembangunan dan pendidikan keusahawanan kepada pelajar UMK. Penganjuran program adalah bertujuan untuk memupuk serta mengukuhkan lagi minat pelajar terhadap keusahawanan. Pendedahan dan latihan dalam setiap program yang dilaksanakan turut diterapkan dengan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya saing, berdikari, mengambil risiko terkira

(calculated risk) dan kebolehan untuk mengenal pasti dan membuka peluang (opportunity identification and creation). Selain itu, penganjuran program juga adalah untuk menyokong dalam pencapaian KPI Keusahawanan yang telah ditetapkan oleh KPT.

Sepanjang Tahun 2020 sebanyak 30 program/aktiviti pembangunan dan pendidikan keusahawanan telah dilaksanakan. Perbandingan antara tahun dalam penganjuran program/ aktiviti pembangunan dan pendidikan keusahawanan adalah seperti berikut:



PROGRAM HI-TEA BERSAMA USAHAWAN MUDA UMK

Program Hi Tea Bersama Usahawan Muda UMK telah diadakan pada 29 Februari 2020 di Dewan Keusahawanan UMK, Kampus Kota. Seramai hampir 300 orang pengunjung telah menghadiri program ini termasuk pelajar daripada UMK Bachok dan UMK Jeli. Pada masa yang sama juga seramai 35 orang peserta turut mengambil bahagian mempamer dan menjual produk barangan mereka seperti popcorn, brownies, rempah/ renciah masakan, keropok lekong, tudung, software, produk kosmetik dan lain-lain.

Penganjuran program ini adalah bagi memberi pendedahan berkenaan peluang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Institut Keusahawanan melalui Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan.



Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan sentiasa berusaha memastikan maklumat berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Pusat Pembangunan Dan Pendidikan Keusahawanan ini disebarluaskan dan sampai kepada para pelajar, malah turut turun padang untuk berjumpa secara rundingan dengan para pelajar. Usaha ini juga adalah bagi menggalakkan para pelajar untuk mendaftarkan syarikat di bawah Syarikat Siswa Universiti (SSU). Selain mempromosikan portal/ perkhidmatan secara atas talian yang ada dibangunkan oleh UMKEI.

INSTITUT PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (ISME)

Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) atau Institute for Small & Medium Enterprises ditubuhkan sebagai pusat kecemerlangan yang menumpukan kepada inkubator perniagaan, membimbing pasaran untuk PKS, Konsultansi, program Diploma Pascasiswazah dan program Kursus Jangka Masa Pendek dan Panjang. Ianya menjadi pusat kecemerlangan keusahawanan berasaskan pengetahuan dengan melahirkan golongan usahawan berkemahiran tinggi, berilmu dan beretika mulia bagi menghadapi persekitaran yang dinamik.

Misinya pula melahirkan dan membangun usahawan yang bertaraf dunia melalui pemupukan sikap mulia yang mampu menguasai bidang pengurusan dan teknikal melalui program-program latihan keusahawanan, menjadi pusat rujukan keusahawanan, penyelidikan dan pembangunan, memberi perkhidmatan kaunseling dan perundingan serta membentuk jaringan perkongsian bestari (smart partnership) bagi melahirkan golongan usahawan berdaya saing, mampan dan mampu menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.

Executive Lounge
About us

Executive Lounge has been operating since 2013

1. To promote and position UMK as an entrepreneurial university
2. To act as an entrepreneurship incubator for students
3. To provide premier VIP lounge service/experience for VIP passengers
4. To support student business

KARYA MEMBERSHIP
(First 100 members only!!!)

CORPORATE MEMBERSHIP
Annual fees:
~~RM2000~~ RM 1200

Benefits:

- Unlimited free entrance
- Transferable to 3 other named members per card
- One-time access per card
- Half-price entrance fee for 4 more guests

INDIVIDUAL MEMBERSHIP
Annual fees:
~~RM1200~~ RM800

Benefits:

- Unlimited free entrance
- Half price entrance fee for 2 other guests

WALK-IN
Opening Promotion : RM 25
Normal Price: RM 50

Benefits

1. Enjoy a relaxing and quiet space while waiting for your flight.
2. Easy access to amenities such as prayer room, toilet and charging ports.
3. Free flow food, snacks, tea and coffee during your stay at the Executive Lounge.
4. 10% discount for Book and Art purchases for members.
5. A cosy meeting place that offers a luxurious lifestyles.
6. Free WiFi.
7. iPad for use.
8. Meet and greet service.
9. Flight information service.
10. TV and movie entertainment.

Food & Beverage

- Enjoy varieties of dishes, local kuih, desserts, snacks and beverages

* In collaboration with Coffee Story

OPENING NOW

Come and visit us!

PENGOPERASIAN KARYA EXECUTIVE LOUNGE

Karya Executive Lounge telah mula beroperasi pada 11 Oktober 2020 sebagai sebuah lounge yang diuruskan oleh Institut Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMKEI). Lounge ini telah beroperasi di dua (2) buah lot kedai di Tingkat 1 Ruang Balai Berlepas, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa. Masa pengoperasian lounge adalah setiap hari bermula jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

Tujuan utama penubuhan Executive Lounge ini adalah untuk mempromosikan Universiti Malaysia Kelantan sebagai salah satu universiti keusahawanan yang terkemuka di samping menjadi inkubator keusahawanan kepada pelajar-pelajar UMK. Selain itu, ianya juga merupakan salah satu usaha untuk penjana pendapatan universiti.

Karya Executive Lounge juga turut mempamer dan menjual produk daripada pensyarah dan pelajar-pelajar UMK. Ia bersesuaian dengan objektif penubuhan lounge yang ingin menjadi salah satu medium untuk mempromosikan UMK di peringkat nasional dan antarabangsa. Bagi mencapai objektif penubuhan lounge, Karya Executive Lounge turut menawarkan keahlian kepada semua pelanggan yang ingin menikmati perkhidmatan yang terbaik. Karya Executive Lounge menyediakan dua pakej keahlian iaitu Keahlian Korporat dan Keahlian Individu di mana setiap pakej yang ditawarkan akan memberi keistimewaan kepada semua pelanggan yang melangganinya.

PROGRAM PEMBANGUNAN DAN LATIHAN USAHAWAN ANJURAN INSTITUT PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 37 buah program yang bertemakan Pembangunan dan Latihan Keusahawanan telah dijayakan oleh ISME. Keseluruhan program telah dirangka bertujuan untuk memberi manfaat kepada usahawan mikro tempatan untuk memajukan perniagaan mereka.

Tahun	Bilangan Program
2019	19
2020	37

Daripada jumlah 37 buah program yang dianjurkan sepanjang tahun 2020, terdapat dua (2) buah program yang berimpak tinggi telah dilaksanakan. Program tersebut adalah seperti berikut:

Pelaksanaan Program SME Graduates Scheme 2019/ 2020

ISME dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB/ HRDF) menawarkan para usahawan (pemilik syarikat) untuk menyertai program SME Graduates Scheme bagi tahun 2019/ 2020. Program yang dahulunya dikenali sebagai

SME@UMK telah berjaya melahirkan lima (5) kohort dan sesi pembelajaran kohort yang ke-6 telah bermula pada 30 Oktober 2019. Berikut merupakan modul yang telah berjaya dilaksanakan oleh ISME untuk program SME Graduates Scheme

Bil	Tarikh	Perkara
1	30 Oktober 2019	Ice Breaking Session
2	14 Dis 2019 (Sabtu)	Modul 1 : World Class SMEs Leadership & Managing Performance World Class SME's Leadership & Managing Performance
3	17 Jan 2020 (Jumaat)	Modul 2: Effective HR Management for SMEs & Productivity - Linked Wage System (PLWS)
4	07 Feb 2020 (Jumaat)	Modul 3: Creative Marketing & Business Success
5	13 Mac 2020 (Jumaat)	Modul 4: Managerial Accounting for CEOs
6	21 Feb 2020 (Jumaat)	Modul 5: Entrepreneurship & Business Networking
7	8 Feb 2020 (Sabtu)	Modul 6: Business Opportunities, Growth & Modeling
8	14 Mac 2020 (Sabtu)	Modul 7: Law & Ethics
9	08 Ogos 2020 (Sabtu)	Modul 8: Effective Operation Management
10	07 Ogos 2020 (Jumaat)	Modul 9: Specialized Module(Creative Thinking)

Bil	Tarikh	Perkara
11	12 Sept 2020 (Sabtu)	Workshop: KPI Mission & Vision
12	18 Sept 2020 (Sabtu)	Presentation KPI Mission & Vision
13	18 Nov 2020 (Rabu)	Local Visit: i. Min House Camp, Kota Bharu Kelantan ii. UV Print Station , Pengkalan Chepa Kelantan
14	16 Disember 2020 (Rabu)	One day Talk
15	Akan dimaklumkan	Majlis Graduasi Peserta SME Graduate Scheme

Pelaksanaan Program Endowmen Pembangunan Usahawan Fasa Ke-3

Pelaksanaan Program Endowmen Pembangunan Usahawan diteruskan lagi untuk fasa yang ke-3 pada tahun 2020, selepas dilaksanakan dengan jayanya untuk fasa 1 dan fasa 2 pada tahun 2017 dan 2018 melalui penglibatan 13 orang usahawan mikro tempatan. Ianya diperkenalkan selari dengan hasrat Nadicorp Holdings Sdn. Bhd. yang ingin membantu membangunkan usahawan yang terdiri dari golongan yang memerlukan bantuan pembiayaan di negeri Kelantan. Pembiayaan endowmen ini atau juga dikenali dengan microcredit digunakan untuk membiayai kegiatan keusahawanan yang boleh menambah pendapatan usahawan melalui bantuan yang diberikan, sekaligus meningkatkan hasil jualan serta mempelbagaikan produk di bawah jenama mereka sendiri. Objektif utama pembiayaan endowmen ini merupakan perancangan pembangunan keusahawanan secara jangka panjang seterusnya dapat membantu mengurangkan jumlah penduduk yang masih dibelenggu masalah kemiskinan.

Untuk fasa ke-3, seramai sembilan (9) orang usahawan telah menerima bantuan endowmen pembangunan usahawan. ISME telah meluluskan bantuan sebanyak RM45,000.00 kepada usahawan yang telah berjaya dalam sesi temuduga yang telah dijalankan. Senarai keseluruhan usahawan yang layak menerima bantuan endowment tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Nama Pemohon	Nama Syarikat	Produk
1	Nor Azura binti Mat Shah@Harun	Uzma Bundle	Menjual pakaian, mainan baru dan terpakai
2	Siti Nor Laila binti Hussain	Air Tangan Bonda Cafe (Nasi Lemak Bonda)	Nasi lemak
3	Mohamad Shamir Fikri bin Mohd Salleh	Shamir Fikry Enterprise	Perkhidmatan makanan & minuman "john's cafe"
4	Nik Sara Sofia binti Nik Md Mustaffa	Bysarra Collection	Penjualan atas talian barangan bayi
5	Muhammad Aidil bin Elias	Ez Eppy Enterprise	Baik pulih dan jual beli telefon
6	Tengku Aiman bin Tengku Abd Wasa	Niceyear Home Service	Perkhidmatan dobi
7	Nik Mas Roslina binti Nik Jaafar	Nik Mas Berkat Enterprise	Aiskrim homemade, yogurt homemade, maruku meletop

Senarai peserta untuk sesi 1/2020

Bil	Nama Pemohon	Nama Syarikat	Produk
1	Sathiswaran Uthamaputhran	Arsa Empire	Managing Restaurant, selling food online and offline, training, consultancy, clothing
2	Fadhilahanim Aryani binti Abdullah	Aryani Global Solutions	F&B, Tekstil, Makanan Kesihatan

Senarai peserta untuk sesi 2/2020



Sekitar Sesi Temuduga Program Pembangunan Dana Endowmen Keusahawanan

Berikut ialah Jadual Bengkel bagi Program Endowmen Pembangunan Usahawan Fasa 3 2020

Bil.	Bengkel	Penceramah	Tarikh	Tempat
1.	Strategi Pemasaran	Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail	24/09/2020	K106D
2.	Produk Imej dan Jenama	Dr. Anis Amira Binti Ab Rahman	20/10/2020	Google Meet
3.	Pengurusan Kewangan	Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad	19/11/2020	Google Meet
4.	Motivasi Usahawan	Dr. Anis Amira Binti Ab Rahman	22/12/2020	Google Meet
5.	Online Marketing	Encik Hazuandy Hassan	07/01/2021	Google Meet
6.	Pengurusan Inovasi	Dr. Anis Amira Binti Ab Rahman	18/02/2021	Google Meet
7.	Strategy Pengiklanan	Dr. Rikinorhanis Ridzwan	11/03/2021	Google Meet
8.	Negotiation & Networking	Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad	22/04/2021	Google Meet

ANUGERAH ACCREDITATION COUNCIL FOR ENTREPRENEURIAL AND ENGAGED UNIVERSITIES (ACEEU) DI KOCHI, INDIA 9 HINGGA 13 JANUARI 2020

Kecemerlangan dan keunggulan Universiti Malaysia Kelantan terus terserlah dalam bidang keusahawanan di peringkat antarabangsa apabila memenangi anugerah tempat pertama bagi kategori Student-Driven Sustainability Project of the Year Award yang diwakili oleh Prof. Madya Dr. Wee Yu Ghee melalui Projek Social Enterprise for Economic Development (SEED), di Majlis penganugerahan 2020 Asia- Pacific Triple E Awards on Entrepreneurship and Engagement Excellence in Higher Education, ACEEU Awards yang diadakan di Kochi, India pada 10 Januari 2020.

UMK turut memenangi tempat ketiga bagi kategori Entrepreneurial Leader of the Year Award yang diwakili oleh Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad manakala Entrepreneurship Educator of the Year Award yang diwakili oleh Ts. Dr. Muhammad Ashlyzan Razik berjaya merangkul tempat keempat. Penganugerahan tersebut telah disampaikan oleh Prof. Dr. Thorsten Kliewe, Pengerusi ACEEU Awards.

Anugerah ACEEU Awards 2020, UMK melalui Institut Keusahawanan UMK (UMKEI), di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi telah menghantar 8 kategori dari 12 kategori yang dipertandingkan dan 3 telah tersenarai sebagai calon akhir bagi kategori Entrepreneurial Leader of the Year Award yang diwakili oleh Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Student-Driven Sustainability Project of the Year Award yang diwakili oleh Prof. Madya Dr. Wee Yu Ghee dan Entrepreneurship Educator of the Year Award yang diwakili oleh Ts. Dr. Muhammad Ashlyzan Razik. Menurut Prof. Dr. Thorsten, pihak penganjur menerima melebihi 300 penyertaan daripada 50 lebih universiti di rantau Asia Pasifik untuk 12 kategori penganugerahan.

Bersempena Majlis Penganugerahan ACEEU Awards, turut diadakan ialah 3rd International Conference on Sustainable Globalization bermula 9 hingga 13 Januari 2020. UMK yang diwakili oleh Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Pengarah Kanan UMKEI telah menyampaikan pembentangan berkenaan Entrepreneurial Literacy and Entrepreneurship Education for Future Society: The Malaysian Perspective.

PENGURUSAN PERKHIDMATAN PEJABAT PERPUSTAKAAN DAN PENGURUSAN ILMU (PPI)

PPI sentiasa berusaha untuk menyediakan sumber maklumat yang mantap dan terkini bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti. Koleksi perpustakaan yang terdiri daripada buku, jurnal bercetak dan bahan elektronik telah bertambah dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan universiti dan memenuhi keperluan fakulti dan warga akademik di UMK.

STATISTIK KESELURUHAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Jumlah Koleksi			
2017	2018	2019	2020
149,426	158,127	167,156	173,822



LANGGANAN PANGKALAN DATA DALAM TALIAN

Perolehan pangkalan data dilaksanakan berdasarkan cadangan dan keperluan fakulti bagi memastikan pangkalan data yang dilanggan/ dibeli memenuhi keperluan setiap fakulti yang berkenaan. Ini amat penting bagi memenuhi syarat akreditasi oleh MQA.


1. Bloomsbury Publishing
2. Cab Abstracts
3. Cabi Compendium Collection 6 Series
4. Clinics Review Articles (Veterinary Clinics)
5. Csiro Publishing Online Collection
6. Economist Intelligence Unit (Eiu)
7. Emerald Management Plus
8. GeoScience World (GSW)
9. Grammarly Edu
10. IMF Online - Imf Elibrary
11. Marketline Advantage Online
12. Oecd Ilibrary Packages
13. Online Mathscinet And Ams Electronic Journals
14. Openathens Md
15. Oxford Art Online
16. Press Reader
17. Proquest Online
18. Taylor & Francis Online
19. The Lyell Collection Online
20. The Springerlink
21. Turnitin
22. Veterinary Record & In Practice
23. Water Intelligence Online
24. Web Of Science (Wos)
25. Wiley Online Library

PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Tadbir urus ICT dilaksanakan secara sistematik menerusi dua (2) platform jawatankuasa ICT peringkat Jabatan dan Universiti. Jawatankuasa tersebut ialah;

- **Jawatankuasa Pemandu ICT Universiti (JKPICT)**
- **Jawatankuasa Teknikal ICT Universiti (JKTICT)**

Bagi memastikan kelangsungan kemudahan ICT dan perkhidmatan di UMK adalah yang terbaik. Pihak Universiti telah memperuntukkan bajet kepada Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) pada tahun 2020 ialah sebanyak RM8,000,000.00. Berdasarkan peruntukan yang diberikan, CCI telah membelanjakan sebanyak RM6,009,846.03 untuk 26 projek.





PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI

Bagi memastikan universiti memanfaatkan ICT di dalam menyokong urusan pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan, beberapa aplikasi baharu telah dibangunkan secara dalaman ('in-house') bersesuaian dengan keperluan semasa.

Berikut adalah senarai aplikasi baharu yang dibangunkan sepanjang tahun 2020 berdasarkan keperluan sistem.

Kategori	Modul Sistem	Tarikh Siap	Pemilik Sistem
Sistem Maklumat Staf & Pentadbiran	Modul Kehadiran Staf (PKP)	Mac 2020	Pejabat Pendaftar
	Modul Pergerakan Staf (PKP)	Mac 2020	Pejabat Pendaftar
	Modul Plan Kerja (PKP)	Mac 2020	Pejabat Pendaftar
	Modul Work From Home	Jun 2020	Pejabat Pendaftar
	Sistem Smart Tracking	Ogos 2020	Pusat Komputeran dan Informatik (CCI)
Sistem Maklumat Akademik & Pelajar	Sistem Tambah Gugur (Add & Drop) Subjek	Februari 2020	Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA)
	Sistem eLNPT versi 2.0 (Akademik)	November 2020	Pejabat Pendaftar
	Sistem Temuduga	Mei 2020	Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA)
	Sistem Pendaftaran Pelajar Baharu (UG, PG & Pra Ijazah)	Ogos 2020	Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA)
	Modul Pelajar & Tarik diri	Disember 2020	Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA)
	Dashboard International Student	Disember 2020	Pejabat Antarabangsa (IO)
	Sistem Data Industri	Oktober 2020	Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC)
Sistem Maklumat Kewangan & Penyelidikan	Sistem Maklumat Penyelidikan (Research Management System)	Ogos 2020	Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RMIC)



BAHAGIAN PENGURUSAN, PEMBANGUNAN WAKAF DAN ZAKAT

FUNGSI

- Bertanggungjawab dalam menggerak dan mengurus agenda wakaf UMK.
- Mempertingkatkan kesedaran masyarakat khususnya warga UMK terhadap kepentingan budaya memberi untuk kepentingan ramai menerusi ibadat wakaf
- Memastikan pengurusan setiap kutipan dan agihan dana adalah berpandukan peraturan yang berkuatkuasa serta mematuhi prinsip syara'
- Merekod dan mengemaskini segala rekod dokumen berkaitan wakaf UMK
- Melaksanakan tanggungjawab social dengan menggalakan Warga UMK beramal jariah dengan mengendalikan ceramah/kempen/dialog dan sebagainya
- Bertanggungjawab mengurus dan mengawal kewangan wakaf UMK
- Bertanggungjawab merancang, mengawasi dan mengurus harta-harta wakaf untuk dibangunkan
- Bertanggungjawab membuat pelaburan ke atas harta wakaf
- Menjalinkan dan mencari peluang-peluang bersama pihak swasta mahupun kerajaan untuk menjana sumbangan dana zakat korporat kepada Warga UMK
- Bertanggungjawab menguruskan hal ehwal zakat di UMK berkaitan kutipan, terimaan dan agihan.

RINGKASAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN

1. Kunjungan Hormat Ke Pejabat Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan (3 Mac 2020) - kunjungan hormat ini bagi membuka peluang-peluang kerjasama dan membincangkan beberapa perkara berkaitan kolaborasi antara UiTM Kelantan dan Bahagian Pengurusan, Pembangunan Wakaf Dan Zakat UMK
2. Permohonan Sumbangan Zakat Korporat (Bank dan Institusi Kewangan) Dan Makmal Komputer ACCA - Memfokuskan permohonan sumbangan zakat korporat kepada syarikat Swasta mahupun (Government Linked Companies GLC) – Tabung Haji, Bank Islam Malaysia Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Karangkrak dsb.

PERANCANGAN YANG TELAH DILULUSKAN

1. Lawatan Penanda Aras Ke Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM);
 - Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merupakan merupakan titik permulaan dalam usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan
 - Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam bagi tujuan khairat dan amal jariah melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan umat Islam
 - Lawatan tersebut di Putrajaya bagi Menimba dan mempelajari model model yang diterapkan dan diperkenalkan oleh Jabatan dan Yayasan tersebut
 - Membina 'networking' dan kerjasama di antara UMK di antara Kementerian dan Yayasan tempatan
 - Mencari peluang untuk melakukan beberapa rangkaian untuk memulakan projek baru dan mencari kolaborator
2. Program Seminar Wakaf Dan Zakat (Jangkaan Oktober/November 2020)
 - Anjuran program ini dengan kerjasama Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan ini adalah bagi memberi pendedahan dan informasi berkenaan.
 - Penghasilan seminar ini memberi pencerahan dan pemahaman berkaitan wakaf dan zakat kepada pihak pengurusan fakulti mahupun pusat.
3. Menerbitkan Buku Manual Pengurusan Wakaf Dan Zakat
 - Buku manual pengurusan wakaf dan zakat ini diterbitkan untuk memberi panduan tentang tatacara mentadbir serta mengurus hal ehwal berkaitan wakaf dan zakat, Panduan yang jelas dan terperinci dapat membantu komuniti.
 - Buku manual yang diterbitkan ini akan membahaskan topik-topik yang menyeluruh, meliputi perkara asas wakaf termasuk definisi, pensyariatan, rukun sehinggalah kepada perkara yang melibatkan pembangunan seperti kaedah tadbir urus, pemasaran, perakaunan dan pengauditan wakaf dan zakat.
 - Merupakan buku yang kedua di Malaysia membincangkan kaedah pengurusan wakaf dan zakat untuk diguna pakai di semua institusi pendidikan dalam pelbagai peringkat termasuk sekolah, sekolah pondok, kolej, maktab, politeknik dan universiti.

4. Penggunaan MOOC Sebagai Platform Perkongsian Ilmu Pengetahuan Wakaf Dan Zakat.
 - Penerbitan video melalui platform MOOC ini merupakan usaha secara strategik untuk memantapkan pengurusan wakaf di institusi pendidikan secara keseluruhannya
 - dan amat sesuai digunakan sebagai rujukan asas yang bersifat umum oleh mana-mana institusi pendidikan di setiap peringkat.
 - Perkongsian melalui platform MOOC ini akan membahaskan topik-topik yang menyeluruh, meliputi perkara asas wakaf dan zakat termasuk definisi, pensyariatan, rukun sehinggalah kepada perkara yang melibatkan pembangunan seperti kaedah tadbir urus, pemasaran, perakaunan dan pengauditan wakaf.
 - Antara topik perkongsian Waqf Taxonomy, Administration And Management Of Waqf In Malaysia, Economic of Waqf, dan Waqf In The Light of Al-Quran And Al-Hadith.
5. Lawatan Penanda Aras Ke Wakaf An-Nur Coporation Berhad (WANCorp) Dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Johor, Kampus Segamat (Jangkaan Oktober 2020)
 - WANCorp mula diperkenalkan oleh Johor Corporation (JCorp) iaitu sebuah syarikat bisnes korporat milik kerajaan (GLC) sebagai memenuhi Corporate Social Responsibility atau tanggungjawab social korporat dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat Islam di negara ini dan dikendalikan sepenuhnya oleh anak syarikat kumpulannya iaitu Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp).
 - Lawatan ini dapat menimba dan mempelajari model model yang diterapkan dan diperkenalkan oleh dan membina 'networking' dan kerjasama di antara UMK di antara Yayasan dan Institusi tempatan.
 - Mencari peluang untuk melakukan beberapa rangkaian untuk memulakan projek baru dan mencari kolaborator di institusi tersebut.

REKOD TERIMAAN DAN AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN 2018, 2019 & 2020

Rajah 1 berikut memaparkan rekod terimaan dan agihan zakat bagi tahun 2018, 2019 dan 2020:-



Rajah 1. Rekod Terimaan Dan Agihan Zakat Bagi Tahun 2018, 2019 dan 2020

Zakat yang diterima akan diagihkan kepada kumpulan sasar mengikut jenis bantuan yang telah ditetapkan oleh Pusat Islam UMK.

PENERIMA ZAKAT

1. Pelajar Asnaf / Pelajar Pendapatan Keluarga B40 / Pelajar Sakit Kritikal
2. Staf - Pendapatan Keluarga B40 / Staf Sakit Kritikal
3. Komuniti Asnaf / Komuniti Pendapatan Keluarga B40

BENTUK BANTUAN ZAKAT

- | | |
|--------------------------------|----------------------------|
| 1. Bantuan Saraan Pengajian | 5. Bantuan Sewa Rumah |
| 2. Bantuan Sokongan Pengajian | 6. Bantuan Yuran Pengajian |
| 3. Bantuan Khas Pelajar & Staf | 7. Bantuan Asnaf Komuniti |
| 4. Bantuan Data Internet | 8. Bantuan Komputer Riba |
| 9. Bantuan Rumah Teratak Cakna | |



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN

Keseluruhan pendapatan kumpulan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM163.41 juta berbanding RM185.32 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM21.91 juta atau 11.82%. Manakala keseluruhan perbelanjaan kumpulan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM181.38 juta berbanding RM184.09 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM2.71 juta atau 1.47%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan kumpulan adalah seperti dalam Jadual 1.1 dan Carta 1.1.


Jadual 1.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan

Kumpulan

Perkara/Tahun	2020	2019	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	163.41	185.32	(21.91)	(11.82)
Perbelanjaan	181.38	184.09	(2.71)	(1.47)

Carta 1.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan

Kumpulan



Pendapatan kumpulan yang berjumlah RM163.41 (2019 : RM185.32 juta) adalah merangkumi pendapatan daripada urusan niaga bukan pertukaran sebanyak RM148.91 juta (2019 : RM172.67 juta) dan pendapatan daripada urusan niaga pertukaran sebanyak RM14.50 juta (2019 : RM12.65 juta). Pendapatan daripada urusan niaga bukan pertukaran merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 91.13% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan kumpulan adalah seperti Jadual 1.2 dan Carta 1.2.


Jadual 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan

Kumpulan

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Urusniaga Pertukaran	14.50	8.87	12.65	6.83
Urusniaga Bukan Pertukaran	148.91	91.13	172.67	93.17
Jumlah	163.41	100.00	185.32	100.00

Carta 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan

Kumpulan





Perbelanjaan kumpulan yang berjumlah RM181.38 juta (2019 : RM184.09 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM77.44 juta (2019 : RM71.39 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM76.85 (2019 : RM82.13 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM2.24 juta (2019 : RM1.81 juta), perbelanjaan lain RM4.50 juta (2019 : RM7.73 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM20.35 juta (2019 : RM21.03 juta). Perbelanjaan

ke atas emolumen merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 42.70% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan. Perbandingan komposisi perbelanjaan kumpulan adalah seperti Jadual 1.3 dan Carta 1.3.

Jadual 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	77.44	42.70	71.39	38.78
Perkhidmatan & Bekalan	76.85	42.37	82.13	44.61
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	2.24	1.23	1.81	0.99
Perbelanjaan Lain	4.50	2.48	7.73	4.20
Susutnilai Tahunan	20.35	11.22	21.03	11.42
Jumlah	181.38	100.00	184.09	100.00

Carta 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNIVERSITI


Keseluruhan pendapatan Universiti bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM160.72 juta berbanding RM183.34 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM22.62 juta atau 12.34%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Universiti bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM181.99 juta berbanding RM186.26 juta pada tahun 2019, ini

menunjukkan pengurangan sebanyak RM4.27 juta atau 2.29%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Universiti adalah seperti dalam Jadual 2.1 dan Carta 2.1.

**Jadual 2.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Universiti**

Perkara/Tahun	2020	2019	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	160.72	183.34	(22.62)	(12.34)
Perbelanjaan	181.99	186.26	(4.27)	(2.29)

**Carta 2.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Universiti**



Pendapatan Universiti yang berjumlah RM160.72 juta (2019 : RM183.34 juta) adalah merangkumi pendapatan urusniaga bukan pertukaran sebanyak RM148.91 juta (2019: RM172.66 juta) dan pendapatan urusniaga pertukaran sebanyak RM11.81 juta (2019 : RM10.68 juta). Pendapatan urusniaga bukan pertukaran merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 92.65% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Universiti. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Universiti adalah seperti Jadual 2.2 dan Carta 2.2.


Jadual 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan

Universiti

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Urusniaga Pertukaran	11.81	7.35	10.68	5.83
Urusniaga Bukan Pertukaran	148.91	92.65	172.66	94.17
Jumlah	160.72	100.00	183.34	100.00

Carta 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan

Universiti





Perbelanjaan Universiti yang berjumlah RM181.99 juta (2019 : RM186.26 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM77.39 juta (2019 : RM71.37 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM79.02 juta (2019 : RM86.27 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM2.13 juta (2019 : RM1.81 juta), perbelanjaan lain RM3.93 juta (2019 : RM6.59 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM19.52 juta (2019 : RM20.22 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 43.42% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Universiti. Perbandingan komposisi perbelanjaan Universiti adalah seperti Jadual 2.3 dan Carta 2.3.

**Jadual 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Universiti**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	77.39	42.52	71.37	38.31
Perkhidmatan & Bekalan	79.02	43.42	86.27	46.32
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	2.13	1.17	1.81	0.97
Perbelanjaan Lain	3.93	2.16	6.59	3.54
Susutnilai Tahunan	19.52	10.73	20.22	10.86
Jumlah	181.99	100.00	186.26	100.00

**Carta 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Universiti**



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG

Perbelanjaan Universiti dibiayai oleh empat (4) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah. Pendapatan dan perbelanjaan setiap kumpulan wang adalah sebagaimana berikut:

(a) Kumpulan Wang Mengurus


Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM130.02 juta berbanding RM147.27 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan penurunan sebanyak RM17.25 juta atau 11.71%. Manakala keseluruhan perbelanjaan

Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM150.55 juta berbanding RM157.40 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan penurunan sebanyak RM6.85 juta atau 4.35%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti dalam Jadual 3.1 dan Carta 3.1.

**Jadual 3.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Mengurus**

Perkara/Tahun	2020	2019	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	130.02	147.27	(17.25)	(11.71)
Perbelanjaan	150.55	157.40	(6.85)	(4.35)

**Carta 3.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Mengurus**





Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM130.02 juta (2019 : RM147.27 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM99.04 juta (2019 : RM115.67 juta), yuran pelajar sebanyak RM25.27 juta (2019 : RM23.68 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM5.71 juta (2019 : RM7.92 juta). Pemberian Kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 76.17% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.2 dan Carta 3.2.

**Jadual 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Mengurus**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	99.04	76.17	115.67	78.54
Yuran Pelajar	25.27	19.44	23.68	16.08
Pendapatan Lain	5.71	4.39	7.92	5.38
Jumlah	130.02	100.00	147.27	100.00

**Carta 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Mengurus**





Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM150.55 juta (2019 : RM157.40 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM77.38 juta (2019 : RM71.37 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM66.56 juta (2019 : RM76.32 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM1.37 juta (2019 : RM1.68 juta), perbelanjaan lain RM1.27 juta (2019 : RM3.41 juta) dan susutnilai tahunan RM3.97 juta (2019 : RM4.62 juta). Perbelanjaan ke atas emolumen merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 51.40% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.3 dan Carta 3.3.

**Jadual 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Mengurus**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	77.38	51.40	71.37	45.33
Perkhidmatan & Bekalan	66.56	44.21	76.32	48.49
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1.37	0.91	1.68	1.07
Perbelanjaan Lain	1.27	0.84	3.41	2.17
Susutnilai tahunan	3.97	2.64	4.62	2.94
Jumlah	150.55	100.00	157.40	100.00

**Carta 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Mengurus**




(b) Kumpulan Wang Pembangunan

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM7.37 juta berbanding tahun 2019 sebanyak RM18.54 juta. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM11.17 juta atau 60.25%. Keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM15.41 juta berbanding RM15.30 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.11 juta atau 0.72%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dalam Jadual 4.1 dan Carta 4.1.

**Jadual 4.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan**

Perkara/Tahun	2020	2019	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	7.37	18.54	(11.17)	(60.25)
Perbelanjaan	15.41	15.30	0.11	0.72

**Carta 4.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan**




Komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.2 dan Carta 4.2.

**Jadual 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Pembangunan**

Perkara/Tahun	2020	2019	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	7.36	18.54	(11.18)	(60.30)
Pendapatan Lain	0.01	-	0.01	-
Jumlah	7.37	18.54	(11.17)	(60.25)

**Carta 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Pembangunan**




Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM15.41 juta (2019 : RM15.30 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM0.36 juta (2019 : RM0.07 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM15.05 juta (2019 : RM15.23 juta). Perbelanjaan ke atas susutnilai tahunan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 97.66% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.3 dan Carta 4.3.

**Jadual 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	0.36	2.34	0.07	0.46
Susutnilai tahunan	15.05	97.66	15.23	99.54
Jumlah	15.41	100.00	15.30	100.00

**Carta 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Pembangunan**




(c) Kumpulan Wang Penyelidikan

Pada tahun 2020, pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2020 adalah RM1.83 juta berbanding RM1.07 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.76 juta atau 71.03%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM1.74 juta berbanding RM1.89 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM0.15 juta atau 7.94%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 5.1 dan Carta 5.1.

**Jadual 5.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Penyelidikan**

Perkara/Tahun	2020	2019	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	1.83	1.07	0.76	71.03
Perbelanjaan	1.74	1.89	(0.15)	(7.94)

**Carta 5.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Penyelidikan**




Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.2 dan Carta 5.2.

**Jadual 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Penyelidikan**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	1.83	100.00	1.04	97.20
Lain-lain	-	-	0.03	2.80
Jumlah	1.83	100.00	1.07	100.00

**Carta 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Penyelidikan**




Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM1.74 juta (2019 : RM1.89 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM1.63 juta (2019 : RM1.67 juta) tiada perbelanjaan ke atas pemberian & kenaan bayaran tetap (2019 : RM0.12), perbelanjaan lain RM4,372 (2019 : RM50) dan susutnilai tahunan sebanyak RM0.11 juta (2019 : 0.10 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 93.68% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.3 dan Carta 5.3.

**Jadual 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Penyelidikan**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	1.63	93.68	1.67	88.36
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	-	-	0.12	6.35
Perbelanjaan Lain	0.00	0.00	0.00	0.00
Susutnilai Tahunan	0.11	6.32	0.10	5.29
Jumlah	1.74	100.00	1.89	100.00

**Carta 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Penyelidikan**




(d) Kumpulan Wang Amanah

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM21.51 juta berbanding RM16.45 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.06 juta atau 30.76%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM14.30 juta berbanding RM11.66 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM2.64 juta atau 22.64%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti dalam Jadual 6.1 dan Carta 6.1.

**Jadual 6.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Amanah**

Perkara/Tahun	2020	2019	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	21.51	16.45	5.06	30.76
Perbelanjaan	14.30	11.66	2.64	22.64

**Carta 6.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan
Kumpulan Wang Amanah**




Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM21.51 juta (2019 : RM16.45 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM3.46 juta (2019 : RM2.30 juta), yuran pelajar sebanyak RM11.95 juta (2019 : RM11.43 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM6.10 juta (2019 : RM2.72 juta). Yuran pelajar merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 55.56% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.2 dan Carta 6.2.

**Jadual 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Amanah**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	3.46	16.08	2.30	13.98
Yuran Pelajar	11.95	55.56	11.43	69.49
Pendapatan Lain	6.10	28.36	2.72	16.53
Jumlah	21.51	100.00	16.45	100.00

**Carta 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan
Kumpulan Wang Amanah**




Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM14.30 juta (2019 : RM11.66 juta) adalah perkhidmatan & bekalan sebanyak RM10.47 juta (2019 : RM8.21 juta), pemberian dan kenaa tetap sebanyak RM0.76 juta (2019 : RM980), perbelanjaan lain RM2.66 juta (2019 : RM3.17 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM0.41 juta (2019 : 0.28 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 73.22% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.3 dan Carta 6.3.

**Jadual 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Amanah**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	10.47	73.22	8.21	70.41
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	0.76	5.31	0.00	0.00
Perbelanjaan Lain	2.66	18.60	3.17	27.19
Susutnilai Tahunan	0.41	2.87	0.28	2.40
Jumlah	14.30	100.00	11.66	100.00

**Carta 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan
Kumpulan Wang Amanah**





PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN UNIVERSITI

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM4.74 juta berbanding RM4.43 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pertambahan sebanyak RM0.31 juta atau 7.00%. Perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM2.74 juta (2019 : RM1.75 juta), Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM1.50 juta (2019 : RM2.16 juta), Kumpulan Wang Penyelidikan sebanyak RM0.05 juta (2019 : RM0.03 juta) dan Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM0.45 juta (2019 : RM0.49 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kumpulan wang adalah seperti Jadual 7.1 dan Carta 7.1.

**Jadual 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti
(Kumpulan Wang)**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	2.74	57.81	1.75	39.50
Kumpulan Wang Pembangunan	1.50	31.65	2.16	48.76
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.05	1.05	0.03	0.68
Kumpulan Wang Amanah	0.45	9.49	0.49	11.06
Jumlah	4.74	100.00	4.43	100.00

**Carta 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti
(Kumpulan Wang)**





Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM2.24 juta (2019 : RM1.44 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.04 juta (2019 : RM0.02 juta), kenderaan dan jentera berjumlah RM0.02 juta (2019 : Tiada) serta alat kelengkapan berjumlah RM2.44 juta (2019 : RM2.97 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kategori adalah seperti Jadual 7.2 dan Carta 7.2.

**Jadual 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti
(Kategori)**

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Bangunan & Pembaikan Bangunan	2.24	47.26	1.45	32.51
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	0.04	0.84	0.02	0.45
Kenderaan & Jentera	0.02	0.42	-	-
Alat Kelengkapan	2.44	51.48	2.97	67.04
Jumlah	4.74	100.00	4.43	100.00

**Carta 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti
(Kategori)**



TAMBAHAN PROJEK DALAM KEMAJUAN UNIVERSITI

Bayaran projek dalam kemajuan Universiti adalah sebanyak RM5.57 juta berbanding RM18.42 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM12.85 juta atau 69.76%. Bayaran projek dalam kemajuan Universiti merangkumi bayaran daripada Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pembangunan. Bagi Kumpulan Wang Mengurus, bayaran projek dalam kemajuan adalah sebanyak



RM0.07 juta (2019 : RM2.07 juta) dan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM5.50 juta (2019 : RM16.35 juta).

Jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan kepada hartanah, loji & peralatan hanya melibatkan Kumpulan Wang Pembangunan iaitu sebanyak RM3.87 juta (2019 : RM68.71 juta). Perbandingan komposisi tambahan projek dalam kemajuan adalah seperti Jadual 8.1 dan Carta 8.1.

Jadual 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	0.07	1.26	2.07	11.24
Kumpulan Wang Pembangunan	5.50	98.74	16.35	88.76
Jumlah	5.57	100.00	18.42	100.00

Carta 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti



ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (KUMPULAN)

Keseluruhan aset kumpulan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM714.96 juta berbanding RM719.58 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM4.62 juta atau 0.64%. Aset kumpulan adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM464.12 juta (2019 : RM475.46 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM1.52 juta (2019 : RM0.30 juta), urusniaga pertukaran belum terima sebanyak RM9.51

juta (2019 : RM7.78 juta) dan urusniaga bukan pertukaran belum terima sebanyak RM3.76 juta (2019 : RM1.21 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan kumpulan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM70.17 juta berbanding RM56.66 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM13.51 juta atau 23.84%. Tanggungan kumpulan adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM17.19 juta (2019 : RM16.75 juta) dan tanggungan bukan semasa sebanyak RM52.98 juta (2019 : RM39.90 juta).



Jumlah rizab tunai kumpulan bagi tahun 2020 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM236.03 juta berbanding RM234.81 juta pada tahun 2019. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.22 juta iaitu 0.52%.

Jumlah aset bersih kumpulan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM644.79 juta berbanding RM662.93 juta pada tahun 2019. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM18.14 juta iaitu 2.74%.

Keseluruhan aset dan tanggungan kumpulan diwakili oleh enam (6) Kumpulan Wang seperti Jadual 9.1 dan Carta 9.1.

Jadual 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	150.72	20.84	168.01	22.97
Kumpulan Wang Pembangunan	376.96	52.10	385.00	52.62
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.71	0.10	0.72	0.10
Kumpulan Wang Amanah	148.69	20.56	136.47	18.66
Kumpulan Wang PinjamanKakitangan	7.00	0.97	7.00	0.96
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	(39.29)	5.43	(34.27)	4.69
Jumlah	644.79	100.00	662.93	100.00



ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (UNIVERSITI)

Keseluruhan aset Universiti bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM682.00 juta berbanding RM687.45 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM5.45 juta atau 0.79%. Aset Universiti adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM431.76 juta (2019 : RM442.70 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM1.52 juta (2019 : RM0.30 juta), urusniaga pertukaran belum terima sebanyak RM11.75 juta (2019 : RM10.45 juta), urusniaga bukan pertukaran belum terima sebanyak RM3.76 juta (2019 : RM1.21 juta) dan pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1.50 juta (2019 : RM1.50 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan Universiti bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM56.16 juta berbanding RM41.07 juta pada tahun 2019, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM15.09 juta atau 36.74%. Tanggungan Universiti adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM10.82 juta (2019 : RM10.45 juta) dan tanggungan bukan semasa sebanyak RM45.35 juta (2019 : RM30.62 juta).

Jumlah rizab tunai Universiti bagi tahun 2020 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM231.71 juta berbanding RM231.30 juta pada tahun 2019. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.41 juta iaitu 0.18%.



Jumlah aset bersih Universiti bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM625.83 juta berbanding RM646.38 juta pada tahun 2019. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM20.55 juta iaitu 3.18%.

Keseluruhan aset dan tanggungan Universiti diwakili oleh lima (5) Kumpulan Wang seperti Jadual 10.1 dan Carta 10.1.

Jadual 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)

Perkara/Tahun	2020		2019	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	92.55	14.79	117.28	18.15
Kumpulan Wang Pembangunan	376.96	60.23	385.00	59.56
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.71	0.11	0.72	0.11
Kumpulan Wang Amanah	148.61	23.75	136.37	21.10
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	1.12	7.00	1.08
Jumlah	625.83	100.00	646.37	100.00

Carta 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)



RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN UMK BAGI TEMPOH 5 TAHUN

Perkara/Tahun	2020	2019	2018	2017	2016
	RM	RM	RM	RM	RM
Lembaran Imbangan					
Aset Bukan Semasa	436,170,483	445,789,887	444,256,734	23,946,944	409,613,283
Aset Semasa	245,825,659	241,661,468	252,249,332	304,568,510	375,558,043
Liabiliti Bukan Semasa	45,346,618	30,621,133	36,696,264	78,955,170	152,878,687
Liabiliti Semasa	10,818,047	10,452,823	11,904,895	11,352,047	10,738,224
Dana dan Rezab	625,831,477	646,377,399	647,904,907	638,208,237	621,554,415
Nilai Pelaburan dalam Anak Syarikat	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Penyata Pendapatan					
Pemberian Kerajaan : Geran Mengurus	99,035,490	115,671,358	107,716,200	105,705,604	147,829,326
Pemberian Kerajaan : Geran Pembangunan	7,361,117	18,544,565	39,718,517	71,164,298	88,853,081
Pemberian Kerajaan : Geran Penyelidikan	1,830,524	1,035,629	3,407,174	6,536,761	5,050,721
Pemberian Kerajaan : Geran Amanah	3,457,631	2,302,760	1,721,616	2,022,495	882,868
Yuran Pelajar	37,217,050	35,110,995	34,617,473	35,376,847	35,277,392
Pendapatan Lain	11,822,180	10,679,285	17,743,314	23,709,151	19,496,699
Jumlah Pendapatan	160,723,902	183,344,592	204,924,294	244,875,156	297,390,087
Jumlah Perbelanjaan	181,998,901	186,259,453	194,120,842	185,540,615	192,283,138
Lebihan bersih pendapatan	(21,274,909)	(2,914,861)	10,803,452	59,334,541	105,106,949
Paparan Penyata Aliran Tunai					
Tunai di tangan dan tunai di bank	42,574,768	27,563,231	18,325,530	50,061,921	23,496,842
Simpanan Tetap	189,137,369	203,732,624	222,255,965	239,707,456	335,941,979
Pendapatan Sebelum Cukai	(21,274,909)	(2,914,861)	10,803,452	59,334,541	105,106,949
Paparan Nisbah Kewangan					
Nisbah Semasa	22.72	23.12	21.19	26.83	34.97
Nisbah Hutang	0.08	0.06	0.07	0.12	0.21
Nisbah Hutang kepada Dana & Rezab Kerajaan	0.09	0.06	0.08	0.14	0.26
Nisbah Pulangan ke atas Dana & Rezab Kerajaan	(0.03)	(0.00)	0.02	0.09	0.17
Margin Keuntungan Bersih	(13.24)	(1.59)	5.27	24.23	35.34
Modal Kerja	235,007,612	31,208,644	240,344,437	293,216,463	364,819,819



A close-up photograph of a person's hands working at a desk. The person is using a silver calculator and a silver laptop. On the desk, there are several documents with blue and green bar charts. The background is a warm, blurred indoor setting. The text 'PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT' is overlaid in blue on the right side of the image.

**PENYATA
KEWANGAN YANG
TELAH DIAUDIT**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakili sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Universiti dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam Penyata Kewangan.

Hal-hal Lain


- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3.1 (a) kepada penyata kewangan, Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti dan Kumpulan pada 31 Disember 2019, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
29 JULAI 2021



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, DATO' (Dr.) HUSSAMUDDIN BIN HJ YAACUB dan PROF. DATO' Ts. Dr. NOOR AZIZI BIN ISMAIL, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : Dato' (Dr.) Hussamuddin Bin
Hj Yaacub
GELARAN : Pengerusi Lembaga
TARIKH : 22/02/2021
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : Prof. Dato' Ts. Dr. Noor
Azizi Bin Ismail
GELARAN : Naib Canselor
TARIKH : 22/02/2021
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya JUNAIDAH BINTI BADAR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh Penama di atas)
di (tempat) **KOTA BHARU, KELANTAN.**)
pada **08 FEB 2021**)


.....
JUNAIDAH BINTI BADAR
No. K/P : 740312-01-6700

Di hadapan saya,




PESURUHJAYA SUMPAAH

Petak No. 28, Tingkat Bawah,
Bazar Tuan Padang,
Jalan Hospital,
15000 Kota Bharu, Kelantan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2020	2019 (Dinyatakan semula)	2020	2019 (Dinyatakan semula)	
	RM	RM	RM	RM	
Aset Semasa:					
Urusniaga pertukaran belum terima	4	8,116,892	6,485,167	10,353,509	9,155,110
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	5	3,760,013	1,210,503	3,760,013	1,210,503
Inventori	6	21,703	25,600	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai	7	236,033,098	234,810,918	231,712,137	231,295,855
Jumlah aset semasa		247,931,706	242,532,188	245,825,659	241,661,468
Aset Bukan Semasa:					
Hartanah, loji dan peralatan	8	464,118,513	475,464,519	431,760,760	442,702,095
Projek dalam kemajuan	9	1,515,772	295,493	1,515,772	295,493
Pelaburan dalam anak syarikat	10	-	-	1,500,000	1,500,000
Urusniaga pertukaran belum terima	4	1,393,951	1,292,299	1,393,951	1,292,299
Jumlah aset bukan semasa		467,028,236	477,052,311	436,170,483	445,789,887
Jumlah Aset		714,959,942	719,584,499	681,996,142	687,451,355
Liabiliti Semasa:					
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	11	12,999,947	14,196,750	6,896,219	8,587,386
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	12	2,570,997	1,355,747	2,570,997	1,355,747
Manfaat pekerja	13	1,350,831	509,690	1,350,831	509,690
Peruntukan cukai		264,500	692,424	-	-
Jumlah liabiliti semasa		17,186,275	16,754,611	10,818,047	10,452,823
Liabiliti Bukan Semasa:					
Manfaat pekerja	13	2,357,896	3,095,711	2,357,896	3,095,711
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	11	3,893,279	5,450,184	-	-
Liabiliti cukai tertunda	14	3,734,895	3,821,133	-	-
Pendapatan tertunda	15	42,996,716	27,533,417	42,988,722	27,525,422
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa:		52,982,786	39,900,445	45,346,618	30,621,133
Jumlah Liabiliti		70,169,061	56,655,056	56,164,665	41,073,956
Ekuiti:					
Kumpulan wang mengurus	16	150,717,585	168,005,598	92,550,771	117,282,988
Kumpulan wang pembangunan	17	376,963,219	385,003,746	376,963,219	385,003,746
Kumpulan wang penyelidikan	18	713,389	718,173	713,389	718,173
Kumpulan wang amanah	19	148,691,466	136,469,858	148,604,098	136,372,492
Kumpulan wang pinjaman	20	7,000,000	7,000,000	7,000,000	7,000,000
Kerugian terkumpul anak syarikat	21	(39,294,778)	(34,267,932)	-	-
		644,790,881	662,929,443	625,831,477	646,377,399
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
Jumlah Ekuiti		644,790,881	662,929,443	625,831,477	646,377,399
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		714,959,942	719,584,499	681,996,142	687,451,355

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2020 RM	2019 (Dinyatakan semula) RM	2020 RM	2019 (Dinyatakan semula) RM
Pendapatan:					
Urusniaga Pertukaran	22	14,496,919	12,649,445	11,810,242	10,678,685
Urusniaga Bukan Pertukaran	23	148,913,750	172,665,907	148,913,750	172,665,907
Jumlah pendapatan		163,410,669	185,315,352	160,723,992	183,344,592
Perbelanjaan:					
Emolumen		77,447,696	71,394,489	77,388,597	71,371,489
Perkhidmatan dan bekalan		76,846,461	82,127,758	79,023,103	86,273,361
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap		2,241,637	1,806,742	2,130,637	1,805,462
Perbelanjaan lain		4,498,018	7,725,584	3,933,144	6,587,092
Susutnilai tahunan		20,348,471	21,030,958	19,523,420	20,222,049
Jumlah perbelanjaan		181,382,283	184,085,531	181,998,901	186,259,453
Lebihan/(kurangan) sebelum cukai		(17,971,616)	1,229,821	(21,274,909)	(2,914,861)
Cukai	24	(895,933)	(917,419)	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun		(18,867,549)	312,402	(21,274,909)	(2,914,861)
Lebihan bagi tahun diagihkan kepada:					
Pemilik entiti yang mengawal		(18,867,549)	312,402	(21,274,909)	(2,914,861)
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
		(18,867,549)	312,402	(21,274,909)	(2,914,861)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Kumpulan – 31 Disember 2020

	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
Baki pada 31 Disember 2019								
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	168,005,598	385,003,746	718,173	136,469,858	7,000,000	(34,267,932)	-	662,929,442
- Pelarasan tahun lepas	937,681	-	(3,167)	(210,527)	-	-	-	662,929,442
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2020	168,943,279	385,003,746	715,006	136,259,331	7,000,000	(34,267,932)	-	663,653,429
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(13,091,322)	(8,040,527)	93,383	7,197,763	-	(5,026,846)	-	(18,867,549)
Pindahan	(5,134,372)	-	(95,000)	5,234,372	-	-	-	5,000
Baki pada 31 Disember 2020	150,717,585	376,963,219	713,389	148,691,466	7,000,000	(39,294,778)	-	644,790,880
Baki pada 31 Disember 2018								
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	170,497,174	381,527,030	1,102,359	130,866,906	7,000,000	(29,760,349)	-	661,233,120
- Keuntungan subsidiari anak syarikat	-	-	-	-	-	(3,432)	-	(3,432)
- Pelarasan tahun lepas	170,497,174	381,527,030	1,102,359	130,866,906	7,000,000	(29,763,781)	-	661,229,688
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2019	1,209,032	235,953	10,195	(67,828)	-	-	-	1,387,352
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(2,050,608)	3,240,763	(822,651)	4,449,050	-	(4,504,151)	-	312,402
Pindahan	(1,650,000)	-	428,270	1,221,730	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019	168,005,598	385,003,746	718,173	136,469,858	7,000,000	(34,267,932)	-	662,929,442

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Universiti – 31 Disember 2020

	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
Baki pada 31 Disember 2019	117,282,988	385,003,746	718,173	136,372,492	7,000,000	-	-	646,377,399
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	117,282,988	385,003,746	718,173	136,372,492	7,000,000	-	-	646,377,399
- Pelarasan tahun lepas	937,681	-	(3,167)	(210,527)	-	-	-	723,987
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2020	118,220,669	385,003,746	715,006	136,161,965	7,000,000	-	-	647,101,386
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(20,535,526)	(8,040,527)	93,383	7,207,761	-	-	-	(21,274,909)
Pindahan	(5,134,372)	-	(95,000)	5,234,372	-	-	-	5,000
Baki pada 31 Disember 2020	92,550,771	376,963,219	713,389	148,604,098	7,000,000	-	-	625,831,477
Baki pada 31 Disember 2018	127,850,428	381,527,030	1,102,359	130,425,090	7,000,000	-	-	647,904,907
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	127,850,428	381,527,030	1,102,359	130,425,090	7,000,000	-	-	647,904,907
- Pelarasan tahun lepas	1,209,032	235,953	10,195	(67,828)	-	-	-	1,387,352
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2019	129,059,460	381,762,983	1,112,554	130,357,262	7,000,000	-	-	649,292,259
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(10,126,472)	3,240,763	(822,651)	4,793,500	-	-	-	(2,914,861)
Pindahan	(1,650,000)	-	428,270	1,221,730	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019	117,282,988	385,003,746	718,173	136,372,492	7,000,000	-	-	646,377,398

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi				
Lebihan pendapatan sebelum cukai	(17,971,616)	1,229,821	(21,274,909)	(2,914,861)
Pelarasan untuk:				
Susutnilai tahunan	20,348,471	21,030,958	19,523,420	20,222,049
Peruntukan hutang ragu	491,477	491,477	491,477	491,477
Peruntukan manfaat pekerja	1,648,372	1,150,268	1,648,372	1,150,268
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	5	-	5	-
Pelarasan projek dalam kemajuan				
tahun lepas ke perbelanjaan tahun semasa	-	18,561	-	18,561
Geran pembangunan dilunaskan	(7,361,117)	(18,544,565)	(7,361,117)	(18,544,565)
Geran penyelidikan dilunaskan	(1,830,524)	(1,035,629)	(1,830,524)	(1,035,629)
Geran amanah dilunaskan	(3,457,631)	(2,302,760)	(3,457,631)	(2,302,760)
Pelarasan hasil dan perbelanjaan tahun lepas	(54,990)	(207,168)	(54,990)	(207,168)
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	-	10	-	10
Cukai dibayar	(1,410,095)	(2,776,306)	-	-
Faedah pinjaman	435,701	987,291	-	-
Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(9,161,947)	41,958	(12,315,897)	(3,122,619)
(Tambah)/Kurangan dalam				
Inventori	3,897	(20,695)	-	-
Penghutang dan pelbagai penghutang	(4,258,556)	298,651	(3,968,959)	(115,869)
Deposit dan prabayar	-	(214,191)	-	(214,191)
Tambahan/(Kurangan) dalam				
Pemiutang dan pelbagai pemiutang	(1,827,092)	551,515	(1,691,167)	(120,092)
Deposit dan terakru	1,149,974	(215,275)	1,149,974	(460,888)
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi	(14,093,724)	441,963	(16,826,049)	(4,033,659)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(4,937,402)	(4,940,425)	(4,517,021)	(4,393,565)
Hasil atas jualan hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	-
Perolehan saham	-	-	-	-
Modal saham	500,000	-	-	-
Projek dalam kemajuan	(5,194,962)	(16,412,019)	(5,194,962)	(16,412,019)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(9,632,363)	(21,352,444)	(9,711,983)	(20,805,584)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Geran pembangunan diterima	6,807,700	8,000,000	6,807,700	8,000,000
Geran penyelidikan diterima	2,417,475	2,827,076	2,417,475	2,827,076
Geran amanah diterima	18,887,399	5,645,577	18,887,399	5,645,577
Pembayaran manfaat pekerja	(1,158,261)	(919,050)	(1,158,261)	(919,050)
Bayaran ansuran pembiayaan	(2,006,046)	(4,753,841)	-	-
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan	24,948,267	10,799,762	26,954,313	15,553,603
Tambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	1,222,180	(10,110,719)	416,282	(9,285,640)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	234,810,918	244,915,661	231,295,855	240,581,495
Pelarasan Tunai dan Kesetaraan Tunai Pd Awal Tahun	-	5,976	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	236,033,098	234,810,918	231,712,137	231,295,855

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PRESTASI BAJET
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	JUMLAH BAJET		JUMLAH	VARIAN BAJET
	ASAL RM	AKHIR RM	SEBENAR RM	RM
PENDAPATAN				
Geran Mengurus	101,213,000	101,213,000	87,638,700	(13,574,300)
Geran Tambahan	-	10,009,790	10,009,790	-
Yuran Pengajian	34,649,668	26,051,327	25,271,306	(780,021)
Pendapatan Lain	13,047,229	4,892,674	5,712,148	819,474
JUMLAH PENDAPATAN	148,909,897	142,166,791	128,631,944	(13,534,847)
PERBELANJAAN				
EMOLUMEN				
Gaji dan Upahan	50,000,000	50,670,000	49,951,602	718,398
Elaun-Elaun Tetap	14,000,000	12,766,000	14,342,978	(1,576,978)
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	8,000,000	10,459,000	10,628,043	(169,043)
Elaun Lebih Masa	325,000	1,009,970	566,075	443,895
Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	4,047,000	2,140,000	1,899,148	240,852
JUMLAH	76,372,000	77,044,970	77,387,846	(342,876)
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN				
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	1,725,000	2,797,818	1,910,445	887,373
Pengangkutan Barang-barang	15,000	35,000	11,115	23,885
Perhubungan & Utiliti	12,382,000	11,945,649	7,677,721	4,267,928
Sewaan	17,488,000	18,008,211	16,726,411	1,281,800
Bahan-bahan Makanan Dan Minuman	114,000	111,286	65,490	45,796
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	1,287,000	633,188	351,460	281,728
Bekalan Dan Bahan-bahan Lain	3,618,000	5,529,911	3,561,647	1,968,264
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	5,000,000	10,002,851	6,202,649	3,800,202
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti	40,819,000	34,982,093	28,309,845	6,672,249
JUMLAH	82,448,000	84,046,008	64,816,783	19,229,225
ASET				
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	-	227,780	794,081	(566,301)
Kemudahan dan Pembaikan	-	-	38,986	(38,986)
Kenderaan dan Jentera	-	16,000	16,000	-
Harta Modal Yang Lain	1,000,000	1,221,072	816,998	404,075
JUMLAH	1,000,000	1,464,852	1,666,065	(201,213)
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP				
Biasiswa dan Dermasiswa	2,000,000	248,900	184,494	64,406
Pemberian Dalam Negeri	25,000	10,000	500	9,500
Ganjaran	405,000	88,000	1,066,334	(978,334)
Gantian Cuti Rehat	926,000	581,000	115,259	465,741
JUMLAH	3,356,000	927,900	1,366,587	(438,687)
PERBELANJAAN LAIN				
Bayaran-bayaran lain	1,824,000	1,516,270	1,129,038	387,233
JUMLAH	1,824,000	1,516,270	1,129,038	387,233
JUMLAH PERBELANJAAN	165,000,000	165,000,000	146,366,319	18,633,681
KURANGAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN	(16,090,103)	(22,833,209)	(17,734,375)	(32,168,528)

NOTA BAGI PENYATA PRESTASI BAJET

1. Penyediaan Penyata Prestasi Bajet Tahun 2020 adalah disedia berdasarkan Kumpulan Wang Mengurus iaitu melibatkan Geran Mengurus Kerajaan dan Sumber Dalaman (berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti untuk menampung Geran Kerajaan).
2. Bajet telah diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsi. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal bermula dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020.
3. Bajet asal telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui emel kelulusan bertarikh 18 Mac 2019. Bagaimanapun, UMK telah dikenakan sekatan waran sebanyak RM13,574,300 melalui emel penyaluran peruntukan bagi suku ketiga dan suku keempat pada 22 September dan 6 Nov 2020. Bajet akhir adalah selepas mengambilkira sekatan waran tersebut dan peruntukan tambahan sebanyak RM10,009,790 untuk emolumen kakitangan kontrak dan ketidakcukupan Universiti untuk tahun 2020 telah diluluskan melalui kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 18 Februari, 13 Oktober dan 21 Disember 2020.
4. Waran sekatan telah dikenakan pada suku ketiga sebanyak RM6,079,450 manakala bagi suku keempat tahun 2020 sebanyak RM7,504,850.
5. Penyesuaian amaun sebenar pada asas boleh banding seperti yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar dan amaun sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dibentangkan di bawah. Penyata kewangan dan dokumen bajet telah disediakan untuk tempoh yang sama. Terdapat perbezaan entiti di mana bajet disediakan untuk keperluan Mengurus sahaja, manakala penyata kewangan menyatukan semua entiti yang dikawal oleh UMK. Terdapat juga perbezaan asas di mana bajet disediakan pada asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akrual.

Perkara	Operasi	Pembiayaan	Pelaburan	Jumlah
Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding seperti yang Dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar	146,366,318.79	-	-	146,366,318.79
Perbezaan Asas	4,188,151.74	-	-	4,188,151.74
Perbezaan Entiti				
Amaun Sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	150,554,470.53	-	-	150,554,470.53

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

(a) Penubuhan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

(b) Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

(c) Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2020 adalah seramai 1,232 orang (2019 : 1,118 orang) yang terdiri daripada staf tetap/pinjaman seramai 861 orang (2019 : 754 orang) dan staf sementara/kontrak seramai 371 orang (2019 : 364 orang).

(d) Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi sesi 2020/2021 adalah seramai 3,033 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2020 adalah 10,259 orang (2019 : 9,731 orang).

(e) Mata Wang Pembentangan dan Fungsian

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

(f) Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020 telah dibentangkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Audit (JKA) pada 18 Februari 2021 dan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) pada 20 Februari 2021. Seterusnya, Penyata Kewangan ini dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 22 Februari 2021.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Instrumen kewangan Kumpulan dan Universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan kawalan risiko yang terdedah kepada Kumpulan dan Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

(a) Risiko Kadar Faedah

Kumpulan memperolehi kemudahan kewangan melalui kemudahan kredit yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan. Lebihan dana ditempatkan di institusi kewangan yang bereputasi dengan kadar faedah yang bersesuaian. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen.

(b) Risiko Pasaran

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan dalam harga ekuiti tersiar. Kumpulan tidak menggunakan instrumen derivatif untuk mengawal ekuiti tersiar.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Kumpulan dan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut konvensyen kos asal (sejarah) dan menurut Piawaian Perakaunan diluluskan dan dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian.

Mulai tahun kewangan 31 Disember 2020, Universiti Malaysia Kelantan telah menggunakan piawaian perakaunan Malaysia Public Sector Accounting Standard (MPSAS) menggantikan piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) menerusi kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 6 Tahun 2020.

Penyata Kewangan ini telah disediakan dengan memenuhi piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS – Malaysian Public Sector Accounting Sector) dengan mengambil kira pengecualian mana yang dibenarkan.

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu.

Kesan pengiktirafan ini akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal lebih terkumpul. Walau bagaimanapun, ahli lembaga pengarah berpendapat dengan menggunakan peruntukan dan pengecualian ini, ia tidak akan menjejaskan persembahan penyata kewangan yang saksama serta pematuhan kepada asas akruan MPSAS.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (samb.)

(b) Pemakaian MPSAS

UMK telah menggunakan piawaian MPSAS seperti berikut:

MPSAS 1	- Presentation of Financial Statements
MPSAS 2	- Cash Flow Statements
MPSAS 3	- Accounting Policies, Changes in Accounting Estimated and Errors
MPSAS 4	- The Effect of Changes in Foreign Exchange
MPSAS 6	- Consolidated and Separate Financial Statements
MPSAS 9	- Revenue From Exchange Transactions
MPSAS 11	- Construction Contracts
MPSAS 12	- Inventories
MPSAS 13	- Leases
MPSAS 14	- Events After The Reporting Date
MPSAS 16	- Investment Property
MPSAS 17	- Property, Plant And Equipment
MPSAS 19	- Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets
MPSAS 20	- Related Party Disclosures
MPSAS 21	- Impairment of Non-Cash Generating Assets
MPSAS 22	- Disclosure of Financial Information
MPSAS 23	- Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes And Transfers)
MPSAS 24	- Presentation of Budget Information in Financial Statements
MPSAS 26	- Impairment of Cash-Generating Assets
MPSAS 28	- Financial Instruments : Presentation
MPSAS 29	- Financial Instruments : Recognition and Measurement
MPSAS 30	- Financial Instruments : Disclosure
MPSAS 33	- First-Time Adoption Accrual Basis MPSASs
MPSAS 34	- Separate Financial Statements
MPSAS 35	- Consolidated Financial Statements
MPSAS 36	- Investments in Associates and Joint Ventures
MPSAS 37	- Joint Arrangements
MPSAS 38	- Disclosure of Interest in Other Entities

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (samb.)

(b) Pemakaian MPSAS (samb.)

Dalam peralihan kepada MPSAS, Universiti mengambil kesempatan daripada pengecualian terhadap tempoh peralihan selama tiga (3) tahun bagi pemakaian kali pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam (MPSAS). Standard piawaian yang terlibat adalah MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan : Aset Infrastruktur, MPSAS 25 – Manfaat Pekerja dan MPSAS 31 – Aset Tak Ketara.

UMK memiliki aset infrastruktur dan aset tak ketara yang perlu dikenalpasti dan diklasifikasikan semula di dalam penyata kewangan dan UMK masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung perkara tersebut. Oleh itu, dalam tempoh peralihan ini, UMK tidak perlu untuk menukar dasar perakaunan berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran aset tersebut atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana-mana yang terdahulu).

Bagi memenuhi kehendak MPSAS 25, UMK perlu mengambilkira kadar gaji tahun persaraan dalam mengira amaun liabiliti jangka panjang bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan ke atas sistem sedia ada menyebabkan kriteria tersebut tidak dapat dipenuhi. Oleh itu, sistem ini perlu dibuat penambahbaikan bagi memastikan ianya memenuhi kehendak MPSAS tersebut dan UMK menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan dalam tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh pemakaian MPSAS atau sehingga kadar gaji tahun persaraan dapat diukur (mana-mana yang terdahulu).

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

(a) Asas Penyatuan Akaun

Mulai tahun 2011, Akaun Kumpulan meliputi kesemua Kumpulan Wang Universiti dan anak syarikat yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Semua baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam Kumpulan telah dihapus kira sepenuhnya semasa penyatuan dan yang akan disatukan mengambil kira urusniaga luaran sahaja.

(b) Pelaburan Dalam Anak Syarikat

Anak syarikat adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktivitiinya. Pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosotnilai, jika ada.

(c) Pengiktirafan Pendapatan

- (i) Pengiktirafan geran kerajaan adalah sebagaimana berikut:
 - Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila tiada syarat tertentu yang dikenakan terhadap geran kerajaan yang diterima.
 - Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi geran yang dikenakan syarat tertentu hanya apabila syarat terhadap geran tersebut telah dipenuhi. Jika syarat yang dikenakan terhadap geran tersebut belum dipenuhi, amaun geran yang diterima perlu dinyatakan sebagai geran tertunda (pendapatan tertunda) dan diiktiraf sebagai liabiliti bukan semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
- (ii) Pendapatan yuran pelajar adalah berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.
- (iii) Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akruan. Faedah simpanan tetap daripada tabung amanah akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung amanah berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat daripada peruntukan tabung amanah tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap yang lain, pendapatan diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Mengurus.
- (iv) Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akruan. Faedah simpanan tetap daripada tabung amanah akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung amanah berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat daripada peruntukan tabung amanah tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap yang lain, pendapatan diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Mengurus.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (samb.)

(c) Pengiktirafan Pendapatan (samb.)

- (v) Faedah dari pinjaman kenderaan dan komputer diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(d) Pengiktirafan Perbelanjaan

Kriteria bagi pengiktirafan semua perbelanjaan adalah seperti berikut:

(i) Perolehan barangan dan perkhidmatan

Bagi barangan atau perkhidmatan yang telah diterima serta dokumen-dokumen berikut telah diterima oleh Universiti Malaysia Kelantan pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa:

- Waran perbelanjaan yang telah diluluskan.
- Pesanan Jabatan/Kerja/LO yang telah dikeluarkan.
- Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja/Perkhidmatan telah diluluskan.
- Bil atau invoice daripada syarikat.

(ii) Tuntutan-tuntutan lain

Bagi tuntutan-tuntutan lain yang telah disahkan dan diterima pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa.

(e) Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan spesifik jumlah keseluruhan terhadap penghutang dengan pengumuman bermula tahun ketiga sehingga kelima dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas baki akaun penghutang selepas mengambil kira amaun yang dihapuskan. Akaun penghutang dinyatakan pada nilai yang telah diambil kira selepas peruntukan hutang ragu.

(f) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa yang sah dan konstruktif kesan daripada peristiwa sebelum, apabila terdapat kemungkinan aliran tunai keluar daripada sumber-sumber yang merangkumi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk melangsaikan tanggungan yang mana anggaran terhadap amaun obligasi dapat dibuat dengan munasabah.

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(g) Hartanah, Loji dan Peralatan

- (i) Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai dan ditakrifkan sebagai barang-barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.
- (ii) Bagi alat kelengkapan, pembelian yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu dikelaskan sebagai perbelanjaan aset tetap.
- (iii) Bagi pembelian langsir, permaidani, bidai dan pengadang, pinggan mangkuk dan buku tanpa mengambil kira kos pembelian dikelaskan sebagai perbelanjaan bukan harta modal/aset tetap.
- (iv) Susutnilai adalah berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset tetap berkenaan.
- (v) Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah sebagaimana yang digariskan di dalam MPSAS iaitu berdasarkan 'economical useful life' sesuatu aset tetap antaranya seperti berikut:

	Kumpulan	Universiti
Bangunan dan pembaikan bangunan	2 – 10%	2%
Kemudahan dan pembaikan kemudahan	5%	5%
Kenderaan dan jentera	20%	20%
Alat kelengkapan	20%	20%

- (vi) Satu mesyuarat telah diadakan pada 21 November 2017 bagi membincangkan isu berkaitan tanah Universiti Awam (UA) yang dihadiri oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan, Bendahari/Timbangan Bendahari Universiti berkaitan dan Jabatan Audit Negara. Mesyuarat telah memutuskan bahawa tanah yang didaftarkan di bawah nama Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP) tidak boleh dipermodalkan selagi belum mendapat kelulusan pajakan daripada PTP.

(h) Projek Dalam Kemajuan

Kerja-kerja dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun berkenaan.

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(i) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya, manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak, jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosotnilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam Penyata Prestasi Kewangan.

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(j) Perbelanjaan Tanah dan Pembangunan

Kos tanah yang dipegang untuk pembangunan serta perbelanjaan pembangunan berkaitan dibawa ke hadapan pada kos campur keuntungan terakru ke tahap penyiapan yang bersesuaian tolak bayaran kemajuan dan peruntukan kerugian boleh jangka. Perbelanjaan pembangunan meliputi kos pembinaan dan lain-lain kos pembangunan berkaitan termasuk kos faedah dan *overhead* pentadbiran berkaitan projek.

(k) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos termasuk, di mana patut, bahan langsung, buruh langsung, belanja langsung dan kos pasti pengeluaran angkubah yang ditentukan di atas asas masuk dahulu, keluar dahulu.

(l) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. UMK telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat jangka pendek.

(ii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai manfaat pekerja jangka panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap yang berumur 48 tahun ke atas dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

(iii) Manfaat Pemberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja diiktiraf hanya selepas persetujuan wakil pekerja atas syarat-syarat lebihan yang telah ditetapkan atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan mengenai syarat-syarat tersebut.

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(l) Manfaat Pekerja (samb.)

(iv) Pelan Caruman Tetap

UMK membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan dilakukan.

(m) Polisi bagi Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap.

(n) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- (i) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.
- (ii) Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar akan diakaunkan dan diiktiraf sebagai hasil mengikut setiap semester pengajian.
- (iii) Sumbangan yang diterima daripada pihak luar dan denda diiktiraf berdasarkan asas akruan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(n) Pengiktirafan Hasil (Samb.)

(ii) Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

- (i) Pendapatan Faedah dan Dividen meliputi hasil hasil faedah daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan faedah pinjaman yang diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan berasaskan kaedah akruan.
- (ii) Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan dengan menggunakan dasar garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.
- (iii) Pelbagai pendapatan meliputi hasil jualan dan perkhidmatan diiktiraf semasa jualan dan perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

(o) Cukai Pendapatan dan Cukai Tertunda

(i) Kumpulan

Cukai tertunda disertakan, di bawah kaedah liabiliti bagi semua perbezaan masa melainkan jika terdapat indikasi bahawa perbezaan masa tersebut tidak dapat ditarik balik pada jangka masa hadapan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf jika terdapat jangkaan munasabah ke atas realisasinya.

(ii) Universiti

